

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

<b>Bil. 19</b>	<b>Rabu</b>	<b>4 April 2018</b>
----------------	-------------	---------------------

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 29)
Menarik Balik Rang Undang-undang Di Bawah P.M.62	(Halaman 141)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (Pindaan) 2018	(Halaman 30)
Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018	(Halaman 101)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KEENAM  
MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 4 April 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan jumlah kemasukan Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) mengikut tahun 2013 - 2017, jelaskan faktor dan strategi yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam membawa masuk pelaburan luar.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, pelaburan langsung asing yang diluluskan bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017 bagi sektor perkilangan adalah sebanyak RM141 bilion melibatkan 1,801 projek yang dijangka menjana sebanyak 222,000 peluang pekerjaan apabila projek-projek tersebut dilaksanakan sepenuhnya. Jumlah pelaburan asing yang diluluskan mengikut tahun adalah seperti berikut; 2013 – RM30 bilion, 2014 – RM39.6 bilion, 2015 – RM21.9 bilion, 2016 – RM27.4 bilion, 2017 – RM21.6 bilion.

Di antara negara-negara utama yang telah melabur di dalam sektor perkilangan sepanjang tempoh ini adalah Jepun, Singapura, China, Korea Selatan, Amerika Syarikat dan Jerman. Kerajaan sentiasa mengambil langkah proaktif untuk menyediakan iklim pelaburan yang lebih menarik dan kondusif bagi menggalakkan pelaburan termasuk pelaburan asing. Di antara langkah-langkah tersebut adalah menambah baik dasar semasa termasuk meliberalisasikan dasar-dasar berkaitan pelaburan bagi menggalakkan pelaburan di seluruh negara dan seterusnya mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan juga memperkenalkan pendekatan berfokus atau *targeted approach* dalam usaha menarik pelaburan berkualiti di samping memberi penekanan terhadap industri-industri berintensif modal dan berteknologi tinggi serta R&D.

Di samping itu, bagi memastikan kemasukan aliran pelaburan asing secara berterusan ke dalam negara ini, Kerajaan Pusat turut bekerjasama dengan kerajaan negeri melalui langkah-langkah berikut:

- (i) meningkatkan penyelarasan di antara semua agensi Kerajaan Pusat dan negeri serta swasta berkaitan bidang pelaburan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi melalui Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU;
- (ii) menganjurkan misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri MITI untuk memaklumkan kepada pelabur-pelabur asing tentang pelaburan dalam sektor-sektor yang disasarkan;
- (iii) membiayai aktiviti menaik taraf dan memperbaiki infrastruktur asas, fasiliti serta kemudahan dalam kawasan perindustrian sedia ada di semua negeri;
- (iv) membangunkan ekosistem rangkaian bekalan tempatan dengan penganjuran *supplier conference* supaya syarikat-syarikat tempatan turut mendapat peluang perniagaan daripada projek-projek pelaburan syarikat multinasional; dan juga
- (v) memberi perkhidmatan yang diperlukan oleh para pelabur melalui 12 rangkaian pejabat MIDA. Pejabat-pejabat ini secara berterusan membantu pelabur melalui kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa Persekutuan dan negeri bagi memudahkan serta meningkatkan tahap ke pelaksanaan projek syarikat-syarikat baru dan sedia ada. MIDA juga mempunyai rangkaian pejabat di luar negara meliputi Asia, Eropah, Amerika Syarikat dan Australia yang sentiasa bersedia untuk menggalakkan pelaburan nilai tambah ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Menteri atas jawapan. Tuan Yang di-Pertua, negeri Johor bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Khaled Nordin, bawah pimpinan Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional, *we are number one*. Negeri yang mempunyai pelaburan paling tinggi dalam tempoh yang sama, berturut-turut setiap tahun. Saya percaya Johor boleh buat lebih baik daripada sekarang sekiranya

syarikat Kuok Kwang Petrol Chemical Technology *company* milik Taiwan tidak menarik dirinya dari projek Pengerang kerana faktor itu pembangkang yang membantah kuat. Seorang Ahli Parlimen bersama dengan beberapa orang ADUN boleh bantah sampai pergi ke Taiwan, buat bantahan kuat sehinggakan projek ini tidak jadi dan mereka menarik diri. Jadi saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah kesan buruk, apakah impak kepada ekonomi kita sekiranya projek tersebut terbatal? Terima kasih.

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Saya di sini ingin menegaskan sekali lagi bahawa kejayaan sesebuah negara dalam menarik pelaburan asing bergantung kerjasama erat di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat. Selama ini Kerajaan Pusat sebenarnya mengambil sikap adil dan tidak diskriminasi mana-mana negeri atas fahaman politik untuk menarik pelaburan asing ke negara ini. Oleh itu, sekiranya pelabur-pelabur ini tidak yakin dengan negara Malaysia, maka mereka tidak akan melabur di negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Sarawak. Maka terdapat dakwaan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang gagal adalah semata-mata untuk kepentingan politik.

■1010

Dari segi soalan yang ditanya mengenai impaknya sekiranya projek Pengerang dibatalkan, saya tidak mempunyai maklumat secara terperinci tetapi yang saya difahamkan, data yang saya ada dari segi Pengerang ini, kalau benar-benar projek ini dibatalkan, impaknya adalah besar, khususnya kepada negeri Johor di mana jumlah pelaburannya dalam Pengerang adalah lingkungan dalam RM60 bilion. Maka, ini jelas akan memberi impak yang begitu negatif kepada negeri Johor. Sekian, terima kasih.

**Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya hendak membentangkan berita terkini yang mana terdapat ura-ura peperangan perdagangan di antara Amerika dan China. Tarif sudah dinaikkan di antara dua kumpulan iaitu Amerika juga mengenakan tarif ke atas barangan dan China juga sudah mula menyatakan akan mengenakan tarif kepada lebih daripada 130 barangan. Akan tetapi yang penting untuk perbincangan hari ini ialah Amerika mula menyatakan dia akan menahan pelaburan negara China dalam operasi teknologi *innovation* dan juga teknologi baru. Jadi, saya hendak tanya kementerian sudah kah kementerian merangka satu *task force* atau pun membuat satu *task force* untuk mengkaji keadaan ini supaya kita dapat berada dalam satu keadaan dalam apa-apa pun pelaburan negara kita ini dapat dipertahankan?

**Datuk Chua Tee Yong:** Terima kasih atas soalan tambahan. Memang benar dari segi apa yang kita baca dalam media massa mengenai tarif yang dinaikkan oleh Amerika Syarikat dengan negara China di antara dua-dua negara tersebut. Ia memang merupakan

sesuatu yang membimbangkan kerana ia akan memberi impak bukan sahaja kepada Malaysia tetapi kebanyakan negara-negara juga akan terlibat khususnya yang terlibat dalam eksport dan import. Dari segi Malaysia, kita memahami negara China dan Amerika Syarikat merupakan pasaran yang penting untuk kita.

Oleh itu, kita dalam pihak MITI sedang bekerjasama dengan rangkaian pejabat yang kita ada sama ada di Amerika Syarikat dan di negara China untuk memantau apa yang berlaku dan juga melihat perkembangan dan cuba mencari cara penyelesaian supaya barangan khususnya eksport atau import dari dua-dua buah negara ini tidak akan— Malaysia juga terlibat dalam perkara-perkara tersebut tetapi itu merupakan sesuatu yang memang mencabar dari segi untuk kita mengurangkan atau boleh dikatakan menyelesaikannya dengan sepenuhnya kerana pada masa sekarang perkembangan yang berlaku ini merupakan perkembangan yang negatif bukan sahaja kepada Malaysia tetapi untuk dunia dari segi perdagangan. Maka, Malaysia akan memainkan peranannya bersama-sama juga dengan negara-negara ASEAN kita juga akan melihat khususnya kerana ini memberi impak yang begitu negatif kepada perkembangan ekonomi sesebuah negara. Sekian, terima kasih.

**2. Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan prosedur menyenaraihitamkan individu yang gagal membuat pembayaran semula pinjaman PTPTN setelah menamatkan pelajaran.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus atas soalan berkaitan dengan PTPTN. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, tindakan PTPTN menyenaraikan peminjam di Jabatan Imigresen Malaysia atau JIM bukanlah merupakan suatu perkara untuk menghukum atau menindas atau membebaskan peminjam tetapi lebih kepada membantu dan mendidik peminjam PTPTN itu sendiri untuk memulakan langkah pembayaran secara konsisten bagi mengelakkan mereka lebih terbeban di kemudian hari.

Langkah ini merupakan langkah terakhir PTPTN setelah notis bayaran balik dan notis peringatan di hantar kepada peminjam dan ia hanya akan dikenakan kepada peminjam yang mempunyai tunggakan selama enam bulan ke atas iaitu selepas tempoh *grace period* dengan izin, iaitu dua belas bulan yang diberikan kepada mereka yang tamat belajar. Tempoh *grace period* dengan izin, yang sebelum ini adalah enam bulan sahaja. Akan tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan pelanjutan kepada 12 bulan mulai 1 November 2017 dalam bajet 2017 untuk memberi peluang kepada peminjam untuk mencari pekerjaan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, PTPTN telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada peminjam bagi mengelakkan disenaraikan di Jabatan Imigresen antaranya mengadakan Program *#BolehBincang* yang buka ruang kepada peminjam untuk berunding dengan PTPTN sama ada untuk mengurangkan ansuran bulanan melalui penstrukturan semula pinjaman mengikut kemampuan sehingga peminjam berumur 60 tahun atau membuat penangguhan bayaran balik sehingga 24 bulan sekiranya peminjam masih belum mendapat pekerjaan.

Tindakan senarai nama di JIM ini merupakan usaha PTPTN bagi membantu peminjam itu sendiri daripada terus terlupa atau lalai daripada membuat pembayaran balik dan kesan positif ini terbukti kerana sehingga Februari 2018, 60 peratus daripada peminjam yang disenaraikan telah tampil membuat rundingan dan membayar balik pinjaman dengan jumlah yang berjaya dikutip sebanyak RM1.84 bilion dan jumlah ini dapat menampung kira-kira 76,000 orang pelajar sehingga mereka tamat pengajian. Prosedur ini adalah selaras dengan peruntukan seksyen 22A Akta PTPTN 1997 [*Akta 566*] yang membenarkan PTPTN menyenarai hitam peminjam dengan kerjasama JIM. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kita semua setuju bahawa pendidikan terutamanya pendidikan tinggi adalah hak asasi keperluan rakyat. Akan tetapi oleh kerana keluarga yang tidak mampu kerana tiada tabung yang memberikan pembiayaan secara percuma dan juga yuran pengajian yang dikenakan maka mereka terpaksa akhirnya meminjam.

Bila mana mereka habis belajar, mereka dibebankan dengan hutang. Bermula hidup sebagai seorang yang berhutang walaupun kita berikan tempoh enam bulan hingga setahun untuk mencari pekerjaan dan juga boleh bayar balik pinjaman tetapi data yang kita dapat pengangguran belia yang *bergraduate* ini adalah 15 *percent*. Maka, bagi saya ia satu kezaliman membiarkan rakyat kita terpaksa berlari memulakan kehidupan mereka dengan membawa tanggungan hutang.

Maka, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah berapa purata kos pengajian tinggi bagi setiap individu dan adakah kerajaan bersedia untuk jangka masa panjang menukar tabung pinjaman yang ada pada hari ini kepada tabung hibah atau pun pemberian secara hadiah bagi yuran pendidikan sahaja dan adakah yuran pengajian tinggi di universiti awam bersedia untuk dijadikan secara percuma, secara tiada yuran lah, percuma dan adakah sebagai ganti rugi kepada pengangguran yang sedang berlaku dan juga kos kehidupan yang semakin meningkat kerajaan bersedia untuk melupuskan

sebahagian hutang yang ditanggung oleh peminjam terutamanya yang saya disenaraikan hitam tadi? Terima kasih.

■1020

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat. Di sini saya nak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa sebagai belia penentu masa depan negara, peminjam perlu lebih bersikap bertanggungjawab terhadap diri, agama, bangsa dan negara dan memastikan generasi akan datang terus memperoleh manfaat pinjaman sebagai mana yang pernah mereka nikmati sebelum ini. Ini memang ada berkaitan dengan satu konsep atau satu nilai universal, di mana kalau katalah berhutang, bayar balik dan ini ada berkaitan dengan satu nilai integriti.

Berkaitan dengan bantuan, memang tidak dinafikan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi memberi bantuan yang dipelbagaikan dan salah satu adalah PTPTN. Hasrat PTPTN adalah untuk pastikan bahawa tidak ada pelajar gagal ke IPT atas alasan masalah kewangan. Jadi, selain daripada PTPTN yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, bantuan pengajian datang dalam bentuk yang tidak sama juga.

Tanggungan subsidi oleh kerajaan. Peruntukan pendidikan di Malaysia adalah tertinggi di dunia dan yuran terendah di dunia. Saya bagi satu contoh di sini bahawa untuk kursus perubatan, pelajar bayar RM9,000 sahaja. Sebenarnya, kos untuk perubatan adalah RM280,885. Sekiranya kita melihat kursus kejuruteraan, ada pelajar bayar RM5,600 sahaja tetapi sebenarnya kosnya adalah RM61,200 dan yuran pengajian dikecualikan GST.

Selain daripada bantuan yang diberi kepada pelajar, adalah bantuan baucar buku dan hampir 100 jenis penajaan pengajian bagi yang layak datang dari kementerian, agensi, badan berkanun, yayasan negeri, lain-lain GLC atau swasta dan IPT. Berkaitan dengan statistik itu Yang Berhormat, tidak ada bersama dengan saya tetapi jika diperlukan, saya akan memberi jawapan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

**Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, bagi saya peluang untuk soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri, kita pun tahu dan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional dengan niat yang baik untuk memastikan setiap pelajar kita dapat peluang untuk belajar dengan memberi PTPTN ini. Akan tetapi malangnya ia telah menjadi satu perkara yang akhirnya *backfire* kepada kita, kepada sesetengah golongan. Oleh kerana ada yang mengambil kesempatan menghasut bahawa mereka tidak perlu dibebankan dengan hutang bila habis belajar. Sedangkan dalam agama kita dan mana-mana agama, tanggungjawab membayar hutang itu adalah satu kewajipan.

Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak Menterilah. Dengan keadaan yang sebegini rupa, dengan hasutan yang tidak pernah putus, apakah pemikiran di pihak kementerian untuk memastikan mereka-mereka yang sudah terpengaruh dengan puak-puak yang menghasut ini supaya mereka menunaikan tanggungjawab mereka membayar hutang? Sekali gus, melihat kepada jumlah yang patut dibayar di universiti-universiti tempatan dan juga di universiti swasta. Oleh kerana kita tahu bebanan yang banyak adalah di universiti-universiti swasta dengan jumlah bayaran yuran yang sangat tinggi. Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Saya rujuk balik kepada apa yang saya sebut tadi yang berkaitan dengan nilai integriti. Satu nilai universal yang berkaitan dengan integriti seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa adalah sekiranya kita berhutang, kita mesti bayar balik. Saya juga boleh rujuk kepada satu *metaphor*, dengan izin, *the carrot and the stick*. Dengan izin, *the carrot and the stick* ini bermakna bahawa sekiranya *carrot* dalam bentuk PTPTN sudah diberi kepada pelajar. Jadi, sekiranya katalah ada pelajar yang langsung tidak bayar balik, jadi itulah kita melaksanakan *the stick*, dengan izin.

Akan tetapi *stick* ini seperti yang saya sudah jelaskan, bahawa ini bukan satu hukuman tetapi satu pendedahan, *it is a form of education*, dengan izin. Di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa bersyukur kerana kerajaan sudah memberi banyak kelonggaran untuk mengurangkan beban peminjam. Di sini saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat -Yang Berhormat berkaitan dengan bantuan yang diberi kepada pelajar-pelajar dalam bentuk penstrukturan semula atau dalam perundingan.

Tujuan rundingan ini adalah mendapat bayaran maksimum untuk dana pusingan pelajar baru dan pilihan semasa rundingan adalah lima. Pilihan yang pertama adalah di mana peminjam dipujuk untuk selesaikan keseluruhan hutang dengan 20 peratus diskaun. Di sini, Akaun 2 KWSP boleh digunakan. Sekiranya pilihan satu tidak diterima, ada pilihan yang kedua. Sekiranya tidak mampu pilihan satu, peminjam dipujuk untuk bayar keseluruhan tunggakan. Sekiranya amaun tunggakan 50 peratus daripada jumlah hutang atau lebih, diskaun 10 peratus diberikan. Akaun 2 KWSP boleh digunakan dan baki hutang distrukturkan semula dengan amaun bulanan antara lima peratus hingga lapan peratus daripada gaji kasar dan tertakluk kepada tempoh maksimum sehingga umur 60 tahun.

Kalau pilihan yang kedua pun tidak dapat diterima, ada juga pilihan yang ketiga. Ini sekiranya tidak mampu, pilihan dua peminjam dipujuk untuk bayar sedikit daripada tunggakan antara RM1,000 hingga RM3,000 dan baki hutang distrukturkan semula



dengan amaun bulanan antara lima peratus hingga lapan peratus daripada gaji kasar dan tertakluk kepada tempoh maksimum sehingga umur 60 tahun. Pilihan keempat sekiranya tidak mampu pilihan ketiga, peminjam dipujuk untuk membayar tiga bulan ansuran selepas distrukturkan, tertakluk tempoh maksimum sehingga umur 60 tahun. Pilihan yang kelima sekiranya tidak mampu pilihan keempat, peminjam dipujuk untuk membayar satu bulan ansuran selepas distrukturkan, tertakluk tempoh maksimum hingga umur 60 tahun. Jadi, ini ada banyak *flexibility*, dengan izin, dan itulah kita mengadakan, PTPTN mengadakan satu *hashtag* #BolehBincang.

Selain daripada kaedah yang tersebut, peminjam hendaklah diminta membuat bayaran bulanan melalui potongan gaji atau *direct debit* dengan 10 peratus diskaun. Jadi, itulah saya bagi tahu bahawa sepatutnya peminjam-peminjam, ibu bapa-ibu bapa dan masyarakat bersyukur dengan begitu banyak cara untuk membantu peminjam untuk membayar balik PTPTN. Sekian, terima kasih.

#### ■1030

**3. Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah ciri model perniagaan yang dipraktikkan di dalam memastikan Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 (KR1M 2.0) terus beroperasi kepada rakyat.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor di atas soalan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan pertanyaan lain iaitu daripada Yang Berhormat Sabak Bernam pada 5 April 2018 kerana pertanyaan ini menyentuh perkara yang sama iaitu inisiatif KR1M 2.0.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila, Yang Berhormat.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, penjualan barangan KR1M 2.0 yang menggunakan bungkusan asal produk yang berjenama dengan harga yang lebih murah dan kompetitif dari pasaran telah menambahkan lagi keyakinan rakyat. Strategi perniagaan yang tepat membolehkan harga barangan KR1M 2.0 diturunkan kepada harga yang lebih berpatutan dan harga sebegini juga boleh dilaksanakan oleh pasar raya atau kedai yang lain jika betul strategi perniagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif KR1M 2.0 tidak memfokuskan kepada kedai fizikal yang khusus seperti dahulu. Pasar raya atau kedai yang menjual produk KR1M 2.0 ialah pasar raya atau kedai sedia ada. Pemilik *outlet* serta perniagaan tersebut sendiri yang

menjalankan perniagaan KR1M 2.0 dengan hanya menambah logo KR1M 2.0 pada papan tanda *outlet* mereka. Konsep ini dikenali sebagai kendalian pemilik (*owner operator*) dan penjenamaan bersama (*co-branding*). Tumpuan produk yang dijual melalui KR1M 2.0 ini ialah barangan keperluan asas seperti gula kasar, minyak masak, tepung gandum dan beras yang dijual pada harga yang berpatutan.

Selain itu, KR1M 2.0 juga tidak menjual produk dalaman (*in house*) seperti yang lalu. Barangan KR1M 2.0 yang dijual adalah barangan harian yang berjenama dan pembungkusannya sama seperti yang dijual di kedai lain.

Model perniagaan baru yang diperkenalkan bagi penjenamaan semula KR1M 2.0 adalah bertepatan pada masanya serta lebih terbuka dan berdaya maju. Pertumbuhan jualan yang cemerlang dapat dilihat, walaupun ia baru dilancarkan semula pada 4 Februari lalu, membuktikan kejayaan dalam inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan melalui inisiatif swasta. Inisiatif ini bukan sahaja memberi manfaat kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana malah turut memberi kelebihan kepada perniagaan yang mengambil bahagian.

Secara umumnya, pelaksanaan KR1M 2.0 dilaksanakan melalui kerjasama strategik dengan syarikat runcit yang berkaliber dan berkeupayaan seperti TMG Mart, KK Super Mart atau entiti peruncitan lain yang berwibawa tanpa bantuan kewangan dari pihak kerajaan dan pihak tersebut akan menjadi *anchor* atau tunjang kepada kedai atau *outlet* KR1M 2.0 yang lain. Ini bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan bekalan produk KR1M 2.0 yang konsisten.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Mac 2018, sebanyak 52 buah *outlet* KR1M 2.0 telah beroperasi dan kerajaan berhasrat untuk membuka lebih banyak cawangan KR1M 2.0 menjelang tahun 2020 di seluruh negara termasuk di kawasan-kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang telah diberikan.

Pertamanya, saya hendak ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak kementerian kerana ingin bercadang untuk mewujudkan Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 di Parlimen Kuala Selangor. Cuma, saya berharap agar ia dapat disegerakan.

Keduanya, saya juga melihat bahawa dengan adanya Kedai Rakyat 1Malaysia 2.0 ini, setidaknya pengaruh kartel ataupun orang tengah dapat dikawal khususnya oleh pihak kementerian.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanyakan soalan serta ingin mendapatkan penjelasan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan Bajet 2018

ada memaklumkan mengenai beberapa jenis barangan— yang dimaklumkan ada 50 jenis barangan yang dikaitkan dengan pengguna berjenama yang akan dijual dengan harga yang lebih rendah daripada pasaran. Saya ingin bertanyakan dan mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian dari segi pelaksanaan penjualan khususnya 50 jenis barangan yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Kuala Selangor.

Pihak kerajaan sedang bekerjasama dengan syarikat peruncit dan pembekal yang terkenal di Malaysia dalam memastikan barangan pengguna berjenama di Malaysia dapat dijual dengan harga yang lebih kompetitif dari pasaran di premis-premis KR1M 2.0. Barangan-barangan tersebut akan menggunakan bungkusan sedia ada produk tersebut dan sebagainya yang dijual di kedai lain. Ini secara tidak langsung mengelakkan pengguna mempunyai persepsi negatif terhadap kualiti produk tersebut.

Setakat ini, melalui kerjasama bersama syarikat peruncit dan pembekal, KR1M 2.0 menawarkan harga yang kompetitif bagi lebih 100 produk SKU termasuk barangan perlu seperti gula, minyak masak dan tepung. Bilangan produk KR1M 2.0 ini telah bertambah daripada 50 produk semasa KR1M 2.0 mula dilancarkan pada Februari lepas.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan saya ialah, apakah perbezaan antara KR1M 2.0 dengan KR1M 1.0 sebelumnya sehingga terpaksa kita membuat jenama baru? Apakah langkah-langkah supaya kegagalan yang berlaku kepada KR1M 1.0 dahulu tidak berulang kembali untuk KR1M 2.0 ini? Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Henry Sum Agong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang. Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini bahawa KR1M 2.0 ialah penambahbaikan kepada KR1M yang asal melalui kaedah kerjasama strategik kerajaan dengan syarikat-syarikat peruncitan dan pembekal yang berwibawa serta mempunyai aspirasi yang sama dengan kerajaan bagi membantu rakyat dalam kehidupan seharian.

Oleh yang demikian, kalau kita lihat pada hari ini, KR1M 2.0 ini akan bertambah. Kalau dahulu seperti mana yang saya katakan tadi waktu pelancaran hanya 50 SKU yang

dikenal pasti tetapi setakat ini lebih 100 SKU sudah pun berada di dalam pasaran KR1M 2.0 ini. Sekian, terima kasih.

#### ■1040

4. **Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]** minta Perdana Menteri menyatakan fungsi dan sumbangan JAKIM kepada negara dan masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, usaha ke arah memperkasa dan memartabatkan Islam dari semua sudut sentiasa diberikan keutamaan oleh kerajaan menerusi gerak kerja yang berterusan dan komprehensif. Ini selaras dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan-peruntukan lain yang menjamin kedudukan agama Islam di bawah Perlembagaan Persekutuan khususnya sumpah Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 37 dan Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan untuk memelihara agama Islam pada setiap masa.

Peruntukan mengenai Islam sebagai agama bagi Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan memberi manfaat dan kelebihan kepada umat Islam di negara ini di mana Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Negara dan Raja-Raja Melayu menjadi ketua agama di negeri-negeri.

Justeru, komitmen terhadap perkara tersebut telah diterjemahkan sama ada oleh Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri menerusi penubuhan pelbagai jabatan-jabatan, institusi-institusi, agensi-agensi keagamaan termasuklah Majlis Agama Islam Negeri-negeri, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) dan lain-lain agensi agama yang mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam menguruskan pelbagai hal yang berkaitan dengan pentadbiran agama Islam di negara ini.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula adalah sebagai institusi ataupun agensi penyelaras hal ehwal Islam di peringkat Persekutuan. Ia juga sebagai urus setia kepada Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia atau singkatannya MKI sentiasa berterusan untuk memacu kemajuan dan pembangunan agama Islam melalui penyelarasan dengan setiap negeri. Perkara-perkara dasar yang dipertimbangkan oleh MKI seterusnya akan dirujuk kepada Majlis Raja-Raja Melayu yang menjadi penguasa bagi hal ehwal agama Islam di negara ini. Kewujudan MKI adalah penting kerana ia bukan sahaja telah menjalankan tugas-tugas penyelarasan malah menjadi forum tertinggi bagi

membincang dan menasihati Majlis Raja-Raja berkaitan dengan isu-isu berkenaan dengan urusan agama di negara ini.

Sehubungan itu antara fungsi utama JAKIM termasuklah:

- (i) sebagai badan perancang dan penyelaras hal ehwal Islam di peringkat kebangsaan meliputi aspek penyeragaman undang-undang dan pentadbiran berkaitan dengan hal ehwal Islam, hukum syarak, pendidikan Islam seluruh negara serta memastikan dasar dan perancangan pembangunan negara berkaitan agama berjalan dengan lancar;
- (ii) mempertingkatkan dan memperkukuhkan kedudukan umat Islam serta kesucian agama;
- (iii) sebagai penyelaras bagi menilai dan memberi cadangan terhadap aktiviti keislaman yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan bagi memastikan tidak berlaku pertentangan di antara kepentingan negara dengan kepentingan agama;
- (iv) menyelaras perancangan aktiviti bagi membantu pihak berkuasa agama negeri-negeri dalam memperkemaskan bidang dakwah Islamiah dan pembangunan keilmuan Islam; dan
- (v) di peringkat antarabangsa juga JAKIM berfungsi bagi membantu untuk mempertingkatkan kerjasama strategik dengan negara-negara luar dan badan-badan antarabangsa demi memartabatkan syiar Islam.

JAKIM telah berkembang mengikut peredaran dan keperluan semasa untuk menyelaras pembangunan dan kemajuan umat Islam di negara ini. Sesungguhnya JAKIM telah memberikan pelbagai sumbangan kepada masyarakat dan negara termasuklah dalam aspek pendidikan Islam dengan kejayaan memasukkannya dalam kurikulum kebangsaan.

Kedua, menerusi usaha-usaha penyelidikan isu-isu semasa dalam bidang akidah, syariah, falak dan muamalah di peringkat kebangsaan serantau mahupun antarabangsa. Menjadi pelopor dalam pematuhan syariah khususnya dalam pelbagai produk perkhidmatan dan kepenggunaan Islam terutamanya dalam bidang kewangan dan peneraju bagi industri halal. Terbaru menerusi pengenalan Indeks Syariah Malaysia dan Garis Panduan Tadbir Urus Agensi Agama Berteraskan Syariah, JAKIM memainkan peranan untuk menyelaras pelbagai agensi-agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan juga bekerjasama dengan peringkat negeri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jawapan yang begitu terperinci mengenai dengan peranan dan fungsi JAKIM. Kita harap supaya JAKIM ini kukuh kerana kita harap JAKIM ini dihormati oleh rakyat sebagai sebuah jabatan yang berusaha untuk membangunkan negara dengan nilai-nilai Islam yang begitu murni dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, keharmonian negara dan kesejahteraan banyak bergantung kepada bagaimana umat Islam memahami dan mengamalkan ajaran Islam yang benar dan sempurna. Sebaliknya jika Islam difahami secara salah oleh umat Islam sendiri maka akan mencetuskan perbalahan di kalangan umat Islam sesama umat Islam seterusnya ia akan memberi kesan yang amat negatif di dalam hubungan dengan masyarakat bukan Islam. Maka usaha ke arah integrasi dan perpaduan rakyat sudah pasti akan terjejas.

Soalan saya, bagaimanakah JAKIM mengukur dan menilai dirinya sendiri bahawa ia telah berada dalam kefahaman Islam dan tindakannya yang bertepatan dengan Islam yang benar dan sempurna. Oleh sebab kita dengar bahawa ada di kalangan kita sendiri yang melihat JAKIM ini sudah tidak betul fahaman dia terhadap agama Islam. Satu lagi soalan, apakah sikap dan tindakan JAKIM di dalam membendung penularan kefahaman Islam yang salah dan sesat akibat kejahilan umat seperti penularan Islam liberal, kumpulan ateis yang juga berkembang di kalangan orang Melayu sendiri dan lain-lain lagi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pasir Mas. Berkenaan dengan siapa yang akan menilai JAKIM? Seperti mana yang saya sebutkan tadi JAKIM ini hanyalah sebagai sekretariat dari segi fungsi ataupun punca kuasanya yang diturunkan ataupun diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja Melayu.

Apa-apa pun dalam konteks negara kita sebagaimana peruntukan Perlembagaan, agama Islam ini dipelihara dan diterajui serta dinakhodai oleh Institusi Raja-raja Melayu yang dinasihati oleh para mufti-mufti untuk memastikan pasak dan teras Islam yang ada di dalam negara kita terus kukuh terutamanya berteraskan kepada akidah yang benar, akidah Ahli Sunah Waljamaah, pendekatan dan orientasi yang sifatnya sederhana ataupun *wasatiyyah* dan juga melalui pencerahan ilmu-ilmu yang benar dan tuntas.

Oleh sebab itulah JAKIM akan sentiasa dipantau oleh Majlis Raja-Raja Melayu yang dinasihati oleh mufti-mufti. JAKIM juga akan sentiasa dinilai di Dewan yang mulia ini, di peringkat Parlimen sendiri jadi Yang Berhormat boleh sentiasa memberi teguran kepada JAKIM sekiranya melihat JAKIM sudah berada di landasan yang tidak betul dan tidak benar. Oleh sebab itulah kita dalam konteks negara kita yang mujur dan

*alhamdulillah* pemimpin-pemimpin terdahulu telah diberikan hidayah dan petunjuk oleh Allah untuk memasukkan perkataan Islam sebagai agama Persekutuan dalam Perlembagaan dan memastikan Perkara 37, sumpah Yang di-Pertuan Agong pada setiap masa akan sentiasa memelihara Islam yang dimulakan dengan sumpah *wallahi wabillahi watallahi* sebagaimana Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan.

Ini sudah cukup untuk kita merasa tenang agar kita dapat diberikan keyakinan bahawa dalam apa juga keadaan Islam di dalam konteks negara kita diterajui dan dinakhodai dan dipelihara oleh Institusi Raja-raja Melayu yang semestinya peranan JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri adalah sentiasa untuk membantu Majlis Raja-Raja dan juga kerajaan untuk memastikan apa juga yang kerajaan lakukan mestilah seiring dengan apa yang dipandukan oleh syarak berasaskan kepada al-Quran dan sunnah. Terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan penerangan panjang lebar berkenaan dengan JAKIM. Sesungguhnya kejayaan JAKIM dalam membantu menyediakan modal insan yang selari dengan kehendak Islam di peringkat awal lagi tidak ada siapa yang boleh menafikan. Cuma persoalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah adakah pihak JAKIM bersedia untuk menambah peruntukan khusus kepada jabatan-jabatan agama Islam negeri-negeri dalam mengendalikan sekolah-sekolah agama rakyat yang semakin mendapat perhatian daripada kalangan ibu-bapa bagi mendidik anak-anak mereka dalam bidang keagamaan. Terima kasih.

■1050

**Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan, dari semasa ke semasa memang JAKIM sentiasa memantau segala dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan terutamanya dalam konteks pembangunan hal ehwal agama Islam termasuklah dalam konteks pendidikan Islam. Di mana pendidikan Islam ini seperti mana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan merupakan bidang kuasa negeri-negeri.

Oleh sebab itulah apa juga dasar yang kita perkenalkan contoh yang terbaru, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang diselaraskan ataupun diselenggarakan oleh pihak JAKIM dengan kerjasama semua Jabatan Agama Islam Negeri-negeri yang sudah pun mendapat maklum perkenan dari Majlis Raja-raja Melayu. Sudah tentu menuntut bajet ataupun peruntukan daripada pihak kerajaan yang kita akan sentiasa membawanya kepada perhatian pihak kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Setakat hari ini *alhamdulillah* kita dapat lihat peruntukan kepada negeri-negeri ini melalui JAKIM ini sentiasa bertambah dari setahun ke setahun. Umpamanya, sepanjang

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib sebagai Perdana Menteri umpamanya, elaun imam-imam, guru-guru KAFA umpamanya dinaikkan tiga kali dan elaun-elaun ini adalah disalurkan terus kepada Jabatan Agama Islam Negeri-negeri untuk diselenggarakan.

Ini tidak termasuk sekolah-sekolah agama rakyat. Sepanjang saya perhatikan dari segi sejarahnya tidak pernah berlaku di zaman mana-mana Perdana Menteri sebelum ini di mana peruntukan tambahan kepada sekolah-sekolah agama rakyat dan sekolah-sekolah tahfiz diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang disalurkan sekali lagi kepada Jabatan Agama Islam Negeri-negeri bukan diuruskan oleh JAKIM itu sendiri.

Maknanya perhatian dan kecaknaan kerajaan terhadap pembangunan pendidikan Islam ini tidak pernah luntur bahkan diperkasakan dari semasa ke semasa. Oleh sebab itulah kalau ada suara-suara sumbang yang mengatakan JAKIM ini tidak berperlembagaan, tidak mempunyai local standi untuk bercakap soal Islam kerana ini kuasa negeri-negeri. Saya rasa mereka ini sedikit sebanyak jahil dan buta dari segi sejarah penubuhan JAKIM itu sendiri yang mendapat punca kuasanya daripada Majlis Raja-Raja Kali Ke-81 pada 17 Oktober 1968 sehingga tertubuhnya Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia yang secara langsung mewujudkan sekretariat yang akhirnya dinaikkan taraf daripada bahagian, 1974, 1985 sehinggalah 1 Januari 1997 ditubuhkan sebagai sebuah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ataupun nama ringkasannya JAKIM.

Saya terlupa tadi Tuan Yang di-Pertua, persoalan kedua Yang Berhormat Pasir Mas tadi bertanya berkenaan dengan peranan JAKIM dalam hendak menyelaraskan dan menyelesaikan ataupun hendak menangani isu-isu ajaran-ajaran yang menyeleweng seperti pemahaman liberalisme, Ateisme dan sebagainya. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum kuasa penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan dengan akidah ini terletak di bawah kuasa negeri-negeri.

Akan tetapi walau bagaimanapun seperti mana yang kita sedia maklum JAKIM sentiasa mempunyai hubungan yang akrab dengan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri dan kita menyelaraskan bukan sahaja dalam konteks penguatkuasaan undang-undang tetapi juga program-program yang bersifat pencerahan supaya rakyat benar-benar memahami apakah pendekatan Islam yang seharusnya difahami dalam kerangka Malaysia. *Wasatiyyah* umpamanya harus difahami dalam kerangka yang sebenar yang bukan hanya kita merelakan ataupun kita hanya melihat dalam konteks ekstremisme yang bersifat radikal tetapi juga kita harus melihat dalam konteks ekstremisme yang bersifat liberal yang cuba mencabut identiti keagamaannya.



Oleh sebab itulah penting untuk orientasi ini sentiasa disegarkan sentiasa diratakan kepada masyarakat dan inilah antara peranan JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri untuk sentiasa menyemarakkan kefahaman Islam yang sebenar. Sekian, terima kasih.

**5. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah ada kelulusan kementerian bagi membina sekolah kebangsaan atau Sekolah Menengah Bukit Kemboja, Mukim Bohor, Langkawi berdasarkan pengumuman oleh kementerian baru-baru ini. Sekiranya tiada, adakah kementerian bercadang untuk membina sekolah tersebut di masa akan datang.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Langkawi yang menanyakan soalan mengenai pembinaan sekolah di Mukim Bohor, Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan pembinaan Sekolah Kebangsaan Bukit Kemboja dan Sekolah Menengah Kebangsaan Bohor Jaya telah diangkat dalam *Rolling Plan 1*, *Rolling Plan 2* dan *Rolling Plan 3* dalam Rancangan Malaysia Kesebelas tetapi tidak dapat diluluskan oleh agensi pusat.

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari bahawa ada keperluan untuk pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Bohor Jaya dan ianya harus disegerakan. Oleh yang demikian, cadangan pembinaan sekolah ini telah diangkat semula dalam permohonan projek *Rolling Plan* yang Keempat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya soalan tambahan, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak kementerian dan Kerajaan Malaysia kerana meluluskan dan membina sekolah baru di Langkawi iaitu Sekolah Kebangsaan Sri Lagenda yang berkali-kali kita minta, bertahun-tahun dan akhirnya dua bulan lalu telah diluluskan, terima kasih.

Soalan saya, bagaimanakah kerajaan dan kementerian membuat pemantauan keperluan sekolah-sekolah di sesuatu kawasan Parlimen berkenaan dengan *supply and demand*. Contohnya di Langkawi yang mana kami ada pertambahan yang besar dari segi jumlah pelajar yang pertamanya dari pertambahan keluarga di Langkawi itu sendiri. Kedua, pertambahan keluarga-keluarga baru yang datang ke Langkawi lantaran wujudnya pekerjaan yang banyak di sektor pelancongan dan yang ketiga apabila ada pertambahan dari segi pegawai-pegawai kerajaan yang datang dalam jumlah yang banyak.

Contohnya PULAPOL – Pusat Latihan Polis yang datang dalam kuantiti yang besar ataupun MAWILLA iaitu Pusat Tentera di Langkawi yang juga mempunyai keluarga

yang banyak. Akhirnya keluarga ini mempunyai pelajar yang akhirnya menggunakan satu sekolah iaitu Sekolah Menengah Tengku Putera mengakibatkan jumlah pelajar menjadi 1,900 dan terpaksa buat dua sesi dengan 28 kelas satu sesi.

Ini sudah tentu keadaan yang tertekan dan saya mohon supaya kerajaan dapat menerangkan bagaimanakah perancangan yang dibuat dalam keadaan-keadaan seperti ini. Apakah perancangan kementerian untuk membina sekolah-sekolah di Langkawi untuk 20 tahun yang akan datang kerana di Langkawi ini walaupun pulauanya kecil tetapi pertambahan penduduknya mendadak. Daripada zaman dahulu dalam 50,000 sekarang sudah mencapai 120,000.

Di samping itu, saya hendak tahu apakah perancangan kementerian terhadap satu sekolah di Pulau Langkawi iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Tuba yang ada sekolah tetapi nampaknya pelajar-pelajarnya semakin hari semakin berkurangan kerana ibu bapa lebih gemar untuk menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah di Pulau Langkawi dan apakah sekolah ini akan jadi masa depan. Kita tidak mahu sekolah ini menjadi sekolah gajah putih dan harapan saya semoga kerajaan di bawah kementerian dapat membuat sesuatu perancangan contohnya sekolah sukan atau sekolah apakah agar pelajar-pelajar di sekolah itu dapat ditingkatkan kembali.

**Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Langkawi. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih atas penghargaan Yang Berhormat Langkawi terhadap inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia. Memang menjadi prinsip kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan dan juga Yang Berhormat di Padang Terap di Kementerian Pendidikan untuk menunaikan janji kita untuk membantu menambah baik dan memartabatkan Sistem Pendidikan Negara.

Yang Berhormat, kita sedia maklum ada 29 sekolah di Pulau Langkawi dan saya sendiri telah melawat Pulau Langkawi untuk melihat status dan juga pencapaian sekolah Langkawi. Saya begitu teruja apabila dapat melawat Sekolah Menengah Kelibang, Langkawi yang mana merupakan sebuah sekolah yang telah mewujudkan johan-johan acara sukan layar negara kita. Pelajar-pelajar yang muda dalam sekolah itu saya termakan sebagai sekolah '*world of champion*' kerana telah mendapat beberapa pingat emas dalam Sukan SEA. Saya juga telah melawat SJKT Pulau Langkawi, Kerajaan Persekutuan telah memberi sumbangan untuk menambah baik menaik taraf sekolah tersebut.

Yang Berhormat, atas soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tentang tambahan sekolah dan juga keperluan sekolah di Langkawi untuk 20 tahun yang akan datang. Untuk pembinaan sekolah rendah pemantauan dilakukan dengan melihat

*enrollment* murid dan pertambahan pendudukan setempat. Manakala untuk pembinaan sekolah menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia biasanya merujuk kepada kepadatan sekolah menengah sedia ada, bilangan sekolah sedia ada dalam lingkungan 10 kilometer yang berhampiran.

Atas aspek keperluan sekolah di Langkawi pada 20 tahun yang akan datang Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia akan membuat penyelarasan berdasarkan kepada pertambahan pendudukan dan perancangan bandar bagi Langkawi.

■1100

Dalam soalan spesifik tentang SMK Pulau Tuba, kita akan sentiasa melihat dan kaedah cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat Langkawi juga merupakan di antara cadangan yang kita cuba guna pakai dan marilah kita bersama-sama untuk memastikan bukan sahaja Pulau Langkawi masyhur di seluruh dunia sebagai destinasi pelancongan tetapi kita juga hendak memasyhurkan Pulau Langkawi sebagai sekolah yang berprestij tinggi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah perkembangan dan status mengenai warta tanah berkenaan pembinaan hospital di Parlimen Kapar. Apakah perkembangan terkini perbincangan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk pembinaan hospital ini (jika ada) dan bilakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk memulakan pembinaan hospital di Parlimen Kapar; dan
- (b) apakah perkembangan dan status terkini mengenai proses penambahbaikan Klinik Kesihatan Kapar baru yang akan menggantikan klinik kesihatan lama di bawah RP3, RMK10. Bilakah Kerajaan Pusat berhasrat untuk memulakan penambahbaikan ini dan anggaran tarikh penyelesaian projek ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar. Ini berkenaan dengan Hospital Kapar dan juga Klinik Kapar. Berkenaan dengan Hospital Kapar ini, tapak tanah bagi cadangan pembinaan Hospital Kapar ini telah pun dipersetujui oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia untuk dibina di tanah serahan pembangunan Sime Darby seluas 50 ekar. Pihak KKM pun telah mengemukakan permohonan pemberi milikan bagi tapak ini kepada pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan pada 11 Oktober 2017.

Susulan itu pihak JKPTG Persekutuan telah pun mengemukakan permohonan pemberi milikan tanah tersebut kepada pihak pentadbir tanah, pejabat daerah dan tanah Klang pada 29 November 2017 untuk mendapatkan kelulusan permohonan serta

memohon supaya kadar premium yang akan dikenakan oleh pihak berkuasa kerajaan negeri adalah pada kadar nominal. Kini permohonan pemberi milikan tanah ini masih dalam tindakan Pejabat Daerah dan Tanah Klang, Selangor.

Lagi hal Klinik Kapar. Yang Berhormat Kapar, kerajaan telah meluluskan projek pembinaan klinik kesihatan jenis 3 dengan kuarters di Kapar dan projek dengan kos sebanyak RM25.7 juta ini telah mula pembinaan pada 29 Ogos 2017. Status pelaksanaan projek semasa adalah sebagaimana yang dijadualkan. Projek ini dijangka siap pada 15 September 2019.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isu mengenai pembinaan Hospital Kapar wujud sebelum PRU12 lagi. Kita telah melalui PRU12, PRU13 kini menuju ke PRU14 iaitu hampir melebihi 10 tahun. Penangguhan pembinaan tanpa had masa menyebabkan ramai mangsa terkorban disebabkan kelewatan ambulan sampai atau perjalanan ke hospital berdekatan mengambil masa yang agak lama.

Persoalan saya ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kerajaan persekutuan mahupun Kementerian Kesihatan mempunyai garis panduan atau KPI (*key performance indicator*) untuk menentukan tempoh masa untuk pembinaan sesebuah hospital. Sekiranya garis panduan ini tidak diikuti pembinaan hospital dilewatkan dan tidak dapat direalisasikan maka itu akan menunjukkan sesuatu kerajaan atau sesuatu Kementerian Kesihatan itu gagal menepati tempoh masa itu. Itu yang bahagian pertama.

Untuk Klinik Kesihatan Kapar, saya mendapati ada kerja-kerja penambahbaikan sedang dilakukan, saya telah melawat secara peribadi. Saya minta Kementerian Kesihatan Malaysia Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memperincikan penambahbaikan yang akan dilangsungkan berbanding dengan Klinik Kesihatan Kapar sebelum ini untuk makluman warga Kapar yang sedang mengikuti perkembangan isu mengenai Klinik Kesihatan Kapar ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *nandri*.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang kita ada piawai dia, kita ikut jumlah *population* di mana-mana kawasan. Ada pada saya ini piawai dia. Kalau kita lihat contohnya, contoh kawasan— dia ada kategori 'A' dan kategori 'B'. Kategori 'A' yang padat contoh, kalau *population* 300,000 hingga 400,000 dia punya jumlah katil yang diperlukan ialah 600 hingga 800 jumlah katil. Memang dalam keperluan tanah pun ada di sini .

Dalam hal Kapar...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan tadi adalah apabila kita cadangkan untuk pembinaan satu hospital berapa tahun kita kena selesaikan had masa itu. Piawai yang Timbalan Menteri

hendak maklumkan *with due respect* sebelum ini saya sudah ada kenyataan itu. Yang saya tanya sekarang ini adalah satu garis panduan bina...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kita tak boleh ulang soalan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya minta maaf, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua sebab saya hendak jelaskan persoalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ketika ini melanggar peraturan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Dari mana, dari tarikh kita tetapkan hendak bina sesebuah hospital sehingga ia dilaksanakan bukan sahaja untuk Hospital Kapar malahan banyak hospital di...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya cukup, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Itu persoalan saya, terima kasih, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak payah bergaduh, duduk, duduk. Esok, lusa kita habis bersidang sudah ya.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah agak sudah soalan ini akan timbul. Sebab itu saya dapatkan— memanglah kalau ikut pelaksanaan ini memanglah. Sebenarnya kita tak buat sendiri kita ada buat perancangan semua sekali. Terserah kepada JKR. JKR yang akan panggil tender dan sebagainya. *I must say* minta maaf banyak hospital kita projek ini hospital yang sakit, bukan pesakit bukan orang sakit, hospital sakit. Berlaku banyak tempat. Ini di luar kawalan KKM sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Memanglah peringkat awal tender semua elok, tiba-tiba banyak faktorlah Tuan Yang di-Pertua. Faktor cuaca, faktor *supply* pekerja-pekerja binaan tak sampai, tak cukup dan sebagainya dan faktor kewangan syarikat juga timbul. Ini melambatkan dan memanglah ada yang kena buat EOT sampai dua kali, tiga kali sampai setahun pun ada. Memang berlaku. Ini di luar bidang kuasa KKM.

Akan tetapi untuk Hospital Kapar ini, saya minta kronologi daripada pegawai tadi memang surat-menyurat ini mula sudah *start* mula tahun 2012 lagi, 2013, 2014, 2015,

2016, 2017 ini sudah tahun 2018. 12 surat yang pergi balik melalui antara Kementerian Kesihatan dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor.

Satu-satu surat hendak jawab sampai setahun lebih. Ini yang melambatkan dan akhirnya pihak kerajaan negeri telah mengarahkan Sime Darby serah kepada tanah 50 ekar itu kepada kerajaan negeri dan hari ini pula kerajaan negeri kita mintalah supaya tanah diserahkan kepada JKPTG dan kita boleh minta untuk pembinaan ini. Akan tetapi syaratnya mestilah nominal lah yang ini. Saya ingat Yang Berhormat Kapar boleh bantu dalam hal ini dapatkan tanah ini segera dan dengan keadaan yang nominal, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**7. Datuk Sapawi bin Ahmad [Sipitang]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan kaedah dan pendekatan Mesyuarat Penyelaras Antara Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan Exco-exco Luar Bandar (MEXCLUB) yang ditubuhkan, bagi meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri, seterusnya menyelaraskan pelaksanaan projek pembangunan luar bandar di semua negeri.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Sipitang, Mesyuarat Penyelaras Antara Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan Exco-exco Luar Bandar (MEXCLUB) telah diwujudkan sejak tahun 1994 dulu. Bertujuan untuk meningkatkan hubungan dan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam isu-isu pembangunan luar bandar dan juga merupakan platform untuk Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah berinteraksi dengan Exco-exco luar bandar negeri.

Bagi merancang dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan isu-isu berbangkit. Sejak penubuhannya MEXCLUB telah dilaksanakan sebanyak 50 kali dan telah berjaya meningkatkan persefahaman dan kerjasama di antara kementerian ataupun Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kerajaan negeri khususnya dalam pelaksanaan program dan projek-projek pembangunan luar bandar.

Selain berfungsi sebagai forum bagi menyelesaikan pelbagai isu atau masalah dalam pelaksanaan projek, MEXCLUB juga berperanan bagi membantu mempercepatkan pembangunan kawasan luar bandar.

■1110

Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- (i) prestasi keseluruhan perbelanjaan kementerian ini daripada jumlah peruntukan keseluruhan yang diterima bagi tahun yang berkaitan;
- (ii) perancangan program atau projek pembangunan melalui penyelarasan dan agihan peruntukan pembangunan luar bandar berdasarkan keperluan rakyat dan senarai keutamaan supaya dapat mempercepatkan pelaksanaan program atau projek yang dilaksanakan oleh kementerian ini; dan
- (iii) peningkatan *engagement* dengan kerajaan negeri supaya kualiti perkhidmatan dan sistem penyampaian, terutamanya dalam pelaksanaan projek-projek kementerian ini dapat dipercepatkan pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih kepada kementerian KKLW, Yang Berhormat Menteri dan pengurusan kerana pendekatannya mesra dengan kepimpinan negeri kalau dibandingkan dengan pengurusan masa yang lalu. Dengan MEXCLUB ini, satu pendekatan yang memang tepat dan sesuai. Ini kerana banyak projek, terutama sekali di Sabah ini yang sebelum ini gagal menepati kumpulan sasar, manakala ada projek yang dilaksanakan tidak mengikut spesifikasi ditentukan menyebabkan pembaziran wang rakyat.

Pendekatan harus lebih telus kerana dalam konteks Exco dan kementerian, Sabah dan Sarawak berbeza. Oleh kerana Sabah dalam perkara 20 meletakkan setiap kementerian itu ada fungsi yang tersendiri seperti mana juga kementerian-kementerian yang di sini, di bawah Menteri. Jadi, apakah langkah-langkah yang perlu dibuat lebih efisien? Oleh kerana Sabah dan Sarawak ini amat luas dari segi geografinya.

Adakah seperti mana yang saya difahamkan bahawa KKLW ini selain daripada MEXCLUB ini, mempunyai jawatankuasa *Joint Committee* bersama dengan Kerajaan Negeri Sabah? Apakah ini satu pendekatan yang lebih dalam untuk memastikan projek-projek yang dapat menepati keperluan rakyat dan sekali gus, tidak membazirkan pengurusan wang rakyat?

**Datuk Alexander Nanta Linggi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat dalam soalan tambahan, penubuhan Jawatankuasa Tertinggi Bersama Penyelarasan dan Pemantauan Projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bersama Kerajaan Negeri Sabah iaitu *Joint Committee* KKLW-Sabah adalah untuk memantapkan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Sabah dalam merancang dan memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan isu-isu berbangkit, khususnya di negeri Sabah.

Jawatankuasa ini juga berfungsi sebagai pemudah cara dan penghubung antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam mempercepatkan dan memperhebatkan pembangunan luar bandar di semua peringkat, termasuklah negeri dan daerah di Sabah supaya ia dilaksanakan dengan berkesan seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat Sipitang. Jawatankuasa ini dipengerusikan secara bersama oleh Yang Berhormat Menteri KKLW dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah.

Mesyuarat pertama jawatankuasa ini telah diadakan pada 15 Januari 2018 ini di Kota Kinabalu, Sabah. Di samping itu, terdapat juga jawatankuasa satu lagi iaitu Jawatankuasa Teknikal Joint Committee KKLW-Sabah yang dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha KKLW dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah. Mesyuarat Joint Committee KKLW-Sabah ini telah memperlihatkan bahawa kerjasama yang erat dengan kerajaan negeri dapat diperkukuhkan dan semua projek dan program yang dirancang akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kementerian bersama Kerajaan Negeri Sabah turut memberikan komitmen yang serius bagi merancang program dan projek pembangunan dan membincangkan isu-isu pembangunan luar bandar semasa mengadakan mesyuarat berkenaan serta akan meneruskan peranan dan pendekatan yang lebih agresif bagi memantau projek atau program pembangunan yang akan dilaksanakan dalam jangka masa sederhana dan panjang dalam memastikan rakyat dan masyarakat luar bandar di negeri Sabah menerima manfaat secara terus dari pembangunan yang dijanjikan. Jadi, itulah antara langkah-langkah penambahbaikan bagaimana kerajaan ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini mempertingkatkan lagi pemantauan pelaksanaan projek di negeri Sabah. Sekian, terima kasih.

**8. Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah yang diambil bagi menyekat penjualan produk *supplement* dan makanan kesihatan yang berbahaya dan memperdaya pengguna.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Ini soalan berkenaan dengan penjualan produk *supplement* dan makanan kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedia maklum mengenai peningkatan penjualan produk *supplement* dan makanan kesihatan yang semakin mendapat tempat di dalam pasaran.



Di Malaysia, *supplement* adalah dikawal di bawah Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Makanan termasuk makanan kesihatan pula adalah tertakluk kepada Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985. *Supplement* kesihatan perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, Kementerian Kesihatan sebelum ia boleh dikilangkan, diimport atau dijual di pasaran. Individu atau syarikat yang didapati menjual atau memiliki *supplement* kesihatan yang tidak berdaftar, boleh diambil tindakan di bawah Akta Jualan Dadah 1952.

Bagi mengekang penjualan produk *supplement* yang berbahaya dan memperdaya pengguna, KKM melakukan pemantauan melalui saringan di pintu masuk negara dan aktiviti-aktiviti pensampelan produk dalam pasaran. Tindakan penguatkuasaan seperti pemeriksaan dan serbuan turut diambil ke atas syarikat atau individu yang didapati memiliki, menjual, mengimport, mengilang produk *supplement* yang tidak berdaftar, terutamanya premis di lokasi *hotspots* yang telah dikenal pasti di seluruh negara. Melalui aktiviti-aktiviti penguatkuasaan ini, produk *supplement* bernilai RM41 juta yang tidak berdaftar telah dirampas sepanjang tahun 2015 sehingga 2017.

Semua iklan produk *supplement* yang berdaftar dengan KKM juga perlu mendapatkan kelulusan Lembaga Iklan Ubat bagi memastikan maklumat dalam iklan adalah tepat dan tidak mengelirukan pengguna. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 22,550 iklan *supplement* kesihatan telah disaring di dalam pelbagai media sama ada media tradisional ataupun juga dalam talian ataupun *online*. Sebanyak 638 surat amaran telah dikeluarkan kepada pengiklan dan 60 kertas siasatan telah dibuka bagi iklan yang melanggar akta berkenaan. Bagi memastikan makanan adalah selamat, pemantauan sentiasa dilakukan oleh KKM ke atas produk yang dijual di pasaran. Sebagai contoh, pada tahun 2013 sehingga 2017, sejumlah 536 sampel susu rumusan bayi pelbagai jenama yang dijual di pasaran telah dianalisa untuk bakteria *pathogenic*. Hasil analisa menunjukkan kesemua sampel mematuhi Akta Makanan 1983.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 18(6) Peraturan-peraturan Makanan 1985 menyatakan bahawa label makanan tidak boleh mengandungi akuan yang tidak dibenarkan seperti akuan kesihatan dan akuan yang tidak dapat disahkan.

#### ■1120

Seksyen 17(1)(b) Akta Makanan 1983 pula menyatakan bahawa mana-mana perkara yang dilarang pada label makanan juga dilarang dalam iklan makanan. Supaya produk makanan tidak memperdaya pengguna, maka pada tahun 2017, sejumlah 128 tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas iklan dan label produk makanan yang mempunyai akuan yang tidak dibenarkan.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ada dua bahagian. Satu, berbahaya dan yang kedua memperdaya.

Daripada segi *supplement*, kita rasa agak mudah untuk kerajaan mengawalinya tetapi daripada sudut pemakanan kesihatan yang di *claim* pelbagai. Pertama saya ingin tanya, adakah data-data yang menunjukkan bahawa makanan kesihatan ini menyebabkan penyakit-penyakit seperti kegagalan ginjal dan sebagainya? Itu satu.

Kedua, dalam konteks memperdayakan pengguna, kita tahu ramai warga kita ini mempunyai penyakit-penyakit NCD dan pemakanan kesihatan ini biasanya meng*claim* bahawa mereka dapat merawat, dapat menyembuhkan semua jenis penyakit. Itu di*claim* biasanya dalam testimoni-testimoni. Jadi, apakah tindakan kerajaan yang lebih drastik atau lebih menakutkan mereka ini bukan sekadar denda? Ini kerana kalau kata denda RM10,000, RM20,000, RM100,000, mereka dapat bayar dengan mudah. Jadi apakah tindakan yang lebih serius agar penipuan atau memperdayakan pengguna ini dapat diatasi? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan yang kedua dahulu. Memang— ini untuk makluman Yang Berhormat, banyak kita kategorikan penyakit-penyakit yang ada 20 jenis penyakit yang tidak boleh *claim* dalam apa-apa *supplement* makanan ataupun *supplement* kesihatan. Panjanglah. Ada 20 itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak sebut bolehlah.

Satu, penyakit atau kerosakan berkaitan buah pinggang. Ini yang *claim* kata boleh sembuh. Penyakit atau kerosakan berkaitan jantung, diabetes, sawan, lumpuh, tibi, asma, kusta, kanser, pekak ya boleh berubat juga, penagihan dadah, hernia, penyakit-penyakit mata, darah tinggi, penyakit mental, mandul, *frigidity*, mati pucuk pun tidak boleh *claim*, penyakit *venereal*, penyakit seks, *sexual disease* dan gangguan fungsi seks. Semua ini tidak boleh *claim*. Kalau dia hendak *claim*, dia kena pastikan dia ada *clinical trial* baru boleh. Memang tidak boleh.

Memang saya tahulah ini masalah ubat-ubat tradisional ini memang setakat ini tidak boleh *claim* dan ini jadi masalah besar pada mereka kerana kalau dia hendak *promote* barang-barang benda-benda macam ini, memang susah kerana tidak boleh *claim*. Dia cuma untuk kesihatan boleh, untuk lain dia sebut secara spesifik tidak boleh. Ini satu masalah besar yang dihadapi oleh pihak pengusaha *traditional medicine*, Tuan Yang di-Pertua. Ini kita kena lihat semula model seperti yang di Taiwan, dia sudah boleh *prescribe*. Di Taiwan, ubat-ubat tradisional boleh *prescribe* dan dia spesifik, dosnya juga dos yang *diprescribe* itu memang tepat. Ini perlu kita lihat semula. Memang pihak

kementerian sedang membuat kajian tentang apa yang berlaku di Taiwan, apa yang mereka buat di sana.

Tentang data-data, saya sudah sebut tadi. Memang data-data penguatkuasaan saya sudah sebut tadi bahawa kita ambil tindakan banyak kes. Yang saya sebut tadi, 22,550 iklan *supplement* kesihatan yang telah disaring dan didapati ada kesalahan yang telah dibuat dan tindakan telah diambil, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya membaca dalam internet, memang saya tertarik dengan satu jenis *supplement* tetapi saya ambil gambar itu dan saya hantar kepada kawan saya seorang *pharmacist*, dia kata *supplement* ini tidak diluluskan, tidak disahkan, tidak ada pemeriksaan yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan.

Soalan saya, apakah kementerian juga mempunyai penelitian, mengambil tindakan terhadap iklan-iklan yang disiarkan dan dijual dalam talian, *online* ini? Berapa banyak yang telah diambil tindakan?

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, ubat kalau jenis yang makan, Tuan Yang di-Pertua, yang makan ataupun *injection* mesti daftar dengan pihak Bahagian Farmasi dan mereka amat teliti. Kita punya piawaiannya ialah hendak lulus produk-produk begini, sekurang-kurangnya 245 hari bekerja. Maknanya dia hendak *check* semua sekali, *details* kajian klinikal dan sebagainya. Tetapi ada orang yang buat *shortcut*, dia ikut suka dialah buat iklan ataupun dia tulis atas kotak itu. Ini semuanya dilarang. Termasuk iklan pun dia buat.

Saya sudah sebut tadi bahawa pihak kementerian sudah buat saringan kepada 22,550 iklan *supplement* kesihatan ini dan kita keluarkan surat amaran iaitu 678 surat amaran dikeluarkan untuk iklan atas talian sahaja. Bermakna, banyak kes yang buat salah dalam hal iklan. Ia kena dapat *approval* dulu, Tuan Yang di-Pertua. Hendak iklan, mesti dapat *approval* daripada Lembaga Iklan Ubat ini. Sudah dapat kelulusan barulah boleh iklan dan kita teliti tentang apa yang di-*claim* itu, Tuan Yang di-Pertua.

**9. Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh kementerian kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah pada tahun lalu.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Seri M. Saravanan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah adalah sebanyak RM4,984,313.50. Peruntukan ini meliputi penyelenggaraan kementerian, pengurusan ibu Pejabat Pembangunan Sukan,

pentadbiran negeri, emolumen kakitangan kontrak, penyelenggaraan kompleks belia dan sukan, perluasan program pembangunan ekonomi belia dan program TN50. Sekian, terima kasih.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua soalan tambahan.

Pertama, saya difahamkan peruntukan yang disalurkan kepada JBS negeri adalah sama rata. Walau bagaimanapun, struktur pentadbiran JBS Sabah yang meliputi 26 daerah dibahagikan kepada enam bahagian iaitu Pantai Barat, Kudat, pedalaman bawah, pedalaman atas, Sandakan dan Tawau. Atas sebab saiz negeri Sabah itu sendiri jika dibandingkan pula dengan tanah Semenanjung, Sabah berkeluasan 73,620 kilometer persegi bersamaan dengan lima ataupun enam negeri di Semenanjung. Apa yang menjadi persoalan saya ialah, adakah peruntukan yang disalurkan kepada JBS negeri Sabah mencukupi bagi membolehkan JBS Sabah menjalankan misi-misinya dalam memperkasakan belia-belia negeri Sabah?

Soalan kedua saya, saya ingin tahu apakah modus operandi yang digunakan oleh kementerian bagi memastikan program-program yang dirancang mencukupi bilangannya serta sampai kepada golongan sasaran iaitu belia? Saya difahamkan jumlah program yang disalurkan kepada JBS negeri Sabah tidak sama ataupun kurang berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Perkara ini dapat dibandingkan kerana di Semenanjung Malaysia, program-program disalurkan mengikut daerah-daerah berbanding dengan negeri Sabah, program diberikan di peringkat bahagian sahaja yang mana program tersebut tidak dapat disertai oleh kebanyakan belia di setiap bahagian. Untuk pengetahuan, bahagian Pantai Barat Sabah sahaja sudah merangkumi daerah Tuaran, Ranau, Papar, Kota Kinabalu, Putatan, Penampang dan Tamparuli.

Saya juga ingin tahu, adakah program-program...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Banyak soalan Yang Berhormat.

**Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]:** Yang disalurkan kepada JBS Sabah menepati cita rasa kehendak 1.7 juta belia negeri Sabah? Terima kasih.

**Datuk Seri M. Saravanan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengesyorkan kepada Ahli Yang Berhormat, rakyat Sabah tidak akan terpinggir daripada arus pembangunan. Walau bagaimanapun, peruntukan yang disalurkan mengikut dana yang sedia ada.

**■1130**

Akan tetapi, baru-baru ini kita melihat permintaan daripada Sabah telah meningkat dan Kementerian Belia dan Sukan akan cuba membantu sedaya upaya yang kita ada mengikut dana yang sedia ada. Terima kasih.

**10. Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah menjadikan guru-guru berkesan dalam pengajaran-pembelajaran guru-murid, menerusi pembinaan tiga aspek keguruan: sahsiah guru, kompetensi subjek guru dan kompetensi penyampaian guru.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan]:**  
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua terima kasih, Yang Berhormat Batu Pahat, semalam pun saya jawab soalan Yang Berhormat, hari ini pun jawab soalan Yang Berhormat tentang isu-isu aspek keguruan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi tumpuan yang berterusan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti guru dan pimpinan sekolah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia ialah yang pertama menempatkan pembimbing guru ataupun *School Improvement Specialist Coaches* ataupun dikenali sebagai SISC+. Pengetua dan Guru Besar serta pegawai-pegawai KPM, PPD, Jemaah Nazir sebagai *School Improvement Partners* (SIP+) untuk membimbing serta menyokong guru dan pentadbir sekolah secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran dan amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran ataupun PDP dan pentadbiran sekolah yang berkesan.

Kedua, kompetensi guru juga sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa melalui pelaksanaan program peningkatan profesionalisme CPD mengikut bidang dan keperluan guru. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui jemaah nazir dan jaminan kualiti sentiasa memantau tahap kualiti PDP berdasarkan standard kualiti pendidikan Malaysia supaya guru-guru memahami menghayati dan melaksanakannya dalam PDP bilik darjah.

Pada peringkat pra perkhidmatan pula Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan penambahbaikan syarat dan kriteria pengambilan guru program ijazah sarjana muda perguruan ataupun PISMP mulai ambilan 2014 dengan menyasarkan 30 peratus pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia tahun semasa. Kurikulum pendidikan guru di institut pendidikan guru juga telah dimantapkan dengan keperluan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 melalui rangkuman pengalaman berasaskan sekolah, pendidikan inklusif, kurikulum standard sekolah rendah dan

perkembangan terkini dalam pendidikan guru. Kemahiran penyelidikan juga turut diberi kepada bakal guru supaya mereka dapat menyediakan penyelidikan dalam bidang tugas mereka dan kurikulum latihan guru IPG turut dikawal kualitinya oleh ISO dan *Malaysian Qualifications Agency* ataupun MQA. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri setakat itulah sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan untuk pagi ini. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1). Saya jemput Yang Berhormat Menteri.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya memohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan (DR.2/2018) Rang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 (DR.8/2018) Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 dan (DR.3/2018) Rang Undang-undang Sivil (Pindaan) 2018 seperti yang tertera di nombor 1, 2 dan 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 5 April 2018.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

***[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]***

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**11.35 pg.**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Saya ingin merujuk kepada usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan 18(2). Di mana saya hendak masuk satu surat kepada Tuan Yang di-Pertua tentang kekejaman rejim Israel Zionis yang telah menyebabkan pembunuhan 16 orang rakyat Palestin dan kecederaan beribu orang.

Saya ingin merayu supaya usul ini dibenarkan untuk dibahas kerana atas kepentingan umum disegerakan kerana ini adalah satu situasi yang perlu dibuat satu pendirian oleh Malaysia kerana kebelakangan ini Malaysia telah lebih menunjukkan keterbukaan kepada rejim Zionis Israel kerana membenarkan pegawai dan rakyat Israel masuk Malaysia dan juga perdagangan yang telah meningkat lebih daripada enam bilion.

Ini adalah tidak konsisten dengan pendirian Malaysia untuk memberi tentangan dan juga bantahan ke atas kekejaman rejim Israel. Pada masa ini 40 NGO Malaysia dan juga antarabangsa sedang bermesyuarat di Shah Alam untuk menggesa kita kerajaan Malaysia membuat satu pendirian melalui usul yang sepatut dibahas dan diluluskan di Parlimen. Saya mohon untuk diberi perhatian dan juga pertimbangan atas rayuan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ya, saya rasa pada peringkat inilah kita tentu maklum bahawa mana-mana usul yang telah ditolak mengikut Peraturan Mesyuarat 18(8) tidak boleh dibawa, dikemukakan dan dibaca dalam Majlis Mesyuarat Yang Berhormat.

Jadi saya tidak ada penjelasan lanjut. Usul telah ditolak di dalam Kamar dan ia *stays* ditolak Yang Berhormat.

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (PINDAAN) 2018**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**11.37 pg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Pindaan) 2018 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat antarabangsa menggesa supaya inisiatif pencegahan rasuah turut difokuskan kepada kedua-dua sektor awam dan swasta supaya ia bukan sahaja meliputi seseorang individu iaitu *natural person* tetapi juga menjangkau entiti komersial ataupun *legal person*.

Senada dengan trend tersebut *International Organization for Standardization* (ISO) telah mengeluarkan garis panduan ISO 37001/2016 mengenai *Anti-Bribery Management Systems* untuk membantu organisasi-organisasi di seluruh dunia bagi mewujudkan langkah-langkah pencegahan rasuah.

Justeru peruntukan seksyen 17A ini adalah menepati obligasi terhadap artikel 26 dalam perjanjian *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) yang ditandatangani oleh Malaysia pada tahun 2003.

Perjanjian kerjasama komprehensif dan progresif *Trans-Pacific CPTPP* yang ditandatangani oleh kerajaan 8 Mac 2018 juga menghendaki pematuhan Malaysia terhadap obligasi UNCAC itu.

Inisiatif untuk mengadakan peruntukan baharu seksyen 17A ini juga sebenarnya telah dimulakan semenjak tahun 2012 lagi. Sebagaimana yang telah diperjelaskan dalam GTP 2.0 rata-rata rakyat melihat *grand corruption* sebagai satu isu mendesak yang perlu diselesaikan penyelesaiannya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Justeru keutamaan untuk memasukkan seksyen baru 17A dalam Akta SPRM 2009 ini sememangnya sesuatu yang dijangka dan dinantikan pelaksanaannya. Dengan sasaran untuk menyuburkan amalan perniagaan dan komersial yang sihat dan bebas daripada rasuah seterusnya dapat meningkatkan persaingan yang setara dan adil di kalangan penggiat ekonomi di negara ini maka peruntukan ini adalah sangat penting dalam kerangka untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Menyedari kepentingan peruntukan ini pihak Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebagai badan kawal selia Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2016 turut tiada halangan terhadap cadangan peruntukan baru 17A.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen 17A bukanlah satu perkara baru. Syarikat-syarikat di Malaysia telah pun diperkenalkan dengan konsep *liability corporate* sejak tahun 2011 melalui pelaksanaan *corporate integrity pledge*. Di bawah kerangka *corporate integrity system* yang didukung oleh Institut Integriti Malaysia, *Transparency International Malaysia*, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia Berhad dan SPRM sendiri.

#### ■1140

Peruntukan yang dicadangkan ini juga diharap akan dapat memberi keadilan kepada masyarakat dengan mempertanggungjawabkan kedua-dua pihak organisasi



komersial dan juga orang-orang yang bersekutu dengan sesuatu organisasi komersial tersebut untuk sama-sama melaksanakan dan bertindak untuk mencegah dan menolak amalan rasuah ini.

Pihak-pihak yang berkepentingan tidak perlu gusar dengan cadangan peruntukan baharu seksyen 17A mengenai kesalahan oleh organisasi komersial ini kerana seksyen tersebut mengadakan peruntukan pembelaan kepada pihak organisasi komersial. Organisasi komersial boleh membela diri dengan membuktikan bahawa ia telah mempunyai tatacara yang mencukupi, *adequate procedures* untuk menghalang mana-mana orang yang bersekutu dengannya daripada melakukan sesuatu perbuatan rasuah yang dinyatakan. Satu garis panduan Menteri juga akan dikeluarkan bagi menjelaskan mengenai tatacara yang mencukupi itu.

Dalam masa yang sama, peruntukan ini akan hanya dikuatkuasakan dalam tempoh dua tahun selepas rang undang-undang ini diluluskan. Ia bagi bertujuan untuk memberi masa yang mencukupi kepada organisasi komersial untuk mengadakan tatacara pencegahan rasuah dalam organisasi masing-masing.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atau Akta 694. Maksud utama pindaan ini adalah untuk memasukkan seksyen baharu 17A ke dalam Akta 694 dalam fasal 4 rang undang-undang yang memperuntukkan bahawa satu organisasi komersial melakukan satu kesalahan jika mana-mana orang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu melakukan rasuah untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah untuk organisasi komersial itu. Tujuan peruntukan baru ini adalah untuk menggalakkan perniagaan dan aktiviti komersial dijalankan dalam keadaan yang bebas daripada rasuah dan menggalakkan semua organisasi komersial untuk mengambil langkah mencukupi untuk mencegah rasuah di dalam organisasi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua serta Ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya untuk menjelaskan 11 fasal yang terkandung dalam rang undang-undang ini.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 694 dengan memotong takrif “bank” dan dengan menggantikan takrif “institusi kewangan”. Tujuan pindaan ini adalah untuk mengemas kini dan memperluaskan skop takrif “institusi kewangan” supaya ia meliputi semua institusi yang ditubuhkan di bawah undang-undang yang berkaitan. Pada masa ini, takrif institusi kewangan hanya terhad kepada orang yang menjalankan syarikat perniagaan perbankan atau kewangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 atau Akta 372. Kemudiannya, pindaan berbangkit

dibuat kepada subseksyen 33(4) dan fasal 6 seksyen 35 dan fasal 7 perenggan 36 subseksyen 1(c) dalam subfasal 8(a) dan seksyen 37 dalam subfasal 9(a).

Fasal 3 dan 10 bertujuan untuk meminda perenggan 17(b) dan subseksyen 38(1) masing-masing teks Bahasa Kebangsaan Akta 694 untuk menjadikannya selaras dengan teks bahasa Inggeris. Manakala perenggan 8(b)(ii), bertujuan untuk meminda subseksyen 36(3) teks bahasa Inggeris Akta 694 untuk menjadikannya selaras dengan teks Bahasa Kebangsaan.

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 17A ke dalam Akta 694 untuk memperuntukkan bahawa sesuatu organisasi komersial melakukan satu kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah, memberikan, bersetuju memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi manfaat orang itu atau orang lain dengan maksud untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan untuk organisasi komersial itu atau untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan untuk organisasi komersial itu.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 30 Akta 694 subfasal 5(a) bertujuan untuk memotong subseksyen 30(7) Akta 694 dengan pemotongan subseksyen 30(7). Seseorang yang mendedahkan apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa buku, dokumen, rekod, akaun, data berkomputer atau barang menurut subseksyen 30(1), (2), (3) Akta 694 tidak lagi kebal daripada mana-mana pendakwaan prosiding atau tuntutan.

Subfasal 5(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 30(8) Akta 694 untuk menjelaskan bahawa mana-mana pegawai suruhanjaya boleh merekodkan pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang diperiksa di bawah subseksyen 30(1)(a) Akta 694.

Subfasal 8(b) bertujuan untuk meminda subseksyen 36(3) Akta 694 perenggan 8(b)(i) bertujuan untuk meminda subseksyen 36(3) Akta 694 untuk memperuntukkan bahawa pegawai suruhanjaya yang berpangkat Pesuruhjaya dan yang lebih tinggi boleh mengarahkan mana-mana orang yang kepadanya telah disampaikan notis bertulis di bawah subseksyen 36(1) untuk memberikan pernyataan dengan bersumpah atau berikrar yang menjelaskan bagaimana dia dapat mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta yang berlebih-lebihan. Sebelum pindaan yang dicadangkan subseksyen 36(3) Akta 694 hanya terpakai kepada penjawat awam.

Subfasal 9(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (1A) ke dalam subseksyen 37 Akta 694 untuk memperuntukkan bahawa pegawai suruhanjaya yang melaksanakan satu penyitaan di bawah seksyen ini hendaklah segera memberitahu Bank

Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan mengenai mana-mana perintah yang dibuat di bawah subseksyen 37(1) Akta 694.

Fasal 11 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 41A ke dalam Akta 694 untuk membolehkan apa-apa dokumen atau apa-apa salinan dokumen yang diperoleh oleh Suruhanjaya diterima sebagai keterangan dan mana-mana prosiding di bawah Akta 694.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Bukit Katil, sila.

**11.47 pg.**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi bahawa pindaan ini adalah untuk memastikan syarikat iaitu yang melakukan rasuah dan penyelewengan boleh dikenakan tindakan.

Pada masa ini, saya percaya undang-undang Malaysia tidak mengenakan liabiliti jenayah korporat terhadap syarikat kerana perbuatan rasuah, dilakukan oleh pekerja mereka. Sebagai contoh, pada waktu yang lalu ataupun *the existing laws* sebelum dipinda seksyen 17 Akta SPRM ini hanya menghukum ejen yang melakukan suatu kesalahan dan tiada akauntabiliti yang dikenakan ke atas syarikat atau perbadanan. Saya percaya ini merupakan kelemahan akta ini kerana pihak korporat ataupun syarikat biasanya mendapat manfaat, biasanya dari segi kewangan untuk—oleh sesuatu perbuatan rasuah yang dilakukan oleh ejen ataupun pekerjanya.

Selain itu, tiada juga peruntukan berkanun yang mengenakan tanggungjawab ke atas korporat untuk mencegah rasuah dalam sesuatu syarikat. Badan perundangan tempatan pada tahun 2013 telah mengumumkan bahawa peruntukan liabiliti korporat ini akan dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk memastikan badan korporat juga ataupun syarikat juga berpotensi untuk melakukan kesalahan di bawah akta ini.

Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah model ataupun rujukan sebagai perbandingan kajian yang telah digunakan untuk pindaan ini diperkenalkan di dalam Dewan pada hari ini?

■1150

Saya difahamkan bahawa SPRM telah mengumumkan bahawa mereka melihat dua praktis ataupun dua undang-undang yang pertama United Kingdom *Bribery Act* (UKBA) sebagai modal dalam pindaan ini dan juga *United States, Foreign Corrupt Practices Act* untuk aplikasi yang luas kepada syarikat-syarikat Malaysia.

Justeru saya ingin tanya apakah perkara ini benar dan setelah dirujuk sebagai satu perbandingan undang-undang di UK dan *United States of America*, apakah dapatan-dapatan ini dengan tujuan untuk menambah baik undang-undang daripada kedua-dua negara ini dan kita *produce* dengan izin Tuan Yang di-Pertua *the best* dalam kita punya pindaan ini.

Saya difahamkan UKBA ataupun United Kingdom *Bribery Act* baru-baru ini telah disemak semula untuk memasukkan kesalahan liabiliti yang lebih ketat kerana gagal mencegah rasuah. Di mana kesalahan itu boleh dilakukan oleh organisasi komersial yang berkaitan dipanggil sebagai *relevant commercial organization* (RCO). RCO perlu bertanggungjawab jika orang yang terlibat dengan RCO ini memberi rasuah kepada orang lain untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau untuk mendapatkan atau untuk mengekalkan kebaikan perniagaan dalam menjalankan perniagaan bagi *relevant commercial organization*.

Begitu juga di Amerika Syarikat, peruntukan anti rasuah dalam *Foreign Corrupt Practices Act* (FCPA) ini melarang bayaran kepada pegawai asing yang berkaitan dengan mendapatkan atau mengekalkan perniagaan untuk atau dengan atau mengarahkan perniagaan kepada mana-mana orang dan juga kepada mana-mana Amerika Syarikat *issues* syarikat awam yang dikehendaki membuat dokumen yang difailkan dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Amerika Syarikat dan apa-apa *domestic concern*, rakyat Amerika Syarikat, penduduk mana-mana syarikat yang ditubuhkan di bawah undang-undang domestik atau tempat perniagaan di Amerika Syarikat.

Kedua-dua undang-undang ini saya percaya dijadikan rujukan dan tentulah kita ingin mendapatkan *the best practice* dengan *benchmark* yang lebih tinggi untuk memastikan syarikat-syarikat di Malaysia ini bertanggungjawab ataupun dikenakan satu tindakan akibat apabila mereka melakukan rasuah dan juga penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga difahamkan pada empat tahun yang lalu iaitu Disember 2014, negara-negara anggota Asia Tenggara yang memerangi rasuah bersetuju mengusulkan kepada kerajaan masing-masing untuk memasukkan peruntukan liabiliti korporat ini dalam sistem perundangan berhubung rasuah di sektor swasta. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, tadi dimaklumkan selain daripada menjelaskan kerangka pindaan ini bertujuan untuk memastikan mereka yang melakukan rasuah itu dihukum atau syarikat yang melakukan rasuah itu dihukum bukan sekadar ejen, di sana terdapat pindaan juga yang berkaitan dengan pemansuhan kekebalan pendedahan maklumat. Kalau saya difahamkan dari segi pembacaan itu, itu maksudnya.

Jadi dari segi pemotongan seksyen 30(7) oleh fasal 5 itu pada saya bermaksud seseorang tidak lagi kebal daripada pendakwaan, prosiding atau tuntutan biarpun dengan mendedahkan apa-apa maklumat untuk tujuan siasatan oleh pegawai SPRM. Jadi pada tahap ini Yang Berhormat Menteri, kita berasa kluatir bahawa sesiapa yang mendedahkan amalan rasuah ini akan didakwa di bawah undang-undang seperti Akta Rahsia Rasmi dan sebagainya sedangkan orang yang melakukan rasuah itu masih lagi terlepas.

Saya ambil satu contoh misalnya dalam perbahasan di peringkat dasar Titah Yang di-Pertuan Agong, saya membangkitkan beberapa inisiatif ataupun keberanian yang dilakukan oleh pekerja-pekerja ataupun warga korporat di syarikat PUNB yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Menteri Melaka yang mana mereka, warga korporat ini, warga kerja ini mendedahkan apa yang dianggap sebagai penyelewengan di dalam syarikat tersebut terutama dari segi tata kelola, *governance* dan sebagainya.

Sudah tentulah akibat daripada pemberian maklumat itu, mereka dikenakan dengan pelbagai tindakan, tekanan dan sebagainya dan mereka bimbang selepas daripada pendedahan yang saya buat di dalam Dewan Rakyat ini dan tentunya mendapat komitmen daripada Kementerian Kewangan untuk menyiasat perkara ini, mereka terus mengatakan susah untuk membuat perhubungan dengan Yang Berhormat, kami bimbang, takut, telefon *ditapped special branch* masuk ke dalam syarikat. Sama ada itu *allegation* ataupun tidak, saya percaya mereka lebih memahami kerana tidak mahu bertemu dan sebagainya kerana bimbang dengan perkara-perkara ini.

Jadi saya ingin satu penegasan daripada kerajaan dan komitmen kalau betul kita ingin melakukan transformasi seperti mana istilah yang digunakan oleh kerajaan dalam

hal ini. Pada saya, kita mesti konsisten dengan pendirian untuk melindungi mana-mana pihak yang berani, yang menjadi lilin membakar diri, yang memberikan maklumat kepada kita untuk dipastikan agar tindakan diambil kepada mana-mana orang, mana-mana pemimpin di dalam syarikat yang menyalahgunakan kedudukannya untuk kepentingan diri, melakukan rasuah dan sebagainya.

Perkara seterusnya Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan kuasa SPRM mengarahkan untuk menjelaskan sumber lebihan. Isu yang saya bangkitkan di sini mudah sahaja terdapat pindaan yang dicadangkan oleh fasal 8 yang membolehkan seseorang pegawai SPRM yang berpangkat pesuruhjaya ke atas untuk mengarahkan mana-mana orang yang memberi pernyataan dengan bersumpah ataupun berikrar yang menjelaskan bagaimana dia mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta yang berlebih-lebihan.

Bukit Katil ingin mempersoalkan sama ada SPRM boleh menjamin agar kita berlaku adil kepada semua orang terutamanya mereka yang terlibat di dalam pihak eksekutif, mempunyai jawatan-jawatan politik, yang memimpin organisasi syarikat dan sebagainya agar perkara itu dapat dipastikan tidak ada *double standard*, tidak ada pendakwaan terpilih dan sebagainya. Kalau betul ini merupakan perkara yang penting untuk memastikan agar keadilan itu ditegakkan. Saya ingin tahu apakah rasionalnya sehinggakan kita terpaksa meminda pindaan ini.

Pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, tadi juga dibangkitkan tentang garis panduan Menteri. Saya ingin tanya lebih lanjut tentang garis panduan Menteri ini dan juga tempoh dipanggil dua tahun selepas pindaan ini barulah boleh dilaksanakan. Adakah garis panduan Menteri ini akan dijadikan sebagai sebahagian daripada undang-undang yang akan mengikat mereka yang terpaksa berhadapan dengan risiko yang ingin melakukan rasuah dan penyelewengan? Apakah, di manakah *position* atau kedudukan undang-undang, garis panduan Menteri ini.

Adakah ia boleh dijadikan sebagai satu jadual ataupun satu *addition amendment* to undang-undang ini ataupun ia hanya sekadar panduan yang perlu diikuti kerana pada saya kalau sekadar panduan, saya percaya ia tidak memberi kesan yang signifikan kepada usaha kerajaan yang ingin dicapai daripada pindaan terhadap akta SPRM ini. Dari segi dua tahun itu, apakah ada program-program yang konkrit yang bertujuan untuk memberikan pencerahan ataupun pendidikan dari segi pencegahan rasuah dan penyelewengan?

Ini kerana pada saya sewajarnya kerajaan mempertimbangkan agar selepas sahaja pindaan ini terus kita laksanakan apa yang telah pun dipinda. Dua tahun ini apa dia punya rasional? Ini kerana pada saya ia terlalu lama, saya percaya di luar sana mana-

mana syarikat pun faham bahawa perlakuan rasuah itu tidak boleh diterima, tidak boleh dilakukan. Jadi *why there is an exemption?* Maknanya ada satu jurang selama dua tahun yang diberikan oleh kerajaan dalam pindaan undang-undang ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua yang terakhir ini, saya yakin bahawa syarikat—pindaan undang-undang ini yang memastikan agar syarikat dikenakan tindakan dan sebagainya mempunyai kaitan dengan masalah syarikat 1MDB yang saya percaya ini merupakan pindaan yang pastinya akan memberikan tekanan kepada mana-mana syarikat yang menjadikan contoh skandal 1MDB sebagai satu misalan bahawa berlaku penyelewengan dan sebagainya. Maka undang-undang ini datang selepas daripada apa yang berlaku terhadap syarikat 1MDB ini.

Jadi saya percaya bahawa dalam hal ini perkara yang lebih penting ialah bagaimana syarikat-syarikat yang lain juga perlu diberikan suatu pencerahan bahawa mereka tidak ada sebarang layanan yang berbeza dengan mana-mana syarikat yang lain. Ini kerana dalam hal ini kita tahu seperti mana yang diakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam ucapan-ucapan beliau, Yang Amat Berhormat Pekan sendiri menyatakan bahawa dalam kes syarikat 1MDB ini ada masalah yang perlu ditangani dari segi tata kelola, *governance* dan kemungkinan berlakunya *money laundering*, penyelewengan dan sebagainya dan sudah pastilah syarikat ini akan menjadi satu *sample* dengan izin, sebagai satu rujukan kepada mana-mana syarikat yang lain.

Jadi saya ingin tanya apakah komitmen kerajaan? Memang kita pinda undang-undang ini untuk tujuan untuk pastikan bahawa tidak ada penyelewengan. Mana-mana syarikat yang melakukan penyelewengan, ejen dia atau pekerja dia atau pegawai dia, syarikat itu akan terpaksa menanggung akibat daripada tindakan ejennya.

#### ■1200

Jadi, saya ingin bertanya. Apakah undang-undang ini mempunyai retrospektif efek terhadap apa yang berlaku kepada syarikat 1MDB? Seperti yang saya sebutkan tadi, diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Pekan bahawa terdapat masalah, wujud isu-isu yang besar yang berkaitan dengan tata kelola dan sebagainya. Apakah ianya dengan pindaan akta ini akan memberikan kesan kepada syarikat 1MDB? Pada saya juga, kalau tidak diberikan contoh ini, syarikat-syarikat lain akan beranggapan bahawa pindaan ini sekadar *lip service*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sudah tentulah ia menuntut kepada satu komitmen dan juga contoh yang terbaik oleh kerajaan. Misalnya, mungkin pendakwaan. Misalnya, mungkin tangkapan untuk memastikan syarikat-syarikat lain juga belajar daripada apa yang ditunjukkan oleh pihak *AG Chambers*, pihak *SPRM* dan sebagainya.

Biarlah dengan pindaan ini, dari segi pelaksanaannya, ada contoh yang tegas yang ditunjukkan oleh kerajaan. Bukan sekadar 1MDB, kita juga berhadapan dengan misalnya, skandal FELDA yang berlaku *revamp* ataupun rombakan besar-besaran yang kita dihadapkan dengan pelbagai tangkapan. Jadi, saya percaya ini juga perlu dijadikan sebagai satu contoh. Apakah tindakan tegas akan diambil?

Oleh kerana kalau tidak, ianya sekali lagi akan menunjukkan satu *bad example*, dengan izin, kepada syarikat-syarikat yang lain. Mereka menyatakan bahawa dengan pindaan tetapi tidak ada komitmen, tidak ada *political will* untuk melakukan perkara ini. Saya percaya ianya tidak ke mana-mana dengan pindaan ini. Apa pun saya optimis dengan pindaan ini. Saya harap ianya akan dijalankan dengan begitu tegas untuk memastikan agar Malaysia ini akan jadi sebagai sebuah negara *free corruption country*. Terima kasih.

### 12.01 tgh.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan usul pindaan Rang Undang-undang Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 pada hari ini, pindaan 2018. Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada akta ini saya lihat dalam soal rasuah ini, ianya harus ditentang dan ia merupakan satu peperangan yang berterusan.

Hakikatnya, tiada negara yang berjaya boleh melakukannya, terutama sekali dalam sekelip mata. Saya berbangga dengan komitmen yang tinggi dan berterusan yang telah dipamerkan dan digerakkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dalam usaha untuk membanteras gejala rasuah sehingga ke akar umbi serta memastikan integriti dan ketelusan menjadi pedoman. Ini terbukti dengan beberapa pendekatan yang dilakukan hari ini yang berunsurkan bukan hanya dari segi langkah-langkah pencegahan tetapi dalam soal pendidikan pencegahan rasuah dengan kempen-kempen seperti GERAH dan sebagainya memberikan impak, terutama sekali di peringkat akar umbi dalam memastikan rasuah ini harus diperangi.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk tentang apa yang saya nyatakan sebentar tadi, telah dinyatakan dalam Al-Quran, dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 188. Maksudnya, "*Dan janganlah sebahagian daripada kamu memakan harta sebahagian yang lain dengan jalan yang batil dan janganlah kamu membawa harta itu kepada hakim supaya kamu memakan sebagai harta benda orang lain dengan dosa padahal kamu mengetahuinya*".



Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, rasuah digolongkan dalam kata umum batil iaitu meliputi juga perkataan jenayah lain seperti merompak, menipu dan memeras ugut. Pada hemah saya, rasuah adalah barah yang jika dibiarkan merebak akan membawa maut. Laporan terkini daripada dapatan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2017 yang telah dikeluarkan oleh *Transparency International* (TI), kedudukan Malaysia jatuh daripada tangga 55 kepada 62 daripada 180 buah negara dengan penurunan dua mata iaitu daripada 29 ke 47 dan di peringkat ASEAN pula Malaysia berada di tempat ketiga, di belakang Singapura dan Brunei. Dalam hal ini juga, Malaysia dilihat melepasi purata di peringkat global iaitu 43 mata serta skor purata di peringkat Asia Pasifik iaitu 44 mata.

Melihat kepada skor ini, ianya jelas menunjukkan rasuah ialah isu yang sangat penting yang wajib ditangani dengan segala kesungguhan melalui langkah-langkah yang tegas oleh pelbagai agensi tanpa pilih kasih.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Sila.

**Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya ingin mendapatkan pencerahan daripada pihak SPRM iaitu sehingga kini, apakah statistik syarikat korporat tempatan dan asing serta *government-linked company* Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri yang telah menerima pakai syarat integriti *pact*, dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sahabat saya daripada Alor Setar. Saya ingin memohon agar pertanyaan tersebut dimasukkan dalam teks perbahasan saya. Lebih-lebih lagi dikaitkan juga dengan mengenai pindaan seksyen baru 17A yang kita bahaskan pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada apa yang telah saya nyatakan sebentar tadi, jika difikirkan secara rasional, indeks yang dikeluarkan ini tidak mencerminkan tindakan dan pendekatan proaktif yang diambil oleh Kerajaan Pusat dalam menangani isu-isu berkaitan rasuah. Tidak wajar untuk kita menilai tahap usaha pihak kerajaan dalam menangani rasuah dengan hanya berdasarkan persepsi pihak lain semata-mata.

Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berada di dalam landasan yang betul dalam memerangi kes rasuah dan dalam usaha memupuk nilai-nilai integriti dan murni dalam kalangan rakyat berbilang kaum di negara kita. Sehubungan dengan itu, saya menyambut baik cadangan daripada SPRM untuk memperkenalkan Indeks Rasuah Malaysia dan saya menyokong agar Indeks Rasuah Malaysia ini dapat disegerakan untuk memastikan agar indeks yang betul dapat kita tonjolkan di negara kita. Pada pandangan saya juga, sekurang-kurangnya ianya akan dapat memberi gambaran mengenai situasi

sebenarnya di negara kita. Dapatan indeks harus didedahkan kepada umum sebagai satu bentuk panduan dan juga teladan. Kita perlu bersikap terbuka dalam bab ini sebagaimana yang telah dinyatakan oleh SPRM, kita tidak mahu indeks ini diukur dengan persepsi semata-mata tetapi berdasarkan fakta dan juga bukti.

Tuan Yang di-Pertua, bila merujuk kepada keperluan pindaan ini, sejajar dengan itu saya berpendapat bahawa rang undang-undang yang dibahaskan hari ini mampu untuk memperkasakan lagi undang-undang SPRM, terutama sekali dalam membanteras dan membendung gejala rasuah. Di samping itu juga, ianya pada hemah saya selari dengan hasrat untuk meletakkan Malaysia antara negara yang mengamalkan tahap pengurusan integriti yang terbaik di dunia seiring dengan agenda Transformasi Nasional 2050.

Pada masa yang sama juga, undang-undang ini juga dilihat bertujuan untuk membina satu pemikiran rakyat dari segi amalan pencegahan rasuah. Saya percaya menerusi pindaan hari ini, ianya juga boleh dijadikan satu mekanisme untuk membendung dan memperingatkan syarikat-syarikat swasta di negara kita agar tidak menjadi pemberi ataupun *the giver*, dengan izin dalam pemberian rasuah. Saya juga lihat dalam seksyen yang menjadi pindaan hari ni iaitu seksyen 17A, Perkara 3, '*Jika sesuatu kesalahan dilakukan oleh organisasi komersial, seseorang-*

- (a) *yang menjadi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya; atau*
- (b) *yang terlibat dengan pengurusan hal ehwalnya, pada masa kesalahan itu dilakukan, disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika orang itu membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa keizinannya ataupun pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha yang wajar dilakukan untuk menghalang perlakuan kesalahan itu dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan kepada hal keadaan'.*

Ini bermaksud, pihak lembaga pengarah sama ada, dengan izin, *executive* atau *non-independent* juga saya lihat boleh dikaitkan dengan pindaan tersebut. Cuma saya ingin bertanya dengan pihak kerajaan, sebagaimana yang telah dinyatakan dari segi tempoh dua tahun tersebut, apakah nanti dalam tempoh dua tahun tersebut sebelum undang-undang ini dilaksanakan, apakah perlu mana-mana syarikat ini ataupun keseluruhan lembaga pengarah menjalani sesuatu kursus integriti yang dikaitkan supaya dalam setiap perbincangan ataupun mesyuarat lembaga itu, mereka boleh dipastikan

berhati-hati dalam setiap apa dan objektif serta perlakuan yang dilakukan oleh pekerja-pekerja mereka di peringkat akar umbi.

■1210

Ini sangat penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana pada hemat saya, setidaknya ia menjadi satu kayu ukur bagi meletakkan Malaysia khususnya setaraf dengan negara-negara di luar sana terutama sekali apa yang telah dilakukan dinyatakan dalam *United Nations Convention* mengenai amalan pencegahan rasuah terutama sekali melibatkan seluruh peringkat sama ada di peringkat kerajaan mahupun di peringkat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir, saya lihat dengan pindaan rang undang-undang hari ini juga, setidaknya boleh merungkai pertanyaan rakyat khususnya di Parlimen saya mengenai kes skandal tanah Ijok yang telah pada hemat saya menjadi perbualan rakyat, khususnya di negeri Selangor kerana seakan-akan ada memperlihatkan unsur-unsur pecah amanah hingga mencetuskan kontroversi dan menimbulkan persoalan pelbagai pihak termasuk peneroka yang hari ini menghantar laporan memohon tindakan segera daripada SPRM mengenai tahap pengurusan integriti. Ini kerana menurut kata peneroka kepada saya, mereka nyatakan "*harapkan pagar, pagar makan padi*". Justeru itu, saya lihat dengan undang-undang ini, setelah diluluskan, pada hemat saya setidaknya boleh membantu pihak SPRM untuk mencari jalan penyelesaian terhadap perlakuan tidak bertanggungjawab dan juga membawa individu-individu yang terlibat ke muka pengadilan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat, boleh?

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Tadi Yang Berhormat Kuala Selangor membangkitkan isu peneroka di tanah Ijok ini. Saya rasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun memberi panjang lebar tentang penjelasan masalah— bukan masalah, selesai dah masalah ini— selama 20 tahun yang tidak dapat diselesaikan oleh Barisan Nasional. Saya rasa di Dewan Undangan Negeri, semua penjelasan sudah diberi. ADUN daripada UMNO, Barisan Nasional pun tidak ada masalah, tidak ada bangkit pertanyaan. So, saya rasa ini bukan satu perkara— isu yang disengajakan dibangkitkan oleh MP Barisan Nasional.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Cuma, saya ingin bertanya ya tentang apa yang telah dinyatakan. Pada hemat saya sebagai Ahli Parlimen, walaupun saya telah mendengar penghujahan daripada Yang Berhormat Gombak mengenai jawapan beliau di sidang DUN, cuma ada beberapa

persoalan yang sehingga hari ini tidak dapat dan belum lagi dijawab oleh kerajaan negeri kerana tanah Ijok ini berada dalam Parlimen saya.

Sebagai contoh, apa yang menjadi tanda tanya kepada rakyat di Malaysia, ke mana perginya wang sebanyak RM758.6 juta yang masih berbaki setelah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor mengumumkan pembayaran pampasan kepada semua 980 peneroka dalam bentuk pampasan tunai RM180,000 seorang dan sebuah rumah bernilai RM250,000 seorang? Juga, apakah status 1,000 ekar tanah berbaki yang sepatutnya dimiliki oleh pihak peneroka? Sehingga hari ini, saya belum mendapat jawapan tersebut. Oleh sebab itu, saya bangkitkan kerana saya bercakap daripada pihak peneroka-peneroka yang membawa perkara tersebut kepada perhatian saya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya ingin nyatakan, dengan rang undang-undang yang dibentangkan hari ini, setidaknya meletakkan Malaysia di mata dunia yang menunjukkan bahawa usaha membanteras rasuah ini memerlukan sokongan dan dukungan seluruh rakyat Malaysia dan pendek kata, rasuah perlu diperangi dan harus diperangi secara serius di semua peringkat dan usaha ini tidak hanya boleh diserahkan kepada SPRM semata-mata dan rakyat perlu memainkan peranan di mana dengan mewujudkan persekitaran yang tidak ada pihak yang memberi atau menawarkan rasuah dalam usaha untuk mewujudkan negara bebas rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dan saya lihat rang undang-undang ini akan memberikan satu landskap, satu demografi dan transformasi terutama sekali dalam elemen pencegahan rasuah khususnya dalam membendung etika korporat atau pun *strict liability* terhadap individu-individu dalam mana-mana syarikat sama ada di GLC atau pun syarikat-syarikat awam atau pun syarikat-syarikat di bawah Malaysia. Jadi, akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, Kuala Selangor menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Seputeh.

**12.15 tgh.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan, saya rasa yang pindaan rang undang-undang ini adalah baik dan munasabah tetapi di sini saya juga hendak membawa beberapa isu yang saya rasa pihak kerajaan haruslah jawab di Dewan yang mulia ini.

Saya hendak bawa satu isu. Apa yang saya tahu, di bawah pindaan ini, sesiapa yang buat laporan palsu, dia akan dipenjarakan sepuluh tahun atau pun didenda RM100,000. Ia kelihatan— yang denda ini— adalah berat bagi kes yang benar.

Maksudnya korupsi memang pernah berlaku tetapi akhirnya tidak ada mungkin bukti yang kukuh tetapi orang yang buat laporan itu kena menghadapi akibat.

Akan tetapi saya di sini hendak juga ambil kes saya. Saya disiasat oleh SPRM atas laporan oleh Jamal Yunos, salah seorang Ketua Bahagian UMNO di Selangor yang saya dituduh gunakan kad ATM di bawah skim SMUE iaitu Skim Mesra Usia Emas, saya mengeluarkan RM2 juta di pelbagai ATM *machine* di Selangor. Dia buat laporan kepada SPRM. Saya disiasat, dipanggil untuk beri keterangan beberapa kali malah bekas pembantu saya semua ini juga dipanggil dan saya lihat begitu serius SPRM hendak siasat saya, hendak cari sama ada, ada apa-apa bukti untuk mendakwa saya ke mahkamah. Saya lihat mereka pergi cari semua itu borang-borang yang pernah diisi untuk keluarga si mati warga Selangor dan kenyataan bank dan sebagainya. Mereka gunakan banyak jam untuk buat *homework* untuk siasat saya.

Akan tetapi, mereka yang ada otak akan tahu macam mana seorang bekas Exco, bekas ADUN di Selangor boleh guna kad ATM Selangor itu keluar RM2 juta di seluruh *machine* ATM di Selangor. Gila kah? Siapa yang ada otak, siapa yang cerdik akan tahu ini tuduhan palsu, tuduhan liar. Hanya hendak buat berita, hanya hendak masukkan nama saya dalam TV3, dalam surat khabar dan sebagainya. *Utusan*, *NST* dan sebagainya. Jadi, saya memang kesian kepada pegawai. Saya tidak salahkan mereka. Saya pernah tanya pegawai, okeylah kali pertama, kali kedua mereka mahu saya beri keterangan satu hari dalam pejabat okeylah, saya terima kerana pegawai SPRM menjalankan tugas kerana ada laporan terhadap saya.

Akan tetapi selepas saya banyak kali, saya kata memang saya tidak sentuh yang duit SMUE itu, kerana saya wakil rakyat, yang kendalikan semua itu adalah pembantu saya. Kalau ada apa-apa kesalahan pun, pegawai kerajaan di Selangor itu yang mengendalikan akaun dan perbelanjaan semua SMUE itu, mereka harus bertanggungjawab kerana sistem itu adalah setiap kali setelah RM10,000 itu digunakan untuk bayar kepada keluarga si mati, lepas itu mereka harus tambah lagi selepas kita mengemukakan permohonan semua itu kepada pihak Pejabat Daerah Petaling.

Akan tetapi saya rasa amat kesal, *so many man hours* kita kata digunakan pada saya, sudah pun mereka tahu saya tidak terlibat langsung. Kalau ada apa-apa kesilapan pun, ia adalah juga kerana mungkin kadang-kadang pegawai kerajaan mereka ada banyak kes, ada banyak aduan dan sebagainya, mereka ada buat sedikit kesilapan. Selagi yang amaun itu beberapa ribu sahaja sepanjang sembilan tahun sejak ia dilaksanakan, daripada segi pengurusan mungkin ada tetapi ini tidak boleh diklasifikasikan sebagai korupsi.

## ■1220

**Seorang Ahli:** ...Sikit, sikit...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Bukan, bukan ada sikit, sikit. Kerana kita kata sembilan tahun selepas itu bila ia mula dijalankan, memang bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor, bagi pegawai juga, mereka juga agak kelam kabut sedikit pada waktu permulaan tetapi semua akaun itu adalah dipantau daripada semasa ke semasa, *every ten thousand* ringgit semua ini pantau, haruslah dikemukakan yang semua borang permohonan itu. Saya hanya rasa kesal yang pegawai, saya simpati kepada mereka. Terpaksa jalankan, *they have to ask to do the dirty job, that's fine* tetapi macam mana orang yang buat laporan palsu seperti Jamal Yunos?

Adakah dia akan juga di- yang adalah jelas dia bohong, adalah jelas dia *misled* yang MACC. Adakah dia apa-apa tindakan bagi pihak pada MACC akan diadakan? Ini adalah ...

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Eh! Yang Berhormat Seputeh, sikit.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Putatan, nak daftar kehadiran. Okey, bagai *chance*.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Eh! Bukan ini. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jangan layan Yang Berhormat Seputeh itu.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya Yang Berhormat Seputeh, dulu Yang Berhormat Seputeh ditegah masuk di negeri Sabah kerana apa? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh ini masuk kampung membuat cerita-cerita yang tidak betul.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Eh! Ini semua tak kena mengena dengan pindaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang menyatakan kerajaan menghina...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya tahu Yang Berhormat Putatan nak tunjukkan dia sudah hadir di Dewan Rakyat tetapi takkan nak bawa isu yang saya dilarang masuk ke Sabah? Jadi ini semua keluarkan topik perbahasan ini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Cakap cerita palsu, tak betul.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa *mike* dia haruslah ditutup.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Akan tetapi sendiri Yang Berhormat juga cerita yang tak betul di Sabah. Menghasut, menipu rakyat negeri Sabah tentang kerajaan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Mana ada kena mengena dengan pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua. Sila, sila duduklah, tak ada poin. Duduk. Saya tahu *you* sudah hadir, cukup. Tuan Yang di-Pertua, yang kes kedua saya nak bangkitkan adalah yang kes melibatkan seorang kawan saya. Dia adalah seorang dikatakan pengurus *property investment* di satu syarikat *property investment* di Kuala Lumpur kerana ada perselisihan faham dalam keluarga yang mana adiknya lapor kepada SPRM tentang ada salah laku daripada segi kewangan syarikat itu dan dia tiba-tiba, dia tak tahu ini semua dilaporkan. Dia dipanggil oleh SPRM bila dia berada jauh di dalam satu luar bandar untuk ada buat urusannya, dipanggil dan dibawa ke Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

Selepas itu dia dan juga seorang rakan sekerja dia, mereka disoal siasat sampai waktu malam dan selepas itu mereka ditahan *overnight* dalam Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya dan selepas itu dia merayu. Eh! Tiba-tiba *you* kata saya lakukan rasuah. Itu adalah syarikat persendirian, syarikat *family business* dan lepas rayuan, okey dia diminta untuk bayar bil. Bil itu adalah RM20,000 *cash*. Kena bayar *cash*, kalau tidak, tak boleh keluar. Jadi dua orang kena RM40,000 *cash*. Bila dia panggil saya, waktu itu adalah sembilan malam. Macam mana nak pergi bank untuk mengeluarkan *cash* RM40,000 dan semua ini dilakukan secara tiba-tiba dan dia memang tidak sangka yang perselisihan di antara ahli keluarga dibawa ke SPRM dan tiba-tiba dia diminta untuk bayar bil atau bermalam dan keesokan hari kena didakwa ke mahkamah. Semua ini berlaku.

*Cut the story short*, lepas itu dia didakwa ke mahkamah dan SPRM panggil 40 orang saksi. Selepas testimoni, 15 orang saksi itu, semua saksi itu kata dia memang tidak terlibat. Memang tak ada apa-apa salah laku, mungkin daripada segi perakaunan hanya ada kekeliruan. Itu sahaja. Dia dibebaskan tetapi bila dia didakwa ke mahkamah, keluar dalam berita televisyen. Keluar dalam *front page Utusan Malaysia* kerana dia dituduh dia gunakan wang daripada syarikat itu untuk membantu parti pembangkang, RM750,000 untuk bantu parti pembangkang. Semua ini adalah bohong, langsung tidak benar dan lepas itu dia dibebaskan kerana memang tak ada kes.

Apa yang saya cuba katakan ialah, saya hormat tugas dan kerja serta tanggungjawab SPRM tetapi kadang-kadang kes macam ini tak ada kes. Saksi yang dipanggil itu semua katakan dia tidak terlibat, dia dan rakan sekerjanya tidak terlibat. *This is family dispute* tetapi dibawa kes ke mahkamah dan dia malah dilarang untuk keluar dari negara. Dia tidak diberitahu langsung bahawa kerana kesnya berjalan, dia tidak boleh ke luar negara. Dia ada urusan penting, pergi ke *airport* dan dihentikan oleh pihak imigresen.

So dalam kes macam ini, saya rasa sedihlah. Seseorang itu hanya mungkin dia adalah penyokong parti saya tetapi dia tidak harus diseksa atas urusan, atas isu yang begitu remeh temeh bawa ke mahkamah. Jadi bagi saya, walaupun saya sokong kerja dan pegawai SPRM, bagi saya *this is lack of professionalism*. Yang ini saya rasa yang pihak SPRM ini dan juga mungkin melibatkan Jabatan Peguam Negara, mereka tidak buat siasatan yang betul-betul hanya kerana seseorang itu mungkin dia adalah *sympathizer*, penyokong kepada parti pembangkang, dia harus dihadapkan ke mahkamah. Nama dia, *reputation* dia ini jatuh. Keluar dalam televisyen, *front page* lepas itu tak ada kes, *drop*.

Saya rasa sedihlah, saya rasa saya nak bawa dua kes ini. Saya berharap pegawai SPRM itu walaupun saya amat sokong kerja mereka dan mungkin bagi saya, kadang-kadang mungkin mereka diminta untuk lakukan kerja yang mereka sendiri juga tidak setuju ataupun dipaksa untuk jalankan siasatan tetapi saya rasa pihak SPRM haruslah lebih neutral daripada segi pendakwaan dan pengendalian urusan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga nak tanya tentang beberapa kes, *high profile case* yang telah pun dilaporkan ke mahkamah. Salah satu adalah MARA Incorporated Sendirian Berhad beli hartanah di Australia. Ini satu berita yang mana MARA Incorporated dikatakan beli UniLodge *building* di Melbourne dan dia beli harga pasaran yang jauh lebih tinggi daripada harga yang sepatutnya.

Okey, minta izin ya. Saya baca ini laporan daripada surat khabar Australia, '*The property was transacted by its seller Australian businessman, Lionel Harbor at AUD23.5 million to an agent from an offshore company who subsequently sold it to MARA Inc. for AUD41.8 million near weeks later*' dan lepas itu pada akhir surat khabar itu, '*Mohammad Lan Alani, a former assembly man from Sabah was a chairman of MARA Inc. when the inflated valuations were requested. The publication reported that Mohammad Lan receive AUD3.2 million in his personal bank account shortly after payment was made*'.

Ini satu kes telah pun disiasat oleh pihak polis di Australia. Saya nak tahu kes macam ini, adakah SPRM telah pun buka fail dan jalankan siasatan kerana ia melibatkan beberapa tokoh politik dari UMNO juga dalam kes *high profile* ini di Australia. Saya rasa kalau tak ada kes dibuka, tak ada siasatan, tak ada pendakwaan, ini akan membangkitkan banyak persoalanlah tentang sama ada SPRM ini neutral ataupun tidak. Saya hendak juga tanya tentang National Feedlot Corporation Sendirian Berhad yang dikatakan...

■1230

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Seputeh, Kuala Krai.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Kuala Krai ya sila.



**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Seputeh mengenai isu pembelian hartanah bernama *UniLodge* di Melbourne yang dikatakan berharga hampir dua kali ganda daripada harga pasaran. Sama ada berlaku rasuah dalam pembelian itu.

Yang Berhormat Seputeh ingin mendapat maklumat sama ada fail SPRM dibuka. Saya ingin melanjutkan soalan itu sama ada kalau sudah dibuka, apakah peringkat penyiasatan dan adakah penahanan-penahanan dibuat terhadap pihak-pihak yang terlibat di dalam apa yang saya andaikan ini sebagai satu skandal yang sangat besar. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya setuju dengan pertanyaan Yang Berhormat Kuala Krai. Saya berharap Yang Berhormat Menteri apabila jawab, sila beritahu Dewan yang mulia ini *what is the latest* tentang kes yang telah pun memalukan dan menjejaskan nama baik Malaysia di Australia ini. Jadi kalau di negara Malaysia kita tidak ada apa-apa siasatan, memang kita tidak boleh dilihat sebagai satu negara yang ada integriti dan tanggungjawab SPRM juga akan dipersoalkan, malah bagi orang di Australia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya tentang National Feedlot Corporation Sendirian Berhad. Apabila kerajaan gugurkan dakwaan pada saya atas klip video Tahun Baru Cina saya itu yang pihak pendakwa raya juga gugurkan dakwaan terhadap *Chairman National Feedlot Corporation* itu. Akan tetapi kita tahu jikalau mengikut apa yang kita baca yang kerugian syarikat itu sampai RM250 juta. Jadi adakah pihak pengerusi ataupun FNC itu mereka yang bertanggungjawab itu diminta untuk pulangkan duit itu atau ia hilang begitu sahaja? Tidak ada apa-apa pendakwaan, dibebaskan tetapi Ahli Parlimen Pandan dia masuk penjara kerana dia bongkarkan skandal ini.

Ini bagi rakyat jelata, ini memang satu perkara yang amat tidak adil. Mereka yang jadi *whistleblower* dipenjarakan. Mereka yang terlibat itu rugi begitu banyak duit rakyat, duit daripada pihak kerajaan disalurkan kepada syarikat itu untuk membangunkan industri penternakan lembu tidak ada apa-apa berlaku kepada mereka.

Jadi duit hilang begitu sahaja, *taxpayers money*. Mereka yang terlibat itu kononnya akan bertanding dalam pilihan raya ini di Selangor, naik pangkat lagi. Jadi saya hendak tanya, apakah ini mesej yang dihantar oleh pihak Barisan Nasional kepada rakyat jelata. Ini *double standard* yang mereka lakukan, kesalahan yang begitu besar, tidak ada apa-apa tindakan diambil. *Whistleblower* tidak boleh bertanding lagi, kena masuk penjara dan sebagainya. Jadi saya hendak tanya pihak kerajaan, mungkin boleh beritahu kami *why this double standard* dilakukan?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rang undang-undang ini, kadang-kadang saya juga rasa sedih kerana ada syarikat yang dikatakan bersekutu sini– seksyen baru 17A(1) suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah, memberikan *bla, bla* kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi orang dengan niat memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu dan sebagainya.

Apabila saya baca ini, saya juga hendak sampaikan kadang-kadang dilema bagi sesetengah orang yang jadi konsultan atau pengurus syarikat itu. Ini kerana kadang-kadang mereka dipaksa untuk bayar kepada pegawai kerajaan, kadang-kadang ahli politik, kadang-kadang pegawai kerajaan. Kalau tidak, tidak dapat kerja. Ini kerana yang memang sistem ini sebenarnya ia juga melibatkan sistem sama ada kita ada tender terbuka diadakan, sama ada kita ambil tender atau pun beri kerja, beri *business* oleh pihak kerajaan ini secara telus, secara profesional dan bagi mereka yang ada rekod yang tidak baik itu, apakah kita masih selalu bagi urusan kepada mereka.

Jadi, saya rasa sistem yang sekarang kita ini ada masalah dan rang undang-undang seperti ini adalah bagus. Akan tetapi saya rasa mungkin satu sistem ketelusan bagi pihak pentadbiran kita ini haruslah juga diadakan supaya ia bukan sahaja kita mendenda bagi pihak syarikat sahaja tetapi bagi mereka yang terlibat. Selalunya saya juga rasa susah hati. Mereka dalam *business* mereka mengadu kadang-kadang mereka terpaksa untuk membayar, *corruption money* kepada pegawai dan sebagainya. Mereka terpaksa untuk buat demikian kerana sistem yang ada sekarang.

Saya juga tahu sekarang, saya diberitahu macam di Kuala Lumpur kita lihat banyak kondominium, banyak projek yang begitu tinggi, 50 tingkat dan ke atas. Ada pemaju yang beritahu saya, apabila mereka minta hendak tingkatan *block ratio*, mereka juga terpaksa untuk beri kebaikan untuk sesetengah pihak yang ada kuasa. Saya rasa sedih kerana mereka terpaksa untuk berbuat demikian. Saya sebagai wakil rakyat saya langsung tidak setuju dengan apa yang diadakan di Selangor ini. Bagi mereka ini *it's the fact*. Saya tidak simpati atau simpati. Saya rasa mereka yang memerintah itu kadang-kadang mereka tidak lakukan perkara yang betul sehingga semua ini terjadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan akhirkkan ucapan saya. Saya juga hendak minta pihak SPRM ataupun kementerian beritahu kami, sekarang pilihan raya akan diadakan. Kita ada orang yang hendak derma dan sebagainya tetapi apabila semua ini dipantau dengan ketat dan macam ada pindaan rang undang-undang sebegini, kadang-kadang bagi penderma mungkin duit itu tidak begitu banyak.

Mereka selalunya tidak mahu keluarkan cek. Bagi saya ini adalah satu masalah. Selalunya kalau *cash* diberikan, walau diberi kepada pusat khidmat saya, saya selalu

tanya kenapa bagi *cash*. Saya lebih suka kalau itu adalah dalam bentuk cek didermakan untuk pusat khidmat saya. Saya ada rekod. Saya tidak suka ambil *cash* dari sana sini walaupun adalah untuk perbelanjaan pusat khidmat. Saya rasa ini adalah tidak sihat. Ini kerana adalah lebih baik, lebih telus bagi pihak penderma dan pihak penerima.

Akan tetapi ia dilakukan? Ini kerana mereka tahu kita semua ini dipantau. Akan tetapi bagi *cash* sebenarnya bagi saya adalah tidak sihat kerana mereka juga tahu pihak kerajaan hanya tumpu pada memantau gerak geri dan akaun parti pembangkang dan bagi mereka yang menderma khususnya daripada syarikat. Mereka rasa takut.

Akan tetapi sebenarnya saya rasa kita haruslah galakkan bagi mereka yang menderma sama ada individu ataupun daripada syarikat bagilah cek. Ini adalah ketelusan dari segi pengurusan syarikat dan juga bagi pihak penerima. Ini supaya apabila semua undang-undang yang ketat ini diadakan, kita lihat penderma ini mereka rasa takut kerana mereka bimbang mereka akan disoal banyak oleh pihak agensi kerajaan.

Akhirnya saya hanya hendak tanya, *what is your guideline?* Saya sudah terima video klip yang melihat pihak kerajaan mereka adakan banyak pertemuan duit *cash* diedarkan begitu sahaja kepada semua yang menyertai perhimpunan itu. Jadi apakah standard yang dilakukan SPRM. Adakah ini wang politik atau bukan wang politik. Juga kita tidak mahu apa yang berlaku adalah selepas pilihan raya satu persatu ini dipanggil kerana kita tidak ada satu *guideline*. Kita lihat wang diedarkan begitu terang-terangan sekali khususnya kita lihat Pilihan Raya Kecil Sungai Besar.

#### ■1240

Waktu itu kita lihat selepas buang undi, ramai orang berbaris panjang di hadapan Pusat Khidmat Ahli Parlimen yang kawasan berdekatan itu. *[Disampuk]* Jadi Yang Berhormat Putatan ini sangat takut saya bongkarkan apa yang berlaku di kawasan Parlimen Yang Berhormat Putatan. Apa yang dilakukan oleh Yang Berhormat? Itu sebab dia minta saya jangan cerita panjang. Akan tetapi *this is the issue*. Ini satu fakta. Di Sabah saya percaya lebih terukkan? Keadaan lebih teruk yang wang politik itu, lebih teruk.

Jadi saya rasa kena adakan satu garis panduan supaya kita tidak lihat *selective prosecution* diadakan selepas pilihan raya. Saya rasa kita harus ada satu *guideline*, garis panduan supaya...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Seputeh, sedikit penjelasan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, sila.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat Seputeh. Pada tahun 2014 dalam Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh,

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri telah menyatakan sekiranya calon Barisan Nasional menang dalam pilihan raya tersebut maka semua Ahli Parlimen Barisan Nasional akan mendapat RM5 juta peruntukan untuk pembangunan.

Maka saya ingin tahu adakah duit daripada parti Barisan Nasional RM5 juta itu untuk diberikan kepada Ahli Parlimen BN ataupun peruntukan daripada ICU? Kalau ICU maka semua Ahli Parlimen walaupun daripada pembangkang patut terima RM5 juta wang pembangunan tersebut, tetapi kami tidak terima satu sen pun sehingga sekarang. Apa pandangan Yang Berhormat Seputeh?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Penang* bagi tidak, *Penang*?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya hendak masukkan ucapan, pertanyaan Yang Berhormat Batu Kawan dalam ucapan saya dan saya hendak minta...

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Pindah sebelah sinilah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Menteri silalah jawab kerana yang pelbagai ugutan seperti ini memang adalah tidak sihat, menjejaskan usaha kerajaan untuk bentangkan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini. Jadi ini saya hendak akhirkkan ucapan saya. Saya berharap Menteri boleh bagi satu jawapan yang telus dan benar terhadap semua isu yang saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**12.42 tgh.**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya baru masuk tetapi saya berminat juga untuk— sebab akta ini saya rasa akta yang penting. Di peringkat dasar ini saya ingin bercakap pertamanya saya merasakan bahawa ialah mana-mana pindaan yang baik kita tidak ada masalah untuk sokong. Cumanya masalah dalam Malaysia ini saya rasa bukan kita tidak mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk banteras rasuah. Kalau kita lihat Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ini saya berpendapat satu akta yang agak komprehensif.

Kalau kita baca itu tidak sepatutnya Yang Amat Berhormat Pekan boleh terlepas sebab saya tidak nampak apa justifikasi untuk beliau dibebaskan ataupun tidak didakwa. Kalau kita lihat kepada kes RM2.6 bilion, saya hendak bagi contoh. Dia kata derma, bolehkah apabila kita kata derma kita selamat? Jawapannya tidak boleh sebab berdasarkan seksyen 3 yang sekarang ini kita hendak pinda juga makna suapan dalam

seksyen 3 itu termasuk derma. Derma itu termasuk suapan, termasuk dalam makna suapan ataupun *bribery* dalam bahasa Inggerisnya.

Jadi kalau kita terima derma sekalipun, dalam undang-undang ini dia adalah tidak boleh terlindung daripada jenayah rasuah. Okey, kita lihat pula seksyen 23. Seksyen 23 saya hendak bacakan sedikit. “*Mana-mana pegawai badan awam yang menggunakan jawatan atau kedudukannya untuk apa-apa suapan...*”.

Pertama dia kata pegawai awam, kedua dia kata suapan, “*...bagi dirinya sendiri, saudaranya atau sekutunya, melakukan suatu kesalahan*”. Apa yang lebih baik lagi seksyen 23(2) dipanggil *deeming provision*. Maknanya dia menganggap bila orang itu terima dia sudah anggap rasuah. Jadi saya rasa secara relatifnya lebih mudah untuk dakwa dalam kes RM2.6 bilion. Tidak ada sebab langsung, *no room*, tidak ada peluang langsung untuk beliau terlepas, sepatutnyalah. [*Tepuk*]

Oleh sebab itu saya merasa pelik dan ajaib macam manakah beliau boleh tidak didakwa. Ini saya betul-betul pelik. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak Menteri kenapakah dalam kes beliau tidak— saya hendak sambung sikit.

Pegawai badan awam, apa dia makna pegawai badan awam? Kita lihat kepada seksyen 3 lagi. Seksyen 3 ini ialah seksyen yang memberikan definisi.

Pegawai badan awam adalah termasuk “*...ertinya orang yang menjadi anggota, pegawai, pekerja atau pekhidmat sesuatu badan awam...*”. Kabinet ini badan awam bagi saya, termasuk juga Ahli Parlimen. Jadi Yang Amat Berhormat Pekan adalah Ahli Parlimen. Dan juga orang-orang yang menerima mana-mana wang daripada dana awam, yang terima apa-apa suapan ataupun suapan daripada wang dana awam.

Jadi bila terima derma daripada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Duduk Yang Berhormat Sepang. Ini Ahli-ahli Yang Berhormat, semua sedia maklum mengenai dengan peraturan mesyuarat iaitu perkataan-perkataan *unparliamentary*. Jadi dalam hujah Yang Berhormat Sepang itu saya perhatikan, itu saya biarkan, seolah-olah Yang Berhormat Sepang menuduh Yang Amat Berhormat Pekan buat rasuah. Kalau itu tuduhan Yang Berhormat Sepang, itu melanggar peraturan mesyuarat kerana sangkaan tidak baik.

Jadi kalau Yang Berhormat Sepang berhujah seperti demikian dan benar-benar ikhlas dengan pendapat itu, setelah berhujah di sini ulang balik di luar supaya orang yang tertuduh itu dapat buat tindakan mahkamah. Jangan gunakan Parlimen sebagai satu alat ataupun wadah untuk *claiming parliamentary privilege*. Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak sihat dia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menuduh. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata untuk saya ulang, sebenarnya saya sudah menulis pun dalam artikel berkaitan dengan ini. Saya telah beri pendapat saya sebagai seorang peguam bahawa ada kes untuk beliau didakwa. Takkan itu tidak boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak nampak benda itu adalah satu yang bersifat menuduh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu masih lagi tafsiran masing-masing. Dalam peraturan mesyuarat juga tidak dibenarkan membuat andaian-andaian kepada perkara yang belum berlaku lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya bukan termasuk dalam golongan *Tom, Dick and Harry* yang suka-suka tuduh ataupun tafsir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, *move on...* [Tidak jelas]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya adalah seorang pengamal undang-undang yang ada kelulusan undang-undang, yang belajar undang-undang. Jadi saya rasa saya berhak untuk membuat satu pendapat berkenaan dengan rasuah di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua saya hendak bacakan...

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Sepang boleh tanya tidak?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Siapa?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Gerik, Gerik. Boleh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Silakan, silakan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Silakan Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kata saya ada duit, hendak pilihan raya ini saya ingat dengan ikhlas hendak derma pada Yang Berhormat Parit. Itu rasuah kah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ulang balik Yang Berhormat Gerik yang bahagian kedua itu, saya minta maaf.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ulang balik ya. Saya cakap *slow-slow* ya. Saya ada wang, wang kira-kira...

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Duit, duit.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Duit, duit, duit. Rasa ikhlas RM5,000 saya ada. Saya dengar Yang Berhormat Parit hendak bertanding lagi, saya bagi derma dekat dia secara ikhlas. Itu rasuah kah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau setakat bagi derma begitu tidak rasuah Yang Berhormat Gerik. Akan tetapi apa yang saya maksudkan di sini ialah makna suapan dengan ada tujuan. Contohnya bagi kepada orang itu dengan ada dorongan. Ini memang lain dalam dia. Kalau setakat bagi duit sahaja begitu tidak masalah Yang Berhormat Gerik, derma tidak ada masalah seperti kita bagi dermalah.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Akan tetapi dalam kes ini derma dengan ada tujuan tertentu. Derma itu, pertama terima derma, keduanya bagi derma itu untuk ada sebablah, itu yang jadi salah. Bagi saya kes Yang Berhormat Gerik bagi dengan kes yang saya cakap ini berbeza sangat. Kes Yang Berhormat Gerik tadi itu saya akui tidak salah. Kalau kata Yang Berhormat Gerik kena dakwa saya mesti jadi peguam Yang Berhormat Gerik, tidak payah bayar pun tidak apa.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Kalau Raja Saudi itu derma kepada Perdana Menteri bolehkah Yang Berhormat Sepang baca apa niat atau maksud dia hendak bagi kepada Perdana Menteri?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pertamanya kalau betul Raja itu bagi, bagilah nama, bila dia bagi, tarikh dia bila, dekat mana dia bagi. Sekarang ini dia kata orang Arab bagi. Siapa orang Arab yang bagi itu, kita pun tidak tahu sampai sekarang, misteri. Dedahkanlah kepada masyarakat awam. Bila dia bagi, dia bagi melalui apa dan dia bagi kerana apa. Lagi satu kalau kita *assume*-lah dia bagi itu...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Point of order.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Dia memang orang Arab bagi...

■1250

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Point of order.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *Point of order*, sudah fahamkah *point of order* apa ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak payah nak faham lagi, cakap dahululah.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Peguam pun peguam apa macam ini, 36(1).

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila baca 36(1).

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk, yang kita hendak pinda ialah 17A, itu yang penting.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Duduklah, buang masa sahaja.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau tidak faham, jangan cakap ya. Saya hendak bagi faham semua ini yang tidak pernah faham lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu, teruskan sahaja Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang kita hendak bincang sekarang adalah 17A pindaan, yang 23 itu Akta Induk. Rang undang-undang yang meminda Akta Induk hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan Akta Induk. Jadi, 23 adalah akta induk, jadi maknanya yang kita hendak pinda adalah 17A - kesalahan organisasi, itu sahaja. Ini tidak faham-faham lagi.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Setiu tegur Speaker ya? Boleh jadi calon itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Baru satu penggal jadi Ahli Parlimen hendak tafsir. Tidak payahlah, duduklah.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Oleh sebab saya lagi faham daripada Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang tidak faham-faham, 36(1) jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu, saya sudah faham, saya sudah faham. Sila duduk.

Yang Berhormat Sepang, bukan Yang Berhormat Sepang yang buat *response* terhadap itu, itu *point of order*. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Lebih-lebih pula Yang Berhormat Sepang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara kebetulan, Yang Berhormat Sepang. Secara kebetulan, saya bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiu itu. Jadi, elakkan untuk membahar perkara-perkara yang tiada kaitan. Sekarang ini kepada pindaan sahaja, khususnya kepada pindaan.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** *Confirm* calon, Yang Berhormat Setiu.



**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita berbincang ini, terutama di peringkat Dasar. Saya rasa semua orang tahu kalau di peringkat Dasar ini, kita berhak bercakap tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan rasuah ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Peraturan kita ada, masalahnya peraturan kita ada, 36(1) jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang saya yang tentukan. Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu. Sudahlah Yang Berhormat Setiu. Saya yang menentukan tafsiran, Yang Berhormat.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Masalah ini tidak faham-faham, payahlah kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila teruskan tetapi elakkan perkara begitu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berkata ini bukanlah- kalau katakan berkenaan dengan akta pokok, yang kita hendak pinda ini pun berkaitan dengan akta pokok, akta ibu. Jadi, perkara itu tidak boleh hendak lari, ia macam kata orang itu *coin, two sides of the same coin*. Kita tidak boleh hendak ambil bahagian Parlimen, selepas itu bahagian 50 sen itu kita hilangkan, tidak boleh. Ia benda ini berkaitan.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak Yang Berhormat Sepang, apa yang kamu faham dengan 36(1)? Kamu baca tidak 36(1)? Baca tidak sekarang, *you* baca balik, *you* baca balik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hakim tidak naik pangkat, duduklah. Hakim tidak naik pangkat, duduklah. Hakim tidak naik pangkat, duduklah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya hendak tengok *you* baca balik 36(1), apa maksud.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Masya-Allah*, Tuan Yang di-Pertua sudah buat *ruling*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kapar, apa lagi Yang Berhormat Kapar, duduklah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya di pihak Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kamu yang tidak faham, hendak cuba mengelirukan Dewan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdiri.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ini pun peguam yang tidak faham ini, ini masalah, peraturan *simple* sahaja. Tidak boleh sentuh benda lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya ada soalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Kapar, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, yang berhak untuk mentafsir adalah Speaker, di bawah peraturan mesyuarat. [*Ketawa*] Pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat itu tinggal pendapat sahaja. Jadi, isu ini adalah isu *legal*, kalau mahu berpanjangan, saya cadangkan Yang Berhormat Setiu sama Yang Berhormat Kapar, keluar sekejap kopi-kopi ataupun minum teh. Selepas itu, sembang kasi panjang lebar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sokong Tuan Yang di-Pertua sebenarnya.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah. Hendak minta penjelasan. Boleh, Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Kota Raja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, kasi?

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Boleh saya mencelah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya bagi ruang kepada Yang Berhormat Kota Raja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya tidak pandai undang-undang, saya mengaku. Cuma saya ingat dahulu, ada yang mengatakan ya bahawa kita tidak boleh menerima apa-apa sumbangan daripada luar negara untuk tujuan politik. Kalau kita menerima kewangan daripada luar negara, banyak atau kita boleh juga dituduh dengan kesalahan pengubahan wang haram. Jadi, kalau dalam keadaan ini, saya sendiri merasakan kadang-kadang kita takut untuk menerima derma seperti yang disebut oleh kawan kita tadi, Yang Berhormat Gerik tadi, bahawa kalau kita menerima wang kewangan daripada luar negara ini, adakah ia boleh dituduh sebagai pengubahan wang? Itu soalan, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Ahli Parlimen Kota Raja. Ini pandangan saya, mungkin betul mungkin salah, itu terpulanglah kepada orang yang menerimalah. Saya bagi pandangan saya, setakat kita terima derma dari luar negara tanpa ada unsur-unsur rasuah, tidak ada masalah. Oleh sebab derma itu saya rasa dalam erti kata kita ada tujuan lain, kita terima derma dengan ada matlamat lain. Saya rasa tentang isu pengubahan wang haram ini.

Wang haram ini untuk makluman Yang Berhormat Kota Raja, ia berlaku sekiranya wang itu asalnya memang sudah haram, ia pergi kepada tempat untuk dijadikan halal. Oleh sebab itu dalam kes DOJ, saya bagi contoh ya, sebagai contohlah hendak bagi faham. Wang itu ada masalah, sebab itu diletak di Amerika untuk dibelikan di antaranya *property*, dibelikan semua ini untuk hendak halal, yang itu yang Amerika tidak boleh terima sebab Amerika ada undang-undang khas benda itu.

Kita macam- *money laundering* ini macam baju kita kotor, kita letak dekat *washing machine* untuk bersihkan. Jadi, begitulah juga fungsi wang haram ini. Wang haram itu digunakan untuk dibersihkan, kononnya bila beli *property* jadi bersih, jadi kata Amerika, tidak boleh. Negara kita pun sudah gubal undang-undang khas tidak boleh juga. Jadi, saya rasa isu terima derma ini, setakat terima derma tidak ada masalah. Saya rasa derma dalam konteks Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ini bukan derma yang kata orang itu derma yang *simpliciter* dalam bahasa undang-undang. Derma yang kita terima derma, derma sahaja, itu tidak ada masalah. Itu saya rasa bukan tujuan undang-undang ini. Undang-undang ini kalau kita buat, mesti ada falsafahnya, ada dasarnya ataupun tujuannya yang mendasari undang-undang ini.

Jadi, undang-undang ini ia hendak- bukan ia hendak kata orang itu, dengan izin, *discourage* derma. Apa yang ia katakan, ada orang mungkin gunakan alasan derma untuk elak daripada didakwa di bawah akta ini. Oleh sebab itu, undang-undang ini menjadikan maksud suapan ini termasuk derma tetapi derma yang ada tujuan tertentu. Jadi, saya harap Yang Berhormat Kota Raja dan juga termasuk Yang Berhormat Setiu, yang kata dia peguam, boleh faham. Kalau tidak faham juga, lepas ini jangan tanya lagilah.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya rasa yang ini Yang Berhormat Sepang lagi tidak faham. [*Dewan riu*] Yang Berhormat Sepang punya cerita...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tidak bagi ruang, saya tidak bagi ruang, *relax*lah.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Janganlah sentuh saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya cakap fasal peraturan mesyuarat, sekarang saya tidak bagi ruang pun, apa ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sekarang kamu yang tidak faham kerana kamu bercerita fasal akta induk. Kamu bercerita fasal akta induk. Saya cerita sekarang fasal pindaan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa kamu-kamu? Saya tidak bagi ruang, duduk. Speaker, dia ini makin hari makin menjadi pula.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Sepang, sila duduk.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kamu yang tidak faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini masalah betul dia inilah.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yalah, kamu yang tidak faham!

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dulu jadi hakim yang tidak naik pangkat, jadi Ahli Parlimen pun tidak naik pangkat, susah betullah. *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Baca betul-betullah. *[Dewan riuh]* Kamu patutnya faham benda-benda ini. Kamu tidak faham peraturan, bermaknanya kamu tidak faham keseluruhan perbincangan kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Setiu dan Yang Berhormat Sepang, sila duduk.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa arahan pun tidak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, sila duduk.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Speaker sudah bagi arahan, tak nak dengar juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila duduk, Yang Berhormat. Sila duduk. Sebenarnya yang tidak faham adalah kedua-dua Yang Berhormat. *[Dewan ketawa]* Saya telah katakan yang berhak untuk tafsir peraturan mesyuarat adalah Speaker. Kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang tidak faham sehingga terjadi sebegini. Sila, Yang Berhormat Sepang teruskan. Ada dua minit lagi.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Ketawa]* Terima kasih. Ada dua minit sahaja? Ya, siapa? Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Sepang boleh bersetuju dengan saya. Perkara tersebut sudah termaklum kepada masyarakat bahawa berlaku satu penipuan yang nyata. Daripada awal mereka tidak mengaku, akhirnya di

penghujung itu barulah mengaku bahawa ia adalah derma. Itulah plot cerita. Maknanya, bila sudah tidak lepas daripada berbagai-bagai pendakwaan yang dibuat, barulah di penghujung itu mereka mengaku bahawa ia adalah derma, sama ada daripada Tok Arab ataupun Yahudi mabuk. *[Ketawa]* Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya rakyat sudah faham bahawa isu itu adalah isu ada unsur-unsur perubahan wang haram yang berlaku dalam kes ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yahudi mabuk apa? Apa yahudi mabuk?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Diamlah Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Yahudi mabuk apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Eh! Bukan saya yang kata, dia yang kata. Marah saya buat apa? *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan Yang Berhormat Arau yang mabuk sudahlah, cukuplah. *[Ketawa]* Jangan, jangan. Bukan saya kata Yang Berhormat Arau mabuk, jangan Yang Berhormat Arau mabuk. Tadi kata kawan saya daripada Yang Berhormat Pokok Sena- Tuan Yang di-Pertua, ini Menteri kacaulah, Tuan Yang di-Pertua. Biasa orang mabuk yang suka kacau, ini tidak mabuk jangan kacaulah.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Cakap macam orang mabuk itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Bagi saya, Yang Berhormat Pokok Sena, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Walaupun cuba hendak ditutup dengan istilah derma, bagi saya minta maaf, bagi saya *he got a lousy advisor*. Patutnya guna skrip lainlah. Dia mungkin ingat derma boleh lepas tetapi sebenarnya mengatakan derma itu lagi sebenarnya lebih teruk lagi. Jadi, saya rasa rakyat tengah tunggu peluang sahaja, tunggu masa sahaja. *You may*, dengan izin, boleh tak nak dakwa dan sebagainya tetapi bagi rakyat, isu ini bagi saya *crystally clear*, terlalu *clear* seperti apa ini, memang terlalu jelaslah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Rakyat akan sokong Barisan Nasional.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Rakyat yang bodohlah sokong Barisan Nasional. Rakyat yang pandai tidak akan sokong. Dia cakap tadi.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ini sangkaan buruk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan sangkaan buruk, ini memang buruk pun.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Dia kata semua pengundi-pengundi bodoh dia kata, yang menyokong.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau pengundi tidak berfikirilah, kalau pengundi fikir dia tidak itu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, dia kata bodoh juga, dia pengundi barisan. Kalau semua pengundi barisan bodoh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang. Terima kasih.

**[Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari]**

■1430

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang minat bahas? Yang Berhormat Gerik bangun ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tadi dah habis kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya difahamkan sudah habis. Dua minit tadi sudah diberikan masa. Ya, Yang Berhormat Gerik. Ya, Yang Berhormat.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Yang Berhormat Sepang.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap, sekejap. Ada *point of order*.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat telah mengeluarkan kenyataan bahawa penyokong Barisan Nasional bodoh. *Speaker* pun sokong Barisan Nasional, jadi kami ini semua penyokong Barisan Nasional dan dia seronok ketawa-ketawa mengatakan siapa sokong Barisan Nasional bodoh. Saya ingat itu mengelirukan Majlis dan minta dia tarik balik. Nombor satu.

Nombor dua, sebab saya *miss* dua hari untuk menegur Yang Berhormat tentang, "Kalau aku Tuhan". Yang Berhormat kena tarik balik di Dewan ini. Ini juga di bawah

P.M.36(12). Yang Berhormat mengatakan bahawa, “*Kalau aku Tuhan, aku tak wujudkan, tak cipta Rahim*”. Rahim itu Allah telah cipta. Jadi, Yang Berhormat menafikan kejadian Allah kepada Rahim. Jadi Yang Berhormat kena tarik balik. Ini mengelirukan Majlis—P.M.36(12).

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hai! Sudah upah ‘seri’ pun nak kena cakap lagi kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Benda ini akan disimpan dalam rekod. *[Disampuk]* Saya tak patut dihukum ya sebab saya cuma hendak minta penjelasan supaya Yang Berhormat *humbly*, dengan izin, supaya tarik balik kerana menyebut penyokong Barisan bodoh. Jadi kawan-kawan Barisan macam PAS, jadi Yang Berhormat bermaksud Yang Berhormat. Jadi tak patut mengeluarkan kenyataan itu dan kami tak pernah kata kepada Pakatan Harapan perkataan tersebut. Jadi Yang Berhormat kena tarik balik.

Yang keduanya tarik balik, “*Kalau aku Tuhan*” sebab kalau tidak nanti rakyat baca *Hansard* itu, tidak ada satu orang yang menegur Yang Berhormat secara rasmi supaya tarik balik perkataan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Saya harap ini adalah usul terakhir dia sebelum kerajaan jatuhlah. Takut kerajaan jatuh nanti tak ada di dalam Parlimen lagi mungkin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi saya ingin jawab. Pertamanya tentang yang bodoh tadi itu, saya tak merujuk kepada mana-mana orang. Saya kata kalau dia—soalannya provokasi daripada pihak Yang Berhormat Arau sendiri. Saya kata kalau sekiranya rakyat ini bodoh dalam konteks yang tak berfikir, memanglah akan sokong BN.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya hendak tahu Yang Berhormat hendak tarik balik?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya takkan tarik balik. Dua-dua saya tak tarik balik. Yang tentang tadi itu, saya rasa kenapa sekarang baru hendak bangkitkan? Kenapa hari itu saya dah cakap saya tak mahu tarik balik, kenapa hendak buat lagi? Nampak sangat Yang Berhormat Arau ini ada dendam kepada saya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato’ Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya takkan tarik balik, minta maaf. *You can proceed whatever you want. I don't withdraw. I am not going to be* inilah. Sorry lah, Yang Berhormat Arau. Kalau saya takut, saya tak lawan dengan BN ini. Minta maafalah, saya tak akan tarik balik. *No way.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tak tarik balik? Okey. Semoga Allah merahmati kamu...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Semoga Allah juga merahmati kamu dan saya harap ini jangan kali terakhirlah kamu di dalam Parlimen.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, saya berdoa semoga Allah mempercepatkan taubat atau azab kepada Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei! *come on* lah. *You* sudah upah Mufti Perlis cukuplah, tak payahlah. Saya pun tidak ada masalah. Baca *Hansard* saya secara keseluruhan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jangan ambil yang bahagian potong-potong sahaja. Jangan main potong-potong sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Jangan berbangga tentang kehebatan Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya tak bangga. Saya cakap realiti. Rakyat memang tak sokong BN, hendak tolak BN.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya harapkan PAS...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Arau, *come on* lah, Yang Berhormat Arau. *Don't be* lah— jangan terlalu intensiflah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** *No.* Hari Jumaat yang lepas, *last Friday*...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei! *This my turn to reply*, kenapa *you* sibuk pula ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Saya kata saya minta *point of order*. Awak duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yalah betullah tetapi sekarang ini...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Duduklah kamu sebelum kamu didudukkan. Duduk Yang Berhormat, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Hey, you are not Speaker, you are not allowed to ask me to sit down.*



**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Ya, saya tak habis lagi, Yang Berhormat, *point of order*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau nak jadi Speaker, pergi naik atas. Sama-sama pakai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sepang, sila duduk Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat tak mahu tarik balik. Perkataan itu adalah di bawah P.M.36(12)—mengelirukan. Tuan Yang di-Pertua, mana boleh tuduh penyokong orang yang menyokong Barisan bodoh. Tak betul, Yang Berhormat. Yang Berhormat pun tak berapa cerdas sebenarnya. Jadi perkataan itu dia melanggar Peraturan 36(12), Yang Berhormat. Jadi saya minta kalau...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hei! Sudah buat keputusan kah? Sudah buat keputusan kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak. Dia kata saya bersalah bawah keputusan ini. *Have you made decision* kah? Sudah ada *verdict* kah? *Come on* lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Bagilah *chance* Tuan Yang di-Pertua cakap. Yang Berhormat Speaker kah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat duduk, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Buang masa sahaja layan Yang Berhormat Arau ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya dengar perbincangan atau perbahasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Sepang semasa Yang Berhormat Tan Sri Speaker mempengerusikan Dewan. Banyak kali Yang Berhormat Tan Sri Speaker telah menegur terhadap perkataan-perkataan, adab-adab yang perlu kita ikuti, akur di bawah perintah peraturan mesyuarat kita, Yang Berhormat. Sebab itulah beberapa kali Tan Sri Speaker telah menegur sebab kalau kita tidak patuh kepada peraturan mesyuarat yang kita telah bersetuju sama ini, itulah yang jadinya, Yang Berhormat.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Sepang dapat menimbangkan semula perkataan-perkataan yang dikeluarkan dan diharap pada masa-masa akan datang tidak lagi mengeluarkan perkataan yang begitu, Yang Berhormat ya. Sila Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih tak puas hati. Adakah dia tak mahu tarik balik ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Kalau tak mahu tarik balik...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Speaker kata *final*. Apa ini? Speaker sudah *final*, buatlah usul. Faham tak peraturan mesyuarat ini?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12). Yang Berhormat mengelirukan Majlis. Jadi Yang Berhormat kena tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Gerik.

### 2.38 ptg.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin berbahas dalam masa yang tidak lama berkenaan dengan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cuma Yang Berhormat Gerik ya, sebelum itu saya hendak dapatkan kepastian berapa orang lagi yang berminat.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lima orang. Saya hadkan masa 10 minit ya.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Berkenaan dengan Akta SPRM yang kita hendak meminda akta ibu yang khusus kita tujukan kepada *board director* ataupun lembaga pengarah sama ada di peringkat syarikat kerajaan, syarikat swasta dan lain-lain. Secara tidak langsung, dengan adanya pindaan akta ini, ia membolehkan pengurusan perniagaan lebih berjaya, lebih dilihat telus dan yang paling penting ruang dan peluang untuk melakukan rasuah ini dapat dihindarkan. Sekurang-kurangnya niat baik kerajaan telah diterjemahkan dalam memastikan setiap daripada kita mematuhi peraturan.

Walau bagaimanapun, dengan adanya pindaan akta ini, ia memberi kesedaran kepada setiap daripada rakyat di Malaysia berhati-hati untuk menjadi ahli lembaga pengarah sama ada dalam syarikat kerajaan, syarikat swasta atau mana-mana sahaja.

**■1440**

Ini kerana kalau kita sebagai lembaga pengarah tidak bertanggungjawab, ruang untuk diberi perhatian serta diintip oleh pihak SPRM ini lebih cerah dan menyebabkan kita kena berhati-hati. Ini kerana dalam isu ini apabila pindaan ini diluluskan secara tidak langsung setiap daripada kita sebagai lembaga pengarah dalam mana-mana syarikat akan bertanggungjawab kerana memang kita tahu syarikat bertujuan berniaga. Dalam perniagaan kita hendak dapat projek. Apabila hendak dapat projek, mesti ada usaha-usaha dijalankan sama ada kita membayar atau apa-apa juga kepada projek-projek yang dikeluarkan oleh kerajaan kah ataupun projek-projek yang dikeluarkan oleh pihak swasta. Maka dengan ini tidak sewenang-wenangnya setiap daripada masyarakat, ahli daripada rakyat Malaysia untuk menerima menjadi lembaga pengarah kerana kita kena tahu tugas dan tanggungjawab kita sebagai lembaga pengarah.

Cuma saya hendak bertanya kepada kerajaan, SPRM ini akan menerima laporan-laporan sama ada secara rasmi sahaja ataupun surat layang pun mereka terima sebagai salah satu daripada repot yang dikenakan. Kadang-kadang tidak adil kepada rakyat kerana ada benda-benda di repot bukan dengan tujuan dia melakukan kesalahan tetapi kesalahan tadi disebabkan oleh ada sakit hati cari jalan yang akhirnya orang yang tidak bersalah teraniaya dibuat soal siasat oleh pihak SPRM.

Saya tidak bersetuju apa yang dilakukan hari ini oleh pihak SPRM. Dalam kes siasatan kepada yang dituduh terus kena pakai baju warna oren, digari tangan yang akhirnya persepsi masyarakat padahal dia belum bersalah cuma dituduh melakukan kesalahan. Apabila berita menyiarkannya sama ada dalam TV, sama ada dalam surat khabar seolah-olah mereka ialah pesalah-pesalah di mana masyarakat telah menjatuhkan hukuman lebih awal. Hal ini perlulah pihak SPRM ataupun kita kerajaan memikirkan kaedah bagaimana, apakah perlu kita menyiarkan gambar mereka yang baru disiasat. Apakah mereka yang baru disiasat tadi digari, ditunjukkan dalam TV semata-mata kerana hendak menunjukkan seolah-olah mereka bersalah. Akhirnya apakah kesannya kepada keluarga mereka? Kepada pandangan masyarakat sedangkan apabila dibuat pendakwaan mahkamah putuskan mereka tidak bersalah, apa yang terjadi?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Gerik, boleh tanya soalan?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh ya? Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gerik. Cuma saya minta tanya dengan Yang Berhormat Gerik, ada tidak juri sedar bahawa semasa Datuk Seri Anwar Ibrahim dibicarakan dahulu bukan sahaja itu, surat khabar pun

muka hadapan kata macam-macam seolah-olah Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah bersalah, kenapa tidak ada *consistency*— semasa yang bab ini hendak buat macam itu, semasa Datuk Seri Anwar Ibrahim langsung tidak bercakap. Kenapa menjadi seperti itu? Terima kasih.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Takkan Yang Berhormat Sepang tidak tahu semasa itu saya bukan wakil rakyat, takkan saya hendak jawab macam itu. Saya baru menjadi wakil rakyat dalam Parlimen penggal ini. Kalau saya menjadi wakil rakyat semasa Yang Berhormat Sepang sebut itu, mungkin *lagu* itu juga, betul? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Yang Berhormat penjelasan boleh?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Siapakah Perdana Menteri pada masa tersebut?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Perdana Menteri ketika itu sahabat baik Yang Berhormat Sepang. Orang yang paling saya banggakan ketika itu, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir. Tentu juga sahabat baik kepada Yang Berhormat Arau.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan tambahan, sekarang dia dekat mana? Dia bersama dengan UMNO kah sudah lawan UMNO?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Dia sekarang bersama-sama dengan Pakatan Harapan – sebenarnya Pakatan Harapan ambil contoh Barisan Nasional...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu menunjukkan Tun Mahathir pun tidak suka UMNO sekarang.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** ...*Sorry* Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya saya melihat juga perubahan peraturan ini boleh memberi kesan kepada peringkat yang lebih tinggi. Cuma hendak tanya kepada kerajaan, kalau syarikat besar yang ada anak-anak syarikat bagaimana kedudukan *board director* anak-anak syarikat kalau yang di atas yang buat makan suap, adakah mereka yang di bawah ini kena juga? Minta kerajaan beritahulah.

Seterusnya saya melihat hari ini, minta maaf lah ya Lembaga Hasil Dalam Negeri kita yang sudah meluluskan peraturan dalam Dewan tetapi cara, tindakan mengejar syarikat-syarikat, individu tentang soal tidak bayar cukai pendapatan amat gerun kita tengok. Sehingga kadang-kadang mereka kejar syarikat yang tidak ada duit yang akhirnya mereka inilah *complaint*. Ada macam-macam sesetengah itu, syarikat kebersihan sekolah bayaran baru dapat sampai bulan 10, GST kena bayar sampai bulan 12. Jadi kita berharap dengan perubahan peraturan yang kita bawa oleh SPRM ini tidaklah terjadi seperti yang telah berlaku.

Sekurang-kurangnya kita kena dengar juga pandangan masyarakat bahawa bagaimana untuk kebaikan, untuk menambah hasil negara biarlah kalau kata sistem itu sudah disusun dengan baik tetapi kaedah mengejar pelanggan-pelanggan tadi biarlah tertib, bersopan, biarlah kita susun dengan cara yang terbaik supaya rasa tidak puas hati di kalangan mereka yang kena membayar ataupun di sini kita kata yang menjadi mangsa, dia tidak rasa dia dianiaya dan teraniaya.

Harapan saya supaya undang-undang yang kita buat ini menggambarkan masyarakat, kerajaan yang bertanggungjawab maka setiap daripada kita masyarakat ataupun pihak pembangkang ataupun pihak kerajaan menerangkan cara yang betul kepada rakyat. Janganlah semua segala-galanya kerana dekat dengan pilihan raya, kita sanggup tuduh itu ini – yang saya lihat hari ini serangan cukup hebat diberikan kepada UMNO. Seolah-olah apa juga kerajaan buat tidak betul, dikatakan perompak, penyamun saya amat terasa juga, jauh di sudut hati kenapakah kita hendak menang tetapi kita keluar segala-gala benda yang tidak betul...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, peraturan mesyuarat berapa?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Silakan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 36(12)

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ingin merujuk kepada dua-dua ini Ahli Parlimen Arau dan juga Yang Berhormat Gerik – tadi menyatakan bahawa Datuk Seri Anwar Ibrahim ini seolah-olah jadi isu dia, perbicaraan dia semasa zaman Tun Mahathir sedangkan yang saya rujuk sebenarnya, hakikatnya berlakunya zaman Yang Amat Berhormat Pekan ini di mana beliau dimalukan dalam *Utusan Malaysia*. Ketika tu perbicaraan yang melibatkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi saya rasa mengelirukan Dewan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, kita semua tahu fakta Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat Gerik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Kita tahu semua benda itu. Apa yang saya bangkitkan ini ialah di dalam Dewan yang mulia ini, di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pihak pembangkang mengatakan penyamun, perompak, penipu. Ini satu

moral yang tidak baik. Selepas itu apa juga yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat untuk kebaikan negara dalam bentuk baru, kita menafikan. Inilah saya berharap supaya walaupun hendak menang tetapi janganlah buat cerita tidak betul yang akhirnya Allah SWT akan terbalikkan kepada mereka-mereka yang menimbulkan isu-isu cerita tidak betul. Dengan ini saya menyokong pindaan akta SPRM. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Nerus.

#### 2.49 ptg.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *Bismilahir Rahmanir Rahim...* [Membaca sepotong doa] Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua Pertama sekalinya saya bersyukur kepada Allah Taala kerana rang undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ini dibawa ke Parlimen dengan harapan agar indeks persepsi rasuah kita semakin pulih dan baik di mata rakyat dan masyarakat dunia khususnya.

Apabila kita berbincang tentang isu rasuah, saya rasa semua tahu betapa ia merupakan satu perlakuan yang sangat keji hingga Nabi SAW bersabda- [Membaca dalam bahasa Arab] Allah Taala melaknat orang yang memberi rasuah dan menerima rasuah dalam pemerintahan.

#### ■1450

Dalam satu riwayat menyebut, [Berucap dalam bahasa Arab] termasuk juga orang tengah yang mengambil dan juga menerima rasuah. Dalam hadis Nabi SAW, cerita masyhur kisah seorang sahabat bernama Ibnu Lutbiyah yang dilantik oleh nabi untuk mengutip zakat daripada masyarakat satu kampung. Bila dia balik bertemu Nabi SAW, membawa zakat tersebut lalu kata beliau [Berucap dalam Bahasa Arab] “*Ini bahagian saya sebagai hadiah dan ini pula bahagian zakat yang dibayar*”. Lalu sabda Nabi SAW, adakah boleh jika dia duduk di rumahnya, ibu bapanya sendiri, adakah dia akan diberikan hadiah yang seumpama itu.

Dari situlah dia ambil hukum oleh para alim ulama bahawa sesiapa yang menjawab jawatan awam, pemegang amanah bagi negara tidak boleh menerima hadiah yang menimbulkan kesangsian terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan. Itu sebagai asas kepada kita untuk faham bagaimana Islam mengambil tindakan yang tegas terhadap amalan rasuah ini. Ini juga perlu kita sebut dalam hadis Nabi SAW bersabda [Membaca sepotong hadis], “*Hadiah-hadiah yang diberikan kepada gabenor-gabenor adalah harta khianat*”.

Cuma apa yang saya perlu tarik perhatian kita pada hari ini ialah tentang pelaksanaan terhadap akta ini kerana selagi mana kita tidak berjaya mewujudkan mereka-mereka yang amanah, jujur dalam mentadbir urusan negara, maka selagi itulah kita akan berhadapan dengan kejayaan dalam menangani isu rasuah. Walaupun kita meminda akta dari semasa ke semasa menggambarkan kesungguhan kita untuk menangani isu rasuah ini tetapi ia balik kepada ketelusan.

Oleh kerana itulah sampai masa untuk kerajaan di samping meminda akta yang seumpama ini juga menegaskan tentang pentingnya para pentadbir sama ada pegawai kerajaan ataupun mereka yang menjadi pemerintah di peringkat kementerian dan sebagainya, mereka ini diajarkan satu konsep mengikat diri dengan Tuhan. Kita ambil istilah selalu saya gunakan sebagai urus tadbir rabbani, mengikat diri sebagai hamba kepada Allah SWT supaya para pentadbir ini tidak hanya bergantung kepada pemantauan dunia, pemantauan akta-akta untuk menangani kesalahan mereka tetapi lebih kepada mereka ingat itu adalah pemantauan daripada Allah SWT.

Satu perkara lagi yang saya cuba hendak minta penjelasan daripada Menteri ialah tentang seksyen 17A yang menjadi perbahasan utama bagi akta ini iaitu jika suatu organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan yang disebut dalam subseksyen (1) menjadi pembelaan bagi organisasi komersial itu untuk membuktikan bahawa organisasi-organisasi itu mempunyai tatacara yang mencukupi untuk menghalang. Tidakkah peruntukan ini seolah-olah memberi gambaran bahawa bila mana seorang pegawai ataupun pengarah yang ada kaitan dengan syarikat tersebut melakukan rasuah, maka secara automatik syarikat tersebut dianggap sebagai terlibat dengan rasuah sehinggakan dibuktikan sebaliknya. Tidakkah ia bercanggah dengan konsep Islam, [*Berucap dalam bahasa Arab*] asalnya hukuman seorang itu bebas daripada hukuman daripada kesalahan sehingga dibuktikan sebaliknya.

Akan tetapi, seolah-olahnya beban pembuktian itu mesti dikemukakan oleh organisasi tersebut kepada SPRM. Sedangkan tatacara yang hendak disediakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Bahagian V disebut, "*Menteri hendaklah mengeluarkan garis panduan yang berhubungan dengan tatacara*". Ini masih lagi kabur tidak dibentangkan kepada kita apakah dia tatacara tersebut.

Maka saya rasa perkara ini perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya rasa itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**2.54 ptg.**

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua perkara dan perkara pertama yang jelas ialah tentang isu *commercial organization corruption* ataupun rasuah yang dilakukan oleh *commercial organization* dan perkara kedua ialah *evidence*.

Pertama saya amat setuju bahawa *commercial corruption* merupakan perkara yang boleh menjejaskan ekonomi kita dan memudaratkan prinsip-prinsip moral dan undang-undang. Mengikut laporan-laporan tentang rasuah, rasuah yang diamalkan di Malaysia oleh sektor awam dijangka dan diramalkan sebanyak RM20 bilion sampai RM30 bilion setahun. Sektor swasta pula kebiasaannya mengikut data-data daripada OECD adalah pada tahap yang sama dengan sektor awam. Maknanya *commercial corruption* bakal berjumlah sebanyak RM30 bilion setahun – RM20 bilion sampai ke RM30 bilion setahun.

*Commercial corruption* ini boleh berlaku dalam pelbagai jenis seperti pembayaran rasuah untuk mendapat kontrak, itu biasa. Kita dengar cerita tidak habislah daripada *constituent*, daripada kawan-kawan saya pun. Kalau hendak dapat kontrak daripada kerajaan kena bayar. Kadang-kadang lima peratus, 10 peratus. Jadi ini menjadi satu *culture* yang tidak baik. Hendak jual benda pun ada *corruption* juga seperti seorang ejen ubat farmasi yang merasuah doktor-doktor untuk membeli ubat-ubat tertentu. Cara rasuah ini adalah dalam pelbagai bentuk ada yang beri wang tunai, ada beri *holiday* untuk sekeluarga, penginapan hotel, *golf membership*. Jadi gejala rasuah ini adalah pada dasarnya *anti-competition*. Ini akan memburukkan ekonomi kita dengan market *inefficiency that come vivid*.

Oleh itu pindaan khasnya fasal 4, seksyen 17A adalah amat baik dan saya menyokong pindaan seksyen baru 17A ini. Saya cuma ada berapa pandangan dan soalan yang saya ingin kongsi dengan Dewan yang mulia ini.

Pertama, definisi orang yang terlibat dengan *commercial organization* adalah terlalu luas iaitu merangkumi pengarah, pengawal ataupun *controller*, *employee* dan juga pekongsi, *partners*. Saya rasa definisi ini boleh dan perlu diperketat. Saya setuju pengarah dan rakan kongsi memang terus terang memang ada penglibatan dia tetapi kita kena bezakan *groups employee*. Kalau eksekutif kanan memanglah, pegawai kanan tetapi kalau *office boy*, *dispatch boy* kita saya rasa kita kena *differentiate* sikit. Saya rasa tidak wajar sekiranya terdapat kesalahan rasuah oleh *dispatch boy* boleh mengakibatkan kelumpuhan satu *commercial organization*. Oleh demikian saya minta Menteri buat pindaan yang sepatutnya.



Perkara dua ialah denda yang dikenakan iaitu tidak kurang daripada 10 kali jumlah nilai suapan. Saya lebih cenderung sekiranya denda ini berdasarkan jumlah kontrak dan juga jumlah keuntungan syarikat tersebut dan bukannya nilai suapan. Saya bagi satu contoh, katakan syarikat ini membayar rasuah RM10,000 untuk mendapatkan kontrak berjumlah RM500,000. Dia bayar seorang pegawai kerajaan kah, seorang doktor kah atau siapa-siapa RM10,000 untuk mendapatkan kontrak RM500,000. Kalau didenda 10 kali ganda pun maknanya dia kena bayar denda RM100,000 sahaja. *He would have gotten—the corrupt company would have gotten away with a slap on the wrist*, dengan izin.

Syarikat-syarikat bank besar di Amerika Syarikat daripada krisis 2008 seperti Goldman Sachs, JPMorgan, Citibank, Morgan Stanley yang banyak terlibat dalam *financial misappropriation* dan *a form of corruption*, mereka kena bayar denda nampaknya besar tetapi adalah jauh lebih kurang daripada pendapatan mereka setahun. *I know the total value* yang dikatakan berjumlah USD25 bilion, USD30 bilion tapi tidak sampai ke tahap yang boleh menjadi satu *deterrent effect*. Jadi daripada situ kita kena belajar. Daripada amalan contoh di Amerika Syarikat bahawa denda yang kita kena amalkan untuk menghapuskan gejala rasuah ini sepatutnya lebih serius *deterrent* dan bukannya satu *slap on the wrist*.

Oleh demikian saya minta Menteri untuk kaji semula isu benda ini. Ia lebih baik sekiranya denda ini tidak kurang daripada tiga kali ganda jumlah kontrak. Seperti contoh yang saya bagi tadi, katakan kontrak RM500,000 dia kena denda RM1.5 juta. Baru ada *effect* ataupun keseluruhan keuntungan satu tahun, dua tahun syarikat itu. Katakan syarikat itu untung RM2 juta setahun, kita hapuskan terus RM2 juta dia sebagai satu *deterrent effect*. Dengan izin, *corrupt companies should pay fine three times to the contract value or they entire net profit for one or two years*.

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada isu tentang seksyen 17A(4), di mana sebuah syarikat boleh menggunakan sebagai pembelaan sekiranya terdapat tatacara *anti-corruption*.

#### ■1500

Ini adalah amalan yang baik dan perlu digalakkan. Maknanya setiap syarikat komersial perlu ada tatacara mereka tersendiri dan ia perlu diaudit setiap tahun untuk memastikan syarikat tersebut mengikuti semua prosedur berkenaan.

Akan tetapi saya ada beberapa soalan, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri tentang kos implementasi tatacara ini. Dengan izin, *while you want to encourage people to have their set of rules of anti-corruption, what is the cost?* Adakah sampel tatacara ini untuk syarikat sudah diterbitkan oleh Yang Berhormat Menteri atau MACC? Adakah kita perlu mendapatkan *external consultant?* Dengan izin, *the irony in this whole thing is that*

*some external consultant are going to make a lot of money from implementing the system.* Jadi kalau kita hendak semua syarikat untuk mengamalkan tatacara yang baik, lebih baik Yang Berhormat Menteri ataupun MACC memberi *guideline* terus. *So that, they can download and implement*, tidak perlu cari *external consultant*.

Perkara ini saya sudah timbul beberapa kali dengan Menteri-menteri lain, khususnya Yang Berhormat Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Kata hendak buat MSPO— saya lencong sikitlah. Kata hendak buat MSPO tetapi sebenarnya semua bagi konsultan yang buat, bukan bagi kita. Bukan bagi *straight* kepada syarikat-syarikat kelapa sawit. Jadi ini penting. Bagi saya dari segi perkiraan kosnya tersangat penting. Matlamat baik, niat baik tetapi implementasi.

Saya juga melihat bahawa akta ini meluaskan definisi bank kepada institusi-institusi kewangan. Ini baik kerana kita tahu *financial institutional bigger definition*. Sekarang kita ada *insurance company*, ada *traditional banking*, *commercial banking*, *investment banking*. Jadi ini adalah satu pindaan yang baik. Saya cuma hendak Yang Berhormat Menteri kaji satu benda iaitu satu benda ekstralah. Dalam lima hingga 10 tahun ini, kita sudah melihat syarikat-syarikat *e-commerce* yang mengamalkan *e-payment*, syarikat seperti *WeChat* yang besar sekali Tencent, yang Alipay, semua ini mempunyai *payment gateway* yang lebih besar daripada bank-bank kita. Ini tidak dipantau oleh apa-apa *central bank* pun. Jadi untuk *anti-corruption*, saya rasa Yang Berhormat Menteri boleh kaji untuk memasukkan, membesarkan definisi institusi kewangan ini termasuk *electronic payment* dan *e-commerce*. Kalau bukan sekarang, pindaan untuk tahun depanlah ataupun tahun ini selepas pilihan raya.

Perkara akhir ialah mengenai isu seksyen 41A. Inilah masalah dengan Dewan yang mulia ini dan juga dengan Kerajaan Barisan Nasional. Setiap mereka mengemukakan rang undang-undang yang nampaknya baik dan elok, mesti juga ada *problem*. Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan penuh, apakah sebenarnya matlamat seksyen 41A ini? Saya baca dengan izin ya dalam bahasa Inggeris, *“Admissibility of documentary evidence: Where any document or a copy of any document is obtained by the Commission under this Act, such document shall be admissible in evidence in any proceedings under this Act, notwithstanding anything to the contrary in any other written law.”*

Adakah ini bermakna apa-apa dokumen yang diterima oleh MACC walaupun MACC yang salah, seperti buat *due rest*, *undue influence torture* bolehkah ini digunakan dalam mahkamah kelak? Apakah impak ini dengan *entire Evidence Act* dan konsep *natural justice*? Dengan izin, *I applaud the Minister for coming to Parliament to propose a*

*system to tackle commercial corruption but why are you trying to sneak in an unconstitutional? A very difficult question that challenges natural justice in the same view.*

Oleh itu saya minta Yang Berhormat Menteri tarik balik seksyen 41A. Secara keseluruhannya saya menyokong seksyen-seksyen mengenai *anti-corruption commercial organization* tetapi saya menolak seksyen 41A. Sekian sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kulai.

### **3.04 ptg.**

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam rang undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Saya rasa pada bulan Mei tahun yang lalu, SPRM telah menahan seorang pegawai imigresen yang gaya hidup mewahnya menimbulkan syak wasangka rasuah. Seorang pegawai imigresen yang berusia 37 tahun ditahan oleh SPRM atas dakwaan rasuah melibatkan lebih daripada RM27.9 juta. Beliau dilaporkan memiliki lima kereta mewah, 13 jam tangan mahal dan 13 beg tangan berjenama serta akaun simpanan tetap bernilai kira-kira RM1 juta. Rampasan SPRM ini dianggarkan berjumlah RM2.5 juta termasuk rumah pegawai berkenaan di Kedah.

SPRM banyak kali menggesa orang ramai melaporkan kepada mereka penjawat awam yang hidup mewah melampau. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Azam Baki berkata, lazimnya penjawat awam yang hidup mewah ini terlibat salah guna kuasa dan rasuah serta mempunyai jawatan tertentu dalam kerajaan. Bagaimana pegawai kerajaan boleh hidup mewah melampau melebihi pendapatan mereka? SPRM akan melihat dari mana mereka dapat harta melampau. Adakah ia diperoleh secara sah? Kata Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM ini. Beliau berkata SPRM kini membuat pemantauan teliti terhadap pegawai berjawatan tinggi termasuk melihat perolehan harta mereka.

Semasa di antara tahun 2014 sehinggalah tahun 2016, lebih daripada 2,329 tangkapan telah dibuat oleh SPRM dan di antaranya lebih kurang lima peratus adalah penjawat awam. Kesemua penjawat awam ini ada *one thing in common* iaitu hidup mewah melampau melebihi pendapatan mereka. Saya di sini perlulah memuji usaha SPRM untuk memerangi rasuah tetapi mereka tidak boleh mengabaikan gajah di depan mata. Tidak ada guna menjadikan pegawai yang rendah, pegawai yang muda ini dan juga pembantu pentadbiran sebagai sasaran tetapi tidak ambil peduli terhadap Perdana Menteri dan

keluarganya yang juga terkenal kerana memiliki gaya hidup mewah yang tidak setimpal dengan *allowance* beliau. [Tepuk]

Saya pernah buat satu laporan dengan *headquarter*, Ibu Pejabat SPRM Johor pada bulan April 2015 mengikuti satu laporan yang telah dibuat oleh *The New York Times* yang bertarikh 8 Februari 2015. Selepas itu, majalah Indonesia *Tempo* juga menyiarkan artikel berkaitan gaya hidup mewah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Yang Amat Berhormat Pekan dan isterinya Datin Paduka Seri Rosmah dalam edisi khas sempena ulang tahun ke-60 Persidangan Asia-Afrika yang diadakan di Bandung pada tahun 2015.

Rencana bertajuk "*Hidup Mewah Sang Perdana Menteri*", turut mendakwa gaya hidup yang dipaparkan tidak setanding dengan gaji yang diterima Yang Amat Berhormat Pekan sejak menjadi Perdana Menteri pada tahun 2009. Penulisnya yang dikenali sebagai Rosalina telah memetik laporan akhbar antarabangsa dan media tempatan untuk mengaitkan kehidupan mewah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga isterinya yang didakwa telah membangkitkan kemarahan rakyat Malaysia.

Penulis itu turut memetik laporan *The New York Times* yang mendakwa Datin Seri Rosmah Mansor memiliki barang kemas bernilai jutaan ringgit dan beberapa beg tangan berjenama mewah, Birkin. Begitu juga dengan kenyataan MyWatch yang mendakwa Datin Seri Rosmah memiliki empat jam tangan mewah jenama Richard Miller Lady yang dikatakan mencecah harga hampir setengah juta ringgit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, apa kena-mengena dengan pindaan?

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Betul, betul. Saya akan sampaikan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya tanya Yang Berhormat... [Dewan riuh]

Saya tanya Yang Berhormat Kulai, bukan orang lain.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Betul, saya hendak sentuh pindaan kepada seksyen 36. Jadi saya mintalah Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi Yang Berhormat...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Biar saya habiskan ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya yang bercakap. Yang Berhormat...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya akan sampai sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, apabila Speaker bercakap, Yang Berhormat boleh duduk diam Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sampai hujung Parlimen pun tidak faham lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain, yang lain duduk diam Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Duduk diam. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebelah pagi tadi Tuan Yang di-Pertua telah bagi petua Yang Berhormat. Tumpukan kepada pindaan rang undang-undang. Sila, tajuk lain Yang Berhormat.

■1510

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Saya memang akan sentuh pindaan kepada seksyen 23(6) tetapi Tuan Yang di-Pertua yang tidak mengizinkan saya untuk sambungkan ucapan saya. Saya hendak sentuh di sini kerana laporan telah dibuat kepada SPRM tetapi jawapan yang saya terima daripada Menteri Senator iaitu Datuk Paul Low mengatakan bahawa seksyen 39 yang di bawah ini Akta MACC ini hanya membenarkan mereka membuat siasatan sekiranya memiliki harta mewah itu adalah hasil daripada kesalahan rasuah oleh seseorang. Jadi, pada jawapan itu mereka cakap bahawa MACC ataupun SPRM tidak ada kuasa untuk buat siasatan di bawah seksyen 36(6) oleh mana-mana pihak atau individu yang mempunyai sebarang maklumat serta bukti kukuh berkaitan isu ini perlulah buat laporan kepada SPRM supaya SPRM boleh buat tindakan lanjut.

Jadi, di sini saya hendak tanya. Apabila kita membentangkan satu rang undang-undang untuk meminda Akta SPRM ini, kenapa kita tidak termasuklah pindaan yang sepatutnya dibuat kepada seksyen 36(6)? Di mana kalau kita mencontohi Hong Kong—saya ambil sebagai contohnya. Di Hong Kong, seksyen 10 of the *Prevention of Bribery Ordinance* yang menyatakan bahawa, *I quote,*

*“Any person who, being or having been the Chief Executive or a prescribed officer –*

*(a) maintains a standard of living above that which is commensurate with his present or past official emoluments; or*

*(b) is in control of pecuniary resources or property disproportionate to his present or past official emoluments,*

*shall, unless he gives a satisfactory explanation to the court as to how he was able to maintain such a standard of living or how such pecuniary resources or property came under his control, be guilty of an offence”.*

Jadi saya rasa, kalau kita ikut itu ICAC, kita contohilah Hong Kong, di mana seseorang penjawat awam yang memiliki ataupun mempunyai satu kehidupan hidup mewah melampau melalui pendapatan mereka, mereka ada ini satu tanggungjawab untuk buktikan di dalam mahkamah bahawa bagaimana mereka memperoleh kemewahan atau harta benda tersebut. Akan tetapi di Malaysia, Akta SPRM kita tidak ada peruntukan sedemikian. Jadi, pada hari ini apabila kita membentangkan beberapa pindaan kepada Akta SPRM, saya hendak tanya kenapa kita tidak ikut contohilah Hong Kong, contohilah ICAC dan juga ambillah, terimalah *recommendations* yang datang dari *advisory board* MACC sendiri. Ini bukan cadangan yang saya buat.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:**

Yang Berhormat tanya juga fasal banglo Disneyland di Selangor ya.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini bukan— boleh.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *You* balik Hong Kong lah.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** *You* boleh pinda ini akta, *you* boleh minta semua penjawat awam di seluruh Malaysia sama ada Ketua Menteri Pulau Pinang ataupun Menteri Besar Selangor. Suka hati. Semua penjawat awam yang disyaki bahawa mempunyai harta benda yang melebihi pendapatan mereka, *let them go to court and prove to the court*, berilah mereka, letaklah satu tanggungjawab di atas mereka untuk buktikan di mahkamah. Ini bukan cadangan saya sendiri sahaja. Ini bukan cadangan daripada DAP tetapi ini cadangan yang dibuat oleh *Special Advisory Board of MACC*. Siapa wujudkan *Special Advisory Board* ini? Bukan dibentuk oleh Pakatan Harapan tetapi dibentuk oleh Barisan Nasional.

Jadi, sekiranya MACC ataupun kerajaan sendiri, Barisan sendiri tidak terima ini adalah nasihat ataupun cadangan datang daripada *Special Advisory Board* tersebut, saya hendak tanya, *what is your hidden agenda?* Ada sesuatu yang perlu disembunyikan kah? Kalau kita di sini bersedia untuk terima cadangan tersebut, kita siap sedia, kita boleh. Kalau *you* mengesyaki bahawa saya ada harta benda yang melampaui pendapatan saya, *I am ready to confess to the MACC and to call where I get that property*. Kenapa cadangan tersebut yang datang daripada *Special Advisory Board of MACC* tidak diterima oleh

Kerajaan Barisan Nasional? Jadi, saya minta ialah satu penjelasan daripada Menteri. Sekian sahaja, ribuan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

### 3.14 ptg.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. Pindaan ini kita merujuk balik pada Akta Ibu yang dibuat untuk mencapai matlamat-matlamat menggalakkan integriti dan kebertanggungjawaban pentadbiran sektor awam dan juga swasta, kedua-duanya sekali. Keduanya, mendidik pihak berkuasa awam dan pegawai-pegawai awam dan orang-orang awam, kita semua, tentang rasuah dan perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan kesan terhadap pentadbiran sektor awam dan juga swasta dan komuniti. Jadi, perkara-perkara ini saya rasa Akta Ibu ini telah mempunyai pelbagai peruntukan, termasuklah untuk membentuk dan menubuhkan suruhanjaya dan sebagainya.

Pada hari ini dibawa beberapa pindaan yang saya rasa agak baik, yang boleh di-*adopted*, terutamanya dalam melengkapkan senarai institusi-institusi kewangan yang mana oleh kerana institusi kewangan yang terlibat dengan urusan kewangan, jadi isu-isu rasuah ini boleh berlegar dan boleh berlaku dalam institusi-institusi kewangan ini. Saya tidak pasti sama ada kerajaan ataupun pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah sudah bersedia untuk melakukan kerja-kerja tambahan. Terutamanya apabila kita hendak melibatkan kesalahan oleh organisasi komersial, termasuk bank-bank ini juga, institusi kewangan mungkin juga termasuk pengurup-pengurup wang, mungkin *money changer*, yang boleh kalau kita tidak kawal akan terlibat dalam rasuah ini.

Apa yang saya hendak bangkitkan ialah kesalahan oleh organisasi komersial boleh dikaitkan walaupun yang terlibat adalah pegawai-pegawai ataupun pengurusan organisasi komersial ini. Ini setelah mengambil kira bahawa langkah-langkah yang sepatutnya telah diambil untuk mencegah perkara ini dalam syarikat ataupun organisasi ini. Kalau masih berlaku rasuah, mungkin hanya individu yang terlibat. Akan tetapi kalau berlaku kelonggaran di sana, peraturan-peraturan yang longgar, yang mana orang-orang yang terlibat dalam rasuah ini tidak ditegur daripada awal, tidak dicegah daripada awal, maka organisasi komersial itu turut terlibat. Jadi, apakah sudah MACC ataupun SPRM mencadangkan dan mengenalkan bentuk-bentuk kawalan dalaman, *internal control* di dalam syarikat-syarikat swasta dan organisasi komersial ini? Supaya diwujudkan mekanisme, supaya urusan mencegah rasuah ini betul-betul dibina di dalam semua syarikat, daripada awal pengambilan pekerja sudah diterapkan semangat antirasuah ini,

diberikan cara, kaedah bagaimana mengelakkannya supaya syarikat-syarikat ini nanti terhindar daripada didakwa kalau masih lagi berlaku rasuah.

Saya suka mencadangkan supaya diberikan *guidelines* yang *detail* ini. Menjadi satu urusan yang penting dalam mana-mana syarikat supaya proses pendedahan dan pencegahan rasuah ini menjadi salah satu tugas utama yang dilakukan ataupun yang dijalankan di dalam perniagaan-perniagaan mereka ini. Jadi, soalan saya sama ada SPRM sudah bersedia? Seperti mana SPRM mencadangkan kepada kerajaan-kerajaan negeri contohnya, untuk mengadaptasi garis panduan pencegahan rasuah di negeri-negeri supaya mengelakkan pentadbiran negeri, termasuk kakitangan-kakitangan awam daripada terlibat dengan gejala rasuah. Jadi, adakah perkara yang sama, yang telah dibuat bagi organisasi-organisasi komersial ini?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam bab yang juga dipinda, menambah 41A iaitu mempermudah SPRM untuk menggunakan salinan-salinan dokumen sebagai bahan-bahan bukti di dalam percikaraan ataupun dalam pendakwaan kes-kes rasuah ini.

■1520

Saya dimaklumkan dan disebut di sini bahawa memang ada *Evidence Act* yang menentukan bentuk macam mana, dokumen macam mana yang asal ataupun yang di-*authenticated* sebelum ianya boleh dijadikan bahan ataupun persaksian. Akan tetapi dalam hal ini, ia dilonggarkan. Apakah ini seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi, melanggar suatu prosedur yang telah diterima secara umum di dalam bidang keadilan bukan hanya di negara ini tetapi di seluruh dunia?

SPRM mempunyai kuasa yang besar. Dia boleh sahaja mendapatkan dokumen-dokumen ataupun bahan bukti yang asal yang original atau boleh menggunakan kuasa yang ada untuk mengesahkan ataupun *authenticate* dokumen-dokumen ini. Jadi kenapa diperingan sehingga boleh melanggar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi, *law of natural justice* dan juga akta-akta mengenai bahan-bahan bukti ataupun dokumen ini?

Jadi saya hendak mencadangkan supaya perkara ini dapat dilihat semula, ditarik balik supaya ianya tidak dilihat terlalu memudahkan sampai dilihat keadilan itu tidak dapat ditegakkan di dalam kes-kes yang berkaitan dengan rasuah ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa usaha-usaha untuk meminda akta ini penting dan rasuah merupakan suatu penyakit yang di sesetengah negara sudah dilihat ianya dapat dikawal. Ada negara jiran kita yang suatu ketika dilihat sebagai tempat rasuah berleluasa, hari ini tidak mudah rasuah berlaku dan kita melihat peringkat-peringkat pendakwaan tertinggi, penangkapan-penangkapan peringkat tertinggi, orang-orang politik tertinggi, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kementerian yang melakukan rasuah ini



dibawa ke muka pengadilan. Jadi perkara macam ini harus kita lihat sebagai satu kaedah untuk mengembalikan imej pentadbiran kita baik di peringkat awam mahupun swasta. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tadi tidak ramai. Saya sudah janji dengan Yang Berhormat Kapar tadi. Sila, Yang Berhormat Kapar.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Kapar dahulu? *[Ketawa]*

### 3.22 ptg.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pada dasarnya menyokong segala pandangan dan pindaan yang dibawa oleh kementerian untuk memperkasakan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, akta ibunya adalah pada tahun 2009.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri pukul 4.00 petang menjawab ya. Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh, dengan izin. Pada masa ini undang-undang Malaysia kita nampak tidak mengenakan sebarang liabiliti jenayah kepada korporat, terhadap syarikat kerana perbuatan rasuah dilakukan oleh pekerja mereka. Kita kini ada seksyen 17 Akta SPRM 2009 yang hanya menghukum ejen yang melakukan kesalahan dan tiada *accountability* yang dikenakan ke atas korporat ataupun badan-badan tertentu. Ini jelas merupakan kelemahan akta sebelum ini kerana korporat akan mendapat manfaat biasanya dari segi kewangan hasil daripada perbuatan rasuah yang dilakukan oleh pekerjanya.

Selain itu, kita juga mendapati bahawa tiada juga peruntukan berkanun yang mengenakan tanggungjawab ke atas korporat untuk mencegah rasuah dalam korporat ataupun syarikat mereka.

Seperti yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi...

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Kapar, laluan. Saya hendak tanya sedikit, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, silakan.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Kapar, kalau itu berlaku pada syarikat, apa pendapat Yang Berhormat Kapar kepada parti-parti politik yang mana akan juga mendapat habuan kalau ahli politik mendapat rasuah?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya ada satu elemen tentang dana politik. Saya akan sentuh sebentar lagi. Biar saya teruskan dengan pandangan saya dahulu.

SPRM hari ini dipinda apabila kita mempertimbangkan dua akta sebagai model iaitu *United Kingdom Bribery Act* dan juga *United States of Foreign Corrupt Practises Act*. Sehaluan dengan dua akta ini, kita juga ada beberapa kes *law* di Malaysia yang sebenarnya menunjukkan kepincangan bahawa korporat juga lepas tangan daripada diberi hukuman. Beberapa kes seperti Projek Lebuhraya Utara Selatan Berhad lawan Permas Forwarding Agency Sdn Bhd. Kita ada juga kes pemilik syarikat Love Heart Ice Cube Manufacturing Sdn Bhd dan kita juga ada kes Dunlop Malaysian Industry Berhad *versus* Pendakwa Raya. Ini adalah beberapa kes yang membawa kepada pemindaan pada hari ini. Pada hari ini, kita juga membawa beberapa pindaan yang seharusnya dikemaskinikan ekoran pemansuhan Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) dan juga beberapa pindaan pada hari ini.

Saya menyentuh seksyen baharu 17A. Ia memperkenalkan kesalahan oleh organisasi komersial. Saya mendapati definisi yang diberikan di bawah seksyen ini yang melingkupi pengarah, pengawal, pegawai atau pekongsinya itu perlu diperincikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam penjelasan beliau sebentar nanti. Itu sebab akan memberi satu penjelasan kepada kita sebab pengarah ini pun ada definisi-definisi tertentu. Dengan merangkumi pengarah sahaja dan tiada penjelasan khusus daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mewujudkan *lacuna* apabila kita menginterpretasikan akta ini pada masa hadapan.

Sama juga dengan pemotongan seksyen 30 sub (7) pada fasal 5 yang bermaksud dahulu tidak boleh dikenakan apa-apa pendakwaan, sekarang ia menjadi kebal daripada pendakwaan prosiding atau apa-apa tuntutan biar pun dengan mendedahkan apa-apa maklumat untuk tujuan siasatan oleh pegawai SPRM. Saya akui masih lagi kita ada seksyen 27 tetapi kita telah hapuskan seksyen 30 sub (7). Yang saya risau, Yang Berhormat Timbalan Menteri, adalah apabila kita melakukan pemotongan pada fasal 5 iaitu seksyen 30 sub (7), saya khuatir bahawa sesiapa yang mendedahkan amalan rasuah akan didakwa di bawah undang-undang seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 (OSA) sedangkan orang yang melakukan rasuah masih terlepas.

Jadi ini satu naluri yang dibawa oleh pindaan akta ini yang saya rasa tidak melakukan *check and balance* secara wajarnya.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Kapar, boleh?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat perbahasan Yang Berhormat Kapar pada petang ini sungguh berhemah sekali dan orangnya baik. Terima kasih, Yang Berhormat Kapar. Saya memang setuju dan Yang Berhormat Kapar ini memang bersetuju dengan pindaan undang-undang ini daripada perbahasan beliau. Saya mahu tanya sedikit, Yang Berhormat Kapar. Oleh kerana Yang Berhormat Kapar menyentuh fasal definisi korupsi ini, adakah Yang Berhormat Kapar berpendapat bahawa *consultancy fee* ini dianggap sebagai korupsi? Itu sahaja soalnya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Putatan. Saya memberi ruang untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan Yang Berhormat Putatan. *[Ketawa]* Senang kita mendengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau saya memberi jawapan, tidak nanti menginterpretasikan apa yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walau bagaimanapun, saya minta keperincian beginilah yang perlu diterangkan supaya tidak disalah tafsir semasa digunakan di luar nanti. Terima kasih, Yang Berhormat Putatan.

Saya teruskan dengan seksyen 36(3) oleh fasal 8 yang membolehkan seseorang pegawai SPRM yang berpangkat Pesuruhjaya boleh mengarahkan mana-mana orang memberi kenyataan dengan bersumpah atau berikrar menjelaskan bagaimana dia mempunyai, memiliki, mengawal atau memegang apa-apa kepentingan dalam apa-apa harta yang berlebihan. Soalan saya adalah, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada SPRM boleh menjamin agar berlaku keadilan kepada semua orang terutamanya ahli-ahli politik tanpa mengira parti?

■1530

Apa yang akan dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri akan diguna pakai pada masa depan supaya fasal 8 ini pindaan kepada seksyen 36(3) ini tidak disalahgunakan. Jadi, komitmen daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri amat penting supaya tidak ada salah guna kuasa pada masa hadapan.

Yang ketiga, soalan seterusnya Tuan Yang di-Pertua ini adalah berkenaan dengan pandangan Pengerusi Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) Tan Sri Azman Shah Dato' Seri Haron yang beranggapan bahawa pindaan yang dilakukan khususnya kepada liabiliti korporat ini adalah satu keputusan yang sensitif kerana ia menyalahkan sepenuhnya kepada majikan. Jadi, beliau mengatakan bahawa pindaan ini telah menukar satu beban, *the burden* kepada majikan. Ini perlu juga dijelaskan

bagaimana kementerian komited untuk mengimbangkan di antara majikan dan pekerjanya dan juga individu yang akan menyaman mereka dan sebagainya. Itu adalah penjelasan yang diperlukan.

Akhir sekali yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Puteh tentang dana politik. Untuk pengetahuan Dewan Yang Mulia ini dan Tuan Yang di-Pertua, pada 7 Oktober 2017 SPRM menjelaskan bahawa badan SPRM tidak mempunyai kuasa untuk menyiasat individu atau parti politik yang terlibat dalam penerimaan dana politik. Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi SPRM YBhg. Dato' Azam bin Baki mengatakan bahawa tiada lagi undang-undang di Malaysia memberi garis panduan bagi mengawal isu berkenaan. Dana kepada parti politik atau ahli politik. Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri juga memaklumkan bahawa isu dana politik tidak sempat dikemukakan untuk PRU-14 tetapi akan siap untuk PRU-15. Ini bermaksud bahawa dana politik ini memang kerajaan akui ada sesuatu yang tidak boleh diterima maka mereka sendiri setuju bahawa perlu ada garis panduan. Akan tetapi kekecewaan saya dalam yang saya perlu rekodkan dalam Dewan yang mulia ini adalah di samping kita membawa satu pindaan kepada organisasi komersial, kita juga sepatutnya membawa kepada pindaan-pindaan yang berkait dengan dana politik. Namun begitu saya nampak tidak ada, kita kena tunggu sehingga sebelum PRU-15. Maka, pihak-pihak diminta jangan salah gunakan tafsiran dana politik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jelutong.

### **3.32 ptg.**

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang kepada Yang Berhormat Jelutong membahaskan rang undang-undang ini. Saya amat bersetuju dengan pelbagai seksyen yang dibawa dalam rang undang-undang ini, pindaan kepada undang-undang ini kerana ternampak sangat hasrat pihak kerajaan dan juga pentadbir SPRM dan sebagainya supaya gejala rasuah itu dapat diperketatkan dan cakupan kawalan itu menjadi lebih tersusun dan juga kemas kini.

Walau bagaimanapun saya masih ada sedikit yang rasanya ragu-ragu, khuatir terutama sekali mengenai fasal 3 di mana, takrif bagi bank sekarang akan digantikan dengan takrif institusi kewangan. Saya nampak pecahan-pecahan di bawah seksyen ini, fasal 2 ini saya rasa barangkali dengan takrif yang diberikan dalam pindaan ini tidak akan teruji masa kerana masyarakat dan komuniti kewangan sekarang baik dalam negara atau pun seluruh antarabangsa nampaknya semakin *sophisticated*. Jadi, pada dasarnya kita rasa rasuah dan juga kejadian *corruption* itu akan hilang apabila pemberi dan juga

penerima rasuah itu berhenti. Akan tetapi, ini agak mustahil jadi apabila berlakunya satu pelantar di mana pemberi rasuah dan penerima rasuah giat menjalankan apa yang diharamkan itu maka terdapat lah satu pelantar yang begitu tampak sekali dan pelantar yang saya maksud kan ialah tidak kira di negara yang maju atau pun negara yang sedang membangun sudah pastinya wujudnya satu bentuk *shadow economy* atau pun *underground economy*. Jangan kita silap faham bahawa yang *shadow economy* atau pun *underground economy* itu hanya wujud dalam negara-negara yang sedang membangun atau pun negara-negara yang mundur.

Saya ingin ambil satu kutipan daripada pencarian daripada *Fox Magazine* yang mengatakan kalau di negara-negara maju yang menyangkan peratusan *underground economy* atau pun *shadow economy* itu sebagai satu peratusan GDP maka negara-negara seperti Italy, Spain, Norway, Germany itu merupakan melebihi 10 peratus daripada GDP setiap negara yang tersebut. Jadi, bagi negara-negara yang hampir sampai ke 10 peratus GDP sebagai satu pencernaan *shadow economy* maka negara seperti Australia, United Kingdom, Jepun, Netherland, Switzerland, United States itu terangkum dalam negara-negara yang begitu nampak sekali ada kegiatan *underground economy* atau pun *shadow economy*. Saya kata *shadow economy* dan *underground economy* itu merupakan satu tempat di mana pemberi dan juga penerima rasuah itu giat sekali untuk bertindak balas antara satu sama lain. Dalam hal yang demikian saya hendak kata juga barangkali pihak penggubal pindaan rang undang-undang ini dapat memikirkan bahawa dengan terjelma nya *crypto currency* buat Malaysia sekarang sama ada dalam bentuk *Bitcoin*, sama ada dalam *ethereum* atau pun dalam *block chain* yang berbagai-bagai itu. Saya rasa kita harus mencari saluran-saluran yang akan memberikan ketirisan dapat tersumbat. Jadi, itu yang saya hendak pesankan kepada penggubal undang-undang.

Satu lagi yang saya hendak katakan ialah dalam usaha kita untuk memberi takrif baru untuk menggantikan perkataan *banking* digantikan dengan institusi kewangan. Saya rasa institusi seperti pengurup wang juga merupakan satu saluran di mana rasuah itu dapat disampaikan dan diterimakan bagi pihak-pihak yang bertindak balas antara mereka. Saya rasa pengurup wang operasi mereka sekarang dengan ada nya komputer dan sebagainya saya rasa kiriman wang dari satu negara ke satu negara asing itu begitu cepat. Lebih cepat daripada negara-negara yang menggunakan *Swift Code* kadangkala.

Satu lagi kalau bagi saya terdengar apabila saya menjelajah di Korea Selatan di mana saya mendengar daripada pihak penguat kuasa yang mengatakan pihak penguat kuasa di South Korea juga memperlihatkan pertukaran *chips* yang digunakan dalam *Casino* sebagai satu perantara yang digunakan supaya *corruption* itu dapat berjalan di antara pemberi dan juga penerima. *Chips* yang diberikan dia tidak akan terkesan apabila

dibawa merentasi sempadan tetapi itu *chips Casino* itu dapat ditunaikan sebagai *cash* dan sebagai nya apabila dia sampai ke destinasi-destinasi *Casino*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam seksyen fasal 2 itu tentang penakrifan baru untuk menggantikan *banking* kepada institusi kewangan itu saya rasa masih terdapat banyak lagi ketirisan, dan juga kelonggaran yang harus disumbat secara rapi. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua pesanan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Yang Berhormat Bukit Gantang. Lepas Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Indera Mahkota, tadi tidak bangun Yang Berhormat Setiu ini.

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak habiskan sehingga pukul 4 ya Yang Berhormat Bukit Gantang.

**3.39 ptg.**

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi*

*wabarakatuh*. Selamat petang. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Dalam kita membincangkan berkenaan dengan cadangan untuk meminda Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009. Ini satu perkara yang kita semua bersetuju lah kerana rasuah ini tidak akan berlaku apabila tidak ada orang yang memberi dan tidak ada pula orang yang menerima.

■1540

Cuma di dalam pindaan ini kita lebih fokus kepada syarikat. Jadi persoalan yang saya nak timbulkan di sini juga ialah sebagaimana rakan-rakan yang lain kerana mungkin ada daripada kalangan staf syarikat atau *company* ini dia buat sendiri-sendiri. Tiba-tiba yang kena bebannya ialah kepada syarikat keseluruhannya. Apakah apabila disabitkan satu kesalahan melibatkan semuanya kepada satu syarikat itu tadi dan bagaimana pula untuk kita memisahkan antara individu dengan syarikat itu sendiri kerana sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kerana sebab Islam memandang berat berkenaan dengan pemberi rasuah dan penerima rasuah. Sebagaimana Nabi SAW menyebut [*Membaca sepotong hadis*], “Orang yang memberi rasuah dan penerima rasuah ialah orang itu akan ditempatkan ke dalam neraka”.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu hadis Nabi SAW apabila disebut berkenaan dengan ada seorang laki-laki yang telah menerima habuan, maka Nabi SAW bertanya kepada dia, “*Kalau kamu duduk di rumah, kamu tidak menjawat apa-apa jawatan, adakah kamu akan memperoleh imbuhan yang diberikan kepada kamu?*”. Maka sebab itu orang yang menerima rasuah ini ialah terdiri daripada kalangan orang-orang yang mempunyai

kuasa ataupun mempunyai sebab musabab yang boleh untuk dia imbal balik kepada orang yang memberi kepada dia.

Jadi terima kasih juga dengan program CIP (Ikrar Integriti Korporat) yang diperkenalkan pada tahun 2012. Ini satu perkara yang perlu dihayati oleh kita semua kerana walaupun kita faham berniaga ini satu usaha yang cukup baik kerana Nabi SAW pun menyebut, dia kata [*Membaca sepotong hadis*] "*Peniaga yang jujur, mereka ini akan bersama-sama dengan Nabi dan juga bersama-sama dengan orang-orang siddiqin dan juga daripada kalangan para syuhada*".

Akan tetapi hari ini orang telah buat satu *joke*, dia kata kalau kita nak tahu rasuah ini Yang Berhormat, maka kita kena terlibat dengan berniaga. Ha itu seolah-olah sedangkan perniagaan ini satu perkara yang cukup baik, tiba-tiba dicemarkan dengan *tagline* seolah-olah macam apabila terlibat dengan perniagaan, maka ini akan memberikan satu daripada penglibatan dengan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, soal rasuah ini cukup bahaya. Yang pertamanya kesannya kita lihat akan berlakunya peningkatan kos terhadap satu projek misal katakan. Patut projek itu hanya RM20 juta tetapi kerajaan ataupun pihak mana-mana terlibat terpaksa *up*-kan sampai RM30 juta dan RM40 juta. Yang keduanya, kita lihat kualiti hidup rakyat juga terancam apabila adanya kes rasuah ini kerana mungkin sempadan kita akan dicerobohi. Kalau kita tengok kaji bagaimana sejarah kejatuhan Kerajaan Melayu di Melaka juga ialah antaranya berpunca daripada soal *corruption* yang berlaku di situ.

Yang ketiganya, kita lihat projek menjadi tidak berkualiti kerana kita beri kepada orang bukan ahlinya. Akhirnya kita buat bangunan pecah ataupun runtuh di sana sini. Maka projek itu jadi tidak berkualiti dan masalah yang keempat ini ialah timbulnya masalah dadah pada hari ini yang tak selesai-selesai. Juga ialah ada kaitan dengan soal rasuah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerana sepanjang tahun 2014 hingga 2016, terdapat tangkapan yang ditangkap oleh SPRM seramai 2,346 orang. Persoalan saya ialah kerana agak kebimbanganlah, seramai 1,267 daripada 2,346 ataupun 54 peratus mereka yang ditangkap ini ialah berumur 40 tahun ke bawah. Ini satu fenomena yang amat mengerikan kepada kita kerana kita lihat dulu integriti yang cukup hebat daripada kalangan pegawai-pegawai terutamanya mereka yang dilatih di Barat, walaupun kita lihat waktu itu yang daripada segi fenomena lain timbul tetapi mereka mempunyai integriti yang cukup hebat dan kuat.

Kenapa persoalan ini berani berlaku? Sebab itu kegemilangan kita tengok semua orang sebut bila sebut tentang soal rasuah ini, orang mengingatkan Almarhum Datuk Harun Hashim yang pernah mengendalikan soal rasuah ini yang cukup hebat. Begitu juga

pada zaman Tunku Abdul Rahman yang kita lihat waktu itu juga bagaimana Tunku Abdul Rahman sendiri yang memberikan kuasa yang begitu luas kepada Harun Hashim waktu mengetuainya untuk membuat siasatan walaupun mereka itu apa penjawat sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita mengharapkan supaya perkara-perkara seperti ini tidak berlaku dan kita tak nak orang panggil satu *joke* yang dibuat hari ini di kata, kalau kita ambil sikit-sikit, RM200 ke RM300, itu dianggap corruption. Kalau ambil berjuta dan bilion, itu dianggap komisen. Jadi kita harapkan *tagline* ini kita dapat hapuskan daripada semasa ke semasa terutama untuk masa depan negara kita yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### 3.51 ptg.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam pindaan akta ini dan seperti Ahli-ahli Parlimen yang lain, saya sambut baik di atas usaha kerajaan untuk meminda akta yang berkaitan dengan rasuah apatah lagi dalam keadaan di mana indeks rasuah negara kita nampaknya menjunam. Pada hemat saya, *timely* untuk kita lakukan sesuatu untuk memperkemas dan memperkasakan badan-badan yang melakukan pencegahan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi masalahnya adalah dengan izin, *good people, they don't need any law*. Yang masalahnya, *bad people, they break all laws*. Jadi dalam apa yang dikatakan oleh— saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Gantang dan juga Yang Berhormat Kuala Nerus tadi bahawasanya ia tidak boleh kita lakukan secara terpisah tetapi *must be* dengan izin, holistik di dalam tindakan kita mengatasi masalah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak mengajak kalau boleh, saya nak tanya kementerian, apakah kementerian bersedia untuk bukan sahaja memperlihatkan permasalahan rasuah ini secara *piece by piece* tetapi holistik dan seperti apa yang saya katakan tadi, *the bad people will break all laws*. Kita nak menzahirkan sekarang *good people* yang kalau kita dapat zahirkan *good people, they don't need any law*.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya nak mengesyorkanlah sama ada kalau boleh saya panjangkan, saya nak cakap pendek sahaja, nak cakap sikit sahaja. Bahawasanya minta kerajaan mempertimbangkan bahawasanya sistem pendidikan kita itu mesti diperlihatkan semula. Kita tahu bahawasanya buruknya ikan biasanya daripada kepala tetapi kita nak zahirkan insan-insan yang baik-baik yang memahami bahawasanya sistem pendidikan kita bukan lagi hanya untuk mengisikan fakulti otak keilmuan, kepandaian,



kepintaran, kebijaksanaan tetapi sistem pendidikan kita juga mesti mengisikan naluri-naluri hati seperti antaranya adalah amanah.

Kita mesti zahirkan semangat amanah kepada anak-anak kita yang daripada kecil-kecil sehingga ke universiti bahawasanya kita hidup mesti bukan sahaja ada ilmu, dalam Quran pun disebut nak jadi pemimpin mesti ada dua, *Al-Quwwah* kekuatan ilmu, pengalaman, kepakaran, kepintaran tetapi juga *Al-Amanah* dan dalam amanah ini bukan hanya amanah kepada Allah iaitu kepada pencipta tetapi amanah kepada sesama manusia dan amanah kepada alam sekitar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita mesti didik keturunan kita, anak-anak kita bahawa sejiiknya seperti mana disebut oleh beberapa Ahli-ahli Parlimen yang lain tadi di atas perbuatan yang dinamakan rasuah yang mana kita tahu bahawasanya satu ketika dahulu kita memomokkan satu negara jiran tetapi hari ini negara jiran memomokkan kita.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan bahawasanya kita ada sebuah jawatankuasa yang dinamakan JKMR (Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah) yang satu ketika dipimpin oleh Tan Sri Abu Zahar bekas Tuan Yang di-Pertua Dewan negara. JKMR ini telah membuat beberapa syor berkenaan dengan memperkasakan SPRM. Jadi saya tidak mahu huraikan satu persatu. Saya percaya bahawasanya pindaan ini pun mungkin adalah satu daripada syor-syor daripada JKMR. Saya mencadangkan supaya kementerian memperlihatkan balik semua cadangan daripada JKMR bagi kita memperkasakan SPRM bagi mengatasi masalah rasuah dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya setakat itu sahaja. Saya merasakan bahawasanya banyak yang telah diperkatakan dari segi *technicality*. Tadi Yang Berhormat Kelana Jaya dan Yang Berhormat Kapar menyebut berkenaan dengan *technicality* satu persatu. Saya umum sahaja bahawasanya masalah rasuah ini mesti diambil tindakan holistik khususnya diambil tindakan daripada kanak-kanak lagi, kecil-kecil lagi dididik anak untuk membenci atau memandang jijik...

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasar Puteh]:** Yang Berhormat Indera Mahkota, laluan, laluan sebelum pergi. Kalau kita lihat daripada rasuah ini apabila ia berleluasa ada ulama mengatakan pada masa itu kalau kita ingin mendapatkan hak kita dan kita terpaksa memberi rasuah, maka harus pada masa itu untuk kita mengeluarkan rasuah. Saya hendak tanya Yang Berhormat Indera Mahkota. Sekarang ini kita dalam keadaan macam mana? Itu soalan pertama.

Kedua ialah apabila rasuah ini boleh dikatakan merebak khususnya apabila kita hendak mencari ketua kita, mengangkat ketua kita pun banyak unsur-unsur rasuah diamalkan. Dekat dengan pilihan raya ini kita rasakan dedak dan duit dan macam-macam

*offer* diberikan untuk mendapatkan sokongan dan seterusnya mengangkat ketua kita, memilih kerajaan kita. Terlalu hebat sekalipun hendak berikan rasuah ini kepada pengundi-pengundi.

Adakah ini juga rasuah dan adakah ia atau tidak kerana ia adalah suatu yang sudah jadi lumrah dan sudah biasa. Jadi tidak apalah, boleh buat. Apa pendapat Yang Berhormat Indera Mahkota? Terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, segala amal bergantung kepada niat. Kalau niat dia kita memberi sesuatu untuk mendapatkan undi, maka bagi saya itu adalah rasuah. Oleh sebab itu saya katakan tadi, buruknya ikan bermula dari kepala. Ia tidak bermula daripada orang lain, ia bermula daripada kita. Saya ingat kitalah kena jaga diri kita. Kalau setiap kita boleh jaga diri kita, saya yakin bahawasanya kita boleh menghapuskan rasuah. Saya ulang sekali lagi, setiap amal bergantung pada niat. Kalau niat kita kadang-kadang kita memberi sedekah kepada orang pun hendak suruh orang puji, bagi saya itu adalah rasuah. Akan tetapi kalau niat kita *fisabilillah*, itu hanya Allah sahaja yang mengetahui.

Dari segi apakah tindakannya, saya sudah sebutkan tadi. Anak-anak kita, tarbiah. Kita wajib tarbiah bahawasanya kita didik anak-anak kita bukan hanya memiliki ilmu, memantapkan kapasiti intelek tetapi juga kapasiti hati, dada iaitu dengan semangat bersih, amanah dan saya ulang tadi amanah kepada pencipta kita dan amanah kepada sesama manusia. Demikian sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya ini orang tidak tinggi, bercakap pun tidak panjang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Setiu minat. Sila. Selepas ini Yang Berhormat Menteri jawab.

### **3.54 ptg.**

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya. Pada dasarnya saya bersetujulah dengan pindaan ini sebab kita lihat semua organisasi komersial ini ia terdedah kepada risiko rasuah ini. Ini kerana ia boleh wujud dalam semua peringkat sama ada pengurusan dan dalam semua fungsi dan juga aktiviti. Jadi sekiranya rasuah berlaku dalam organisasi komersial nanti jadi akibatnya boleh mengakibatkan banyak perkara kehilangan reputasi syarikat itu sendiri, kehilangan keyakinan awam, moral organisasi itu sendiri dan lain-lain.

Cuma beberapa perkara sahaja yang 17A ini. Saya melihat bahawa seseorang yang bersekutu yang dinyatakan dalam 17A(1). Bermakna kalau seseorang bersekutu itu disebut pengarah, pekongsi atau pekerja. Jadi mereka ini apabila melakukan rasuah maknanya syarikat ataupun organisasi komersial itu akan juga melakukan rasuah.

Akan tetapi yang saya tidak berapa hendak faham sangat kenapa yang lain-lain itu pengarah, pengawal, pegawai, pekongsi juga yang tidak melakukan rasuah tersebut pun boleh dikenakan tindakan yang sama seperti mana pelaku itu.

Walau bagaimanapun ada disebutkan dalam (3)(b) itu, yang masalah kita lihat macam ada satu *deeming clause*, satu yang dikatakan maknanya seolah-olah apabila syarikat melakukan kesalahan maknanya yang sama ada pengarah, pengarah urusan dan sebagainya juga terlibat. Bermakna mereka akan ditangkap dahulu. Kemudian datanglah *defense*, pembelaannya dinyatakan bermakna telah menjalankan segala usaha. Maknanya dilakukan tanpa keizinannya dan juga ia menghalang perlakuan.

Menghalang perlakuan kepada si pelaku tadi yang melakukan kesalahan itu. Jadi agak rumit apabila masa ini hendak diambil ini, diambil pembelaan ini sama ada semasa selepas tangkapan dibuat atau dalam masa penyiasatan atau selepas pertuduhan. Ini kesan-kesannya mungkin berlaku. Saya agak risau sedikitlah.

Kalau disebut bawah 17A(5), garis panduan itu terpakai kepada mana? Kepada pengarah syarikat itu ataupun kepada syarikat itu sendiri yang telah melakukan kesalahan. Garis panduan ini yang telah dibuat oleh Menteri. Kalau ikut di sini subseksyen (4) itu mengikut tatacara yang mencukupi dan subseksyen (5) itu, "*Menteri hendaklah mengeluarkan garis panduan yang berhubungan dengan tatacara yang disebut dalam subseksyen (4)*". Bermakna seolah-olah garis panduan hanya terpakai kepada syarikat dan tidak kepada pengarah-pengarah. Ini yang saya agak perlu minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Setiu. Pasir Puteh. Kalau kita lihat selalunya syarikat-syarikat inilah yang akan memberi rasuah kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk mendapatkan projek, begitu selalunya. Bukan pegawai kerajaan bagi rasuah kepada syarikat. Kita perhatikan juga bahawa banyak syarikat ini ada peratusan komisyennya atau *extra expenditure* yang diberikan kepada pegawai-pegawainya atau pengurus-pengurusnya supaya boleh mendapatkan projek dan sebagainya.

Adakah ini dianggap penggalakan kepada rasuah untuk syarikat-syarikat ini beri rasuah kepada pegawai-pegawai kerajaan? Kalau kita boleh sekat di sini, semua syarikat tidak boleh ada benda ini saya rasa ini lagi hebat. Bermakna kalau ada dalam syarikat ini amalan seperti itu, maka sah bahawa syarikat ini sudah mengamalkan rasuah. Apa pendapat Yang Berhormat Setiu?

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Inilah sebenarnya yang disebut dalam 17A(1) ini jelas dikatakan maknanya, "*Suatu organisasi komersial itu melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu tadi secara*

*rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan...".* Tidak kiralah. Maknanya semua tetapi kerisauan saya tadi yang pengarah urusan yang tidak melakukan kesalahan ini pun disabitkan sama sebab dikira sebagai salah seorang yang melakukan kesalahan, dikira syarikat itu yang melakukan kesalahan. Ini yang saya risau sebenarnya.

■1600

Kemudian, yang akhirnya adalah seksyen baru 41A tadi. Kalau mengikut prinsip undang-undang, apa-apa dokumen yang diterima masuk sebagai keterangan, selagi ia adalah tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan, ia sudah tetap menjadi keterangan yang tidak boleh diterima masuk. Jadi, persoalan saya kepada pihak Menteri, sama ada maknanya kenapa perlu ada seksyen baru 41A tadi? Oleh sebab ia berlawanan dengan prinsip undang-undang bahawa yang tidak boleh diterima masuk, tetap tidak boleh diterima masuk sebagai keterangan. Terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**4.00 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Terima kasih Datuk Seri Dr. Yang di-Pertua, terima kasih juga Datuk Seri Yang di-Pertua yang meninggalkan Dewan kerana menggantikan tugas. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada hampir 14 orang Ahli Yang Berhormat yang berbahas, di samping ada lebih kurang 10 orang yang mencelah bagi hasrat untuk kita bawa satu pindaan kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Kalau boleh saya mulakan sebagai ada yang mencadangkan kepada penambahbaikan, ada yang bercakap tentang pindaan itu sendiri, ada yang memberikan dan mengambil peluang untuk memberi penjelasan. Terima kasih saya ucapkan kerana sekurang-kurangnya penjelasan itu dapat orang fahami, apakah yang sedang dicuba dibuat oleh kerajaan. Ada yang berkongsi cerita. Saya sebut ini sebab saya tidak boleh hendak jawab semua, termasuk yang bercerita tentang soal rasuah keseluruhan. Oleh kerana prinsip yang mudah, satu undang-undang jadi undang-undang apabila diterima oleh majoriti masyarakat. Macam kita menerima satu-satu perkara dan kita jadikan ia undang-undang. Ada kesalahan di Malaysia tidak menjadi kesalahan di tempat lain.

Akan tetapi pada asasnya, undang-undang itu jadi satu undang-undang bila kita semua terima sebagai satu perkara yang memang patut dipatuhi. Akan tetapi undang-undang ini bukan hanya untuk patuhi, ia sebahagiannya *guidelines*. Jadi, hari ini kita cerita fasal liabiliti korporat. Saya rasa hampir semua yang berbahas, tidak ada seorang pun yang minta saya jangan bawa, semua hendak, cumanya ada soalan-soalan spesifik. Ini kerana kita semua tahu bahawa liabiliti korporat ini, maksudnya kalau dulu individu sahaja yang didapati bersalah dalam kesalahan satu-satu rasuah. Hari ini kita hendak sama dengan negara-negara lain, syarikat juga bertanggungjawab. Jadi, ada yang bangkit tentang kerisauan perluasan. Macam Yang Berhormat Kelana Jaya ada sebut, Yang Berhormat Setiu, saya tidak hendak sebut satu-satulah tetapi bangkit tentang terlalu luas definisinya. Pada saya, itu perlu kerana *level* untuk berlaku itu kita tidak tahu. Ia ada di peringkat pemegang saham, ia ada di peringkat *board of directors*. Ada peringkat pengurusan, ada juga pekerja yang hanya *associates*. Akan tetapi Yang Berhormat kena faham. Pertama, ia ada penjara, ia ada denda. Kita mungkin risau hendak masuk penjara semua *board of directors*.

Tidak, kadang-kadang denda itu memadai. Akan tetapi tanggungjawab korporat, tanggungjawab syarikat dalam urusan perniagaan mereka, itu perlu. Oleh sebab itu ada perkara yang kita kena faham. Yang Berhormat Kapar ada tanya fasal- ada beberapa Yang Berhormat tanya fasal retrospektif. Dari segi kes jenayah, sebenarnya bercanggahan kalau benda itu kita kebelakangan. Makna boleh orang yang dulu undang-undang tidak ada, jadi salah. Ini lebih pada prospektif. Undang-undang ini pun kita bagi masa dua tahun untuk semua pihak berkepentingan faham. Oleh sebab itu, ada garis panduan yang akan disediakan oleh Yang Berhormat Menteri. Dua tahun selepas kita lulus, baru kita hendak laksanakan supaya tidak timbul salah faham. Akan tetapi mesej yang paling mustahak, yang semua orang bersetuju, di Malaysia selepas rang undang-undang ini di bentang dan diluluskan kelak, maka organisasi korporat ataupun organisasi-organisasi komersial akan turut bertanggungjawab bagi kesalahan-kesalahan.

Jadi, saya hendak mula jawab perkara spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Pertama, bertanya tentang amalan baik USFPCA dan UK Bribery Act telah diambil kira. Untuk makluman Yang Berhormat, amalan baik telah pun kita ambil kira supaya syarikat mempunyai dan menerapkan elemen-elemen pencegahan rasuah melalui polisi pencegahan rasuah yang jelas, garis panduan bertulis mengenai pencegahan rasuah yang perlu dipatuhi, mencegah syarikat daripada memberikan arahan atau menyokong amalan rasuah dan syarikat berada dalam kedudukan terbaik untuk memastikan amalan rasuah dapat dikurangkan atau dihapuskan.

Yang Berhormat Bukit Katil bertanyakan fasal *retrospective effects*. Perkara ini tidak, kerana rang undang-undang bersifat berkuat kuasa ke hadapan, prospektif seperti yang saya nyatakan tadi. Memandangkan bahawa terdapat peruntukan kesalahan jenayah dalam rang undang-undang ini, maka kuat kuasa ke belakang apa-apa peruntukan jenayah akan melanggar Perkara 7, Perlembagaan Persekutuan. Soalan mengenai subseksyen 30(7). Subseksyen 30(7) ini kita pinda untuk mengelakkan mana-mana individu yang dirakam percakapan di bawah subseksyen 30(3) menyalahgunakan peruntukan subseksyen 30(7) dengan menggunakan peruntukan ini sebagai satu imuniti apabila kemudiannya individu tersebut dituduh di mahkamah.

Sebenarnya ada satu kes Yang Berhormat, ada orang yang memberikan maklumat ini, bila kita siasat rupanya dia itu pelaku, jadi kita tuduh. Jadi, dia gunakan subseksyen ini dan kes ini sebenarnya sedang di peringkat rayuan kerana kita didapati ataupun kalah di peringkat Mahkamah Tinggi. Jadi, tidak ada perkara untuk melindungi sesiapa. Garis panduan di bawah seksyen 17A(5). Sebagaimana yang ditafsirkan, seksyen 17A - organisasi komersial terdiri daripada pelbagai bentuk entiti yang masing-masing mempunyai pelbagai tahap risiko rasuah, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya. Justeru itu, tidak ada satu tatacara spesifik yang boleh terpakai kepada semua jenis organisasi komersial. Garis panduan Menteri ini hanyalah merupakan satu panduan umum yang boleh dirujuk oleh organisasi komersial dalam mewujudkan tatacara mencakupi yang dikehendaki di bawah seksyen ini. Justeru itu, ia tidak mengikat organisasi komersial secara undang-undang. Soalan mengenai apakah rasional penetapan dua tahun? Adakah program latihan kepada organisasi komersial dalam tempoh dua tahun tersebut?

Jangka masa dua tahun ditetapkan bagi memberi tempoh kepada organisasi komersial membangunkan tatacara pencegahan yang mencukupi dalam organisasi mereka dan pelbagai bentuk program pencegahan dan pendidikan. Saya sangat setuju tentang soal pendidikan ini. Sebenarnya sedang dan akan dilaksanakan dalam memberi kefahaman kepada organisasi komersial mengenai peruntukan ini. Antaranya *Corporate Integrity Pledge (CIP)*, *Corruption Risk Management (CRM)*, *ISO Anti-bribery Management System* dan selain itu SPRM turut memberikan khidmat nasihat kepada pelbagai sektor mengenai tatacara pencegahan.

Saya juga ingin menambah bahawa kerajaan akan sentiasa menyokong kepada pihak yang mempunyai kebolehan untuk memberi latihan dan kursus tadbir urus, khusus kepada pihak swasta ini. Secara spesifik, pihak Malaysian Institute of Corporate Governance (MICG) sekarang ini sebenarnya dalam proses menghasilkan kursus *Pathway to Governance Practitioners* untuk sektor swasta. MICG adalah sebuah badan

sivil yang berunsur bukan keuntungan. Tujuan utama adalah untuk menghasilkan *governance practitioners* di sektor swasta yang mempunyai latihan dan pengetahuan yang mencukupi untuk memberi nasihat kepada lembaga pengarah dan pengurusan syarikat dan menghasilkan program tadbir urus integriti khusus kepada syarikat tersebut. Ia akan dijangka dilancarkan pada pertengahan tahun ini.

Yang Berhormat Alor Gajah secara spesifik ada tanya tentang berapa banyak syarikat yang telah menandatangani CIP. Kalau boleh saya beritahu, 1,119 syarikat yang telah menandatangani *Corporate Integrity Pledge*.

Yang Berhormat Seputeh cerita secara spesifik beberapa perkara sebenarnya. Hukuman yang disebut oleh Yang Berhormat Seputeh tadi tentang kesalahan di bawah seksyen 27, fasal beri laporan palsu. Sebenarnya seksyen itu berkaitan saksi beri maklumat palsu, bukan orang yang melapor. Jadi, kalau kita hendak guna seksyen 27 untuk tahan Jamal Yunos, tidak kena seksyen itu. Seksyen ini kalau ada orang dan kita sebenarnya sudah gunakan seksyen saksi beri maklumat palsu ini, sudah beberapa individu yang kita dakwa di bawah seksyen ini kerana menjadi saksi palsu, bukan memberi maklumat palsu. Oleh sebab kita tidak ada tangkap orang yang beri maklumat palsu kerana kadang-kadang yang memberi maklumat ini dia hanya dapat sebahagian.

#### ■1610

Oleh sebab itu ada SPRM untuk— bukan saya— siasat. Jadi itu dua perkara yang berbeza.

Kemudian Yang Berhormat Seputeh cerita panjang ya tentang kes Yang Berhormat yang pada saya tidak perlu kita— bukan saya cerita, Yang Berhormat sendiri cerita kerana kes itu belum selesai habislah tetapi tidak apa. Kes satu lagi kawan Yang Berhormat pun sama, itu cerita untuk kita yang kalau hendak komen panjang... *[Disampuk]* Ya, maklumanlah. Okey.

Selepas itu Yang Berhormat pun cerita fasal NFC. Ini pun tidak berapa kena dengan kes kitalah tetapi kalau saya boleh komen. Yang Berhormat Pandan kena tahan bukan fasal dia beri maklumat. Dia kena sebab dia langgar BAFIA. Bukan sebab kita tangkap orang bagi maklumat. Sebab ada undang-undang lain dalam negara kita, Yang Berhormat. Jadi kalau kita hendak cerita dengan orang, tidak bolehlah kata kerana dialah memperjuangkan NFC selepas itu dia yang kena tangkap, tidak.

NFC ini kalau tidak silap saya semasa saya masih di *backbencher*, didedahkan oleh Jabatan Audit Negara, bukannya Yang Berhormat Pandan. Maknanya yang mendedahkan itu adalah agensi kerajaan yang bukan suruhanjaya, yang bukan mahkamah yang ada sebuah jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Itu mulanya NFC. Kemudian ada dokumen yang tidak sepatut dikongsi yang melanggar dengan

BAFIA, itu Yang Berhormat Pandan kena itu. Tetapi pada saya itu bukan soal yang patut saya jawablah. Saya pun ahli politik juga, saya pun ada dengar cerita masa bahas yang saya hendak komen.

Akan tetapi hendak beritahu, NFC tidak silap saya belum hilang duit, 1MDB pun belum hilang duit. Dia masalah hutang. Apa yang patut Yang Berhormat bangkit dengan saya yang hilang duit ini ialah Forex dahulu. RCI sudah buat. Yang Berhormat tidak tanya saya pun. Itu patut kita cari itu. Itu duit rakyat yang betul-betul hilang.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat cakap, saya dengar. Saya cakap sahaja. Yang Berhormat suka tidak suka, setuju tidak setuju, terserahlah tetapi pada saya itu duit kita yang hilang.

Tentang MARA ya. Sebenarnya kita tahu, semua tahu tidak boleh dedah perkara tengah siasat. Tetapi sebenarnya sudah ada tiga tangkapan sudah diumumkan pun dan sekarang ini pihak SPRM sedang memperluaskan siasatan untuk mendapat *mutual legal assistance* dengan pihak Australia untuk kita jalankan siasatan.

Tidak timbul dia merupakan pemimpin UMNO-Barisan Nasional kerana kalau ikut siasatan tahanan, pemimpin Barisan Nasional lebih ramai daripada pemimpin pembangkang. Makna, tidak adalah kita hendak aniaya sesiapa. Kalau salah, kita tangkap. Yang ini pun nanti kalau kita mula tangkap beberapa nama nanti, sokong sahajalah. Jangan kata kita tangkap kerana sebab politik. Tidak bagus ya sebab kita sedang dapatkan maklumat tambahan.

Tentang cadangan— ini mustahak untuk dengar. Seksyen 41A ada tadi disebut dan saya faham kerana nampak macam seolah-olah kita hendak *bulldoze* tanpa mengambil kira dokumen asal. Sebenarnya peruntukan seksyen 41A yang Yang Berhormat Kelana Jaya bangkit, Yang Berhormat Setiu pun ada sebut, sama dengan seksyen 71 AMLATFA. Ada seksyen yang sama. Sebenarnya dia lebih begini ya. Kita ambil contoh imej cek. Sekarang ini cek bila kita masuk, dia ada imej di situ. Bermakna kita tidak perlu tunggu *the original check*. Makna dokumen salinan yang dimaksudkan itu adalah imej cek itu juga boleh diterima pakai sebagai dokumen. Itu sebab kita adakan pindaan dan ia sebenarnya sama macam kes AMLATFA. Bukan fasal kita hendak— AMLATFA ini seksyen 71.

Definisi luas saya sudah jawab tadi. *E-commerce* dan pengurup wang. Ini pun bagus juga. Saya pun hendak tahu juga. Jawapannya ya, *e-commerce* dan pengurup wang juga termasuk dalam definisi seksyen 17A(8)(b).



Yang Berhormat Kuala Krai bertanyakan tentang bentuk-bentuk kawalan dalaman yang diwujudkan oleh organisasi komersial dalam membantu mewujudkan tatacara pencegahan rasuah yang mencukupi. Seksyen 17A(5) memperuntukkan bahawa Menteri akan mengeluarkan garis panduan ini dan ia adalah garis panduan umum. Organisasi komersial boleh juga mengguna pakai mana-mana garis panduan lain seperti *ISO Anti-Bribery Management Systems*.

Seksyen 10. Sebenarnya, Yang Berhormat Kulai, seksyen 10 Hong Kong ini walaupun tidak berapa bersesuaian dengan pindaan ini, kita sudah jawab banyak kali. Memang ada satu seksyen di Hong Kong memang dicadangkan juga oleh beberapa pandangan macam Yang Berhormat pernah juga bangkit kenapa tidak bagi kuasa mendakwa kepada SPRM. Sudah puas juga kita jawab ini tetapi saya hendak jawab sekali lagilah sebab dah tanya ini.

Seksyen 10 ini sebenarnya kita ada. Dalam SPRM ada seksyen 36. Dia beza satu sahaja. Seksyen 36 ini dia mesti sudah ada mulakan siasatan. Sebenarnya Akta Dadah Berbahaya pun ada. Kita tidak boleh— macam di Hong Kong ini, seksyen ini dia boleh tiba-tiba pergi *check* siapa-siapa pun. Kita di Malaysia lain sedikit. Kita mesti ada mulakan kausa tindakan. Jadi kalau ada kes itu disiasat, memang kita sita, memang kita akan tanya mana dapat barang-barang yang terlalu banyak daripada kemampuan.

Oleh sebab itu macam kes di Ampang ada buat bangunan besar itu, rumah besar itu, orang muda itu, kalau tidak ada kausa tindakan pun kita tidak boleh ambil tindakan sebab kita tidak ada seksyen tersebut. Oleh sebab itu saya kadang-kadang pun hairanlah, ada satu pihak Yang Berhormat, rasa takut kita menggunakan undang-undang yang menyekat tetapi dalam satu pula Yang Berhormat hendak perluasan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** [*Bangun*]

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Kalau Malaysia ada seksyen 10— sekejap, belum habis. Kalau ada seksyen 10, ramai kena. Tadi ada juga bangkit fasal Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sebenarnya kita boleh tetapi menggunakan seksyen 36 ini untuk sudah mula kena caj, baru kita siasat. Dan hendak beritahu, seksyen yang dekat Hong Kong yang Yang Berhormat kata sangat bagus itu, belum sekalipun digunakan. Hong Kong ada tetapi dia tidak pernah guna seksyen itu.

Jadi pada saya, apa yang lebih mustahak adalah iltizam kita, *the courage and conviction* kita untuk membuat siasatan tetapi untuk berlaku adil iaitu kena caj dahulu baru kita ambil, macam pengedar dadah, macam pesalah-pesalah ataupun mereka yang didakwa dalam kes SPRM.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata kebimbangan kita hendak *cause investigation* yang belum apa-apa lagi

kan. Akan tetapi ada satu cara *rather than cause investigation, you give power to SPRM cause to enquire*. Kalau ditengok harta dia banyakkannya, dia tidak ada *reason to investigate, but at least ada power to cause an enquiry*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa perbezaan di antara seksyen 36 Akta SPRM dan juga seksyen 10 *Prevention of Bribery Ordinance* di Hong Kong banyak berbeza. Selepas saya buat laporan dengan SPRM di Johor dan saya rasa banyak juga laporan sudah dibuat terhadap Yang Amat Berhormat Pekan dan juga isteri dan ahli keluarganya, biasanya jawapan yang kami terima daripada Yang Berhormat Menteri Paul Low, adalah bahawa tidak menemukan sebarang *predicate offence* yang dapat memenuhi kehendak di bawah seksyen 36.

Jadi, kita mempunyai satu masalah di sini. Kalau kertas siasatan tidak dibuka, jadi SPRM tidak ada kuasa untuk meminta seseorang sepertilah Yang Amat Berhormat Pekan untuk membuktikan sumber pendapatan beliau. Jadi, *this is chicken and egg question*. Saya rasa di sini ini adalah cadangan daripada *Special Advisory Board MACC*. Kenapa kerajaan sendiri tidak terima cadangan daripada *Special Advisory Board*? Ini adalah daripada *Special Advisory Board*. Mestilah mereka cadang seksyen ini kerana ia akan memberi kemudahan yang besar kepada SPRM.

Saya rasa yang lebih bagus adalah kita ikut manifesto Pakatan Harapan di mana menyatakan bahawa kesemua Ahli Parlimen, kesemua ADUN, kesemua penjawat awam yang berpangkat tinggi perlulah buat satu *asset declaration* tetapi di sini kita tidak ada undang-undang sedemikian. Apabila kita buat *asset declaration*, hanyalah buat kepada Yang Amat Berhormat Pekan sahaja. Jadi sama ada itu memanglah portfolio mereka memang adalah bersih atau tidak sumber pendapatan mereka, kita semua tidak tahu.

Jadi, di sini saya rasalah kenapa takut bahawa terimalah bantahan yang kuat daripada Pakatan Harapan apabila Pakatan Harapan juga mempunyai bantahan yang kuat terhadap GST? Kita juga ada bantahan yang kuat terhadap anti berita palsu tetapi akhirnya Barisan Nasional masih luluskan rang undang-undang tersebut di dalam Dewan ini. Jadi, di sini janganlah letak itu— *don't blame the opposition*. Janganlah menyalahi Pakatan Harapan yang tidak sokong seksyen 10 *Prevention of Bribery Ordinance*. Kalau Barisan Nasional mempunyai *political will*, mempunyai *political commitment*, buat sahaja, ikutlah ini cadangan daripada *Special Advisory Board MACC*.

■1620

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat marah kah tanya. Okey, tanya okey maknanya nada dia macam itu lah sebab kalau marah saya jawab marah, nanti tak kena ya sebab saya bercakap biasa ini. Itu bukan marah ya maknanya. Tak, satu jangan

panggil kita takut, kita tak takut ya. Sebenarnya dari segi *declaration* dari segi tadi, dia ada sebut banyak tentang sumbangan politik dan sebagainya. Saya tak nak jawab dalam pindaan ini sebab panjang. Kita sudah jawab banyak kali sudah. Cumanya saya hendak bagi tahu Yang Berhormat ia dibuat berperingkat-peringkat, yang ini kita hendak bagi tahu kepada rakyat bahawa kesungguhan kita untuk integriti korporat itu dan saya sudah beritahu Perkara 10 akta itu sebenarnya tak pun digunakan di sana. Kita sudah ada yang lain tetapi kita tak bolehlah hanya kerana dia banyak duit, nampak kaya terus tangkap.

Sebab itu saya lebih suka Yang Berhormat Indera Mahkota punya pandangan ada cara yang boleh *but the cause of action* itu mesti diwujudkan barulah adil kalau tidak Yang Berhormat, kalau tidak. Sebab Yang Berhormat selalu fikir kita buat undang-undang hendak tangkap orang, kita ini jahat, Akta *Fake News* pun kita jahat. Tak, undang-undang ini untuk kerukunan. Katakan kita ada seksyen 10 lima tahun dulu, Yang Berhormat orang pertama saya ambil tindakan pun, Yang Berhormat akan jumpa rakyat kata, oh! Ini hanya ambil untuk politik. So, kita tak nak buat satu peraturan kerana itu, sebab itu di Barisan Nasional saya rasa sebahagian Menteri, Timbalan Menteri semua kena *declare* dengan parti. Jadi, ketua parti ada satu fail untuk semua orang.

Saya setuju, saya rasa Yang Berhormat Kuala Nerus ditanya oleh Yang Berhormat Sepang itu saya setuju jawapan. Sebab kalau kita dedahkan harta pada setengah-setengah orang, dari segi keselamatan siapa hendak tanggungjawab. Sebab itu ada banyak perkara yang perlu dipertimbangkan tetapi kalau kita sudah mula sangka tak baik, maka semua perkara akan nampak tak betul. Akan tetapi hari ini saya hendak beritahu semua yang bahas 14 orang setuju *corporate liability* ini perlu untuk kita laksanakan, yang lain semua akan jadi pertimbangan-pertimbangan yang kalau saya hendak jawab memang tidak berkesudahan. Sebab pandangan Yang Berhormat lain, Yang Berhormat cerita pasal manifesto Yang Berhormat nanti saya cerita pula pasal manifesto yang saya tak setujukan tak habis.

Tetapi yang penting Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kita hendak bawa ini sebahagiannya saya sudah jawab secara spesifik kecuali komisen Yang Berhormat Kapar tak nak jawab waktu dia tanya tadi. Sebenarnya kalau dia sebut *consultation, consultation* lain sikit dengan *brokerage fee*, lain sikit dengan komisen. Sebenarnya kita ada akta tentang fi. Fi ini yang mana ada di dalam peraturan ataupun perundangan boleh. Yang tak boleh ini rasuah itu tak boleh, jadi saya jawab kan bagi Yang Berhormat Kapar lah. Sebab ada dalam perjanjian sebenarnya broker pun ada fi tertentu, komisen juga boleh dinyatakan tetapi yang tak boleh rasuah.

Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat Indera Mahkota yang memberi penekanan. Sebenarnya kita perlu ada sikap untuk menolak rasuah dari segi agama pun

tak betul, dari segi kehidupan pun tak betul. Dicerita panjang tentang bagaimana ekonomi boleh rosak, keselamatan boleh rosak, negara boleh rosak. Jadi, marilah sama-sama kita Ahli Parlimen pun berikrar lah jangan cakap sahaja kita buat supaya kita menolak amalan rasuah, supaya negara kita selamat, dan hidup kita lebih sejahtera. Terima kasih kepada pandangan dan terima kasih saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

#### **Fasal-fasal 1 hingga 11 –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar, selepas itu Menteri boleh jawab.

#### **4.24 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua soalan. Yang pertama adalah berkenaan dengan fasal 4 iaitu seksyen baru 17A, saya khusus kepada 17A subseksyen (4) di mana ada perkataan yang digunakan iaitu dengan izin. Jika sesuatu organisasi komersial dipertuduh bagi kesalahan yang dibuat dalam subseksyen (1) menjadi pembelaan bagi organisasi komersial itu untuk membuktikan bahawa organisasi komersial itu mempunyai tatacara yang mencukupi.

Ini berfungsi sebagai *a defence* dengan izin Tuan Pengerusi untuk syarikat itu. Dalam kata lain, jika organisasi komersial ini mempunyai *code of ethics* ini akan digunakan sebagai satu pembelaan *defence* untuk organisasi komersial itu. Saya minta pandangan Yang Berhormat dan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah *code of ethics* ini mempunyai ataupun telah diadakan satu garis panduan, satu mekanisme untuk organisasi komersial ini digunakan. Sebab kita memberi satu *defence mode* dekat sini tetapi kita tak merangka apakah kerangkaan atau perincian *code of ethics* itu seolah-olah memberi keluasan interpretasi fasal ini.

Saya teruskan ke Bahagian II, fasal 11 seksyen baru 41A yang mengatakan bahawa fasal ini membolehkan apa-apa dokumen atau apa-apa salinan dokumen yang diperolehi oleh suruhanjaya supaya diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding. Ini memberi satu kuasa yang luar biasa di mana tidak mengatakan cara *mode of* terima keterangan tersebut. Jadi sekiranya dari sudut *inducement* ataupun kekerasan ataupun ada sesuatu yang membolehkan mereka membagi tahu atau memberikan dokumen-dokumen tersebut itu tidak dikawal. Saya rasa apabila sekali pandang atau membaca huraian dan juga fasal tersebut *it is absolutely everything under the sky*.

Janji dapat kita boleh gunakan dalam prosiding, so kita perlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana 41A ini akan diguna pakai. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**4.27 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Terima kasih. Ringkas sahaja bab pembelaan ini dari segi garis panduan itu. Dia akan pertamanya, saya hendak bagi tahu kalau ada nanti, dia akan digunakan di peringkat siasatan. Maknanya, katakan pihak syarikat sudah kata kita buat begini-begini, jadi boleh dikemukakan waktu siasatan. Sebab dia pelbagai bentuk syarikat, ada syarikat yang besar dan ada syarikat yang kecil, ada anak syarikat. Jadi, kalau sudah dibuat, dibangunkan, selepas beberapa *consultation* yang saya bagi tahu awal, maka boleh dikemukakan kepada pihak penyiasat sewaktu siasatan.

Dia akan diterjemahkan ataupun ketika membuat siasatan keterangan dan bukti itu akan berlaku pada peringkat itu. Kedua, dari segi saya hendak bagi contoh tadi, 41A ini macam imej cek sebagai salah satu contoh sebab senang hendak faham bila kita deposit cek, cek itu dia ada imej. Jadi, tak perlu dapatkan original cek dari pihak bank yang akan ambil masa. Jadi, saya faham Yang Berhormat Kapar mungkin membayangkan sejauh mana keluasan itu, sebenarnya *authenticity* kepada dokumen itu tetap bergantung pada sebagai contoh ada yang menyebut tentang Akta Keterangan dan sebagainya masih boleh dipakai.

Akan tetapi ini sebenarnya hendak lebih mudah dalam kes siasatan untuk kita mendapat dokumen supaya cepat dokumen. Akan tetapi saya rasa kalau Yang Berhormat bangkit mungkin ada orang salah guna kuasa dan sebagainya mengambil kesempatan itu, mahkamah boleh putuskan Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Penjelasan Yang Berhormat. Bila kita baca balik kepada fasal ini di bahagian terakhir, khususnya selepas perkataan di

bawah akta ini, '*walau apa pun, apa-apa jua yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain*'. Itu memberi satu pandangan bahawa akta ini khususnya fasal ini melebihi akta-akta lain termasuk Akta Keterangan. Bermaksud *mode of getting to the evidence, no more relevance* so itu sebenarnya bila interpretasi akta ini ia memberi keluasan yang luar biasa. Walaupun saya nampak penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri berbeza tetapi tidak. Apabila saya baca balik naluri dengan izin Tuan Pengerusi, *let's look the English interpretation. Notwithstanding anything to contrary in any other written law. That clearly give you absolute power* melepasi Akta Keterangan dan akta-akta lain. *You cannot avoid this, this is clearly stated* dekat sana.

■1630

So, penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta maaf, berbeza dengan naluri sebenar perkataan yang ada dalam akta ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Datuk Wira Razali bin Ibrahim:** So, saya ucap terima kasihlah pandangan Yang Berhormat itu. Saya baca balik apa yang telah diberikan tadi tentang perkara 41A, adalah berhasrat untuk kita gunakan dalam kes yang saya nyatakan tadi bagi memudahkan pihak siasatan, penyiasat untuk menggunakan dokumen-dokumen seperti contoh yang saya beri tadi, mengenai *cheque image, imprint* imej cek. Jadi Tuan Pengerusi, itu untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kapar.

**[Fasal-fasal 1 hingga 11 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]**

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Seri Ahmad bin Haji Maslan) dan diluluskan]**

**RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA  
(PINDAAN) 2018**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

4.32 ptg.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341] adalah perundangan utama yang menubuhkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM). Sejak Akta 341 diwartakan pada 9 Jun 1988, berkuat kuasa pada 1 September 1989, ia telah dipinda sebanyak dua kali oleh Dewan yang mulia ini iaitu pada tahun 1991 dan pindaan yang terakhir adalah pada 1994. Secara ringkasnya, pindaan pada tahun 1991 telah memperuntukkan berkenaan penubuhan Jawatankuasa Kumpulan Wang Kebajikan Jabatan Perkhidmatan Bomba, manakala pindaan pada tahun 1994 adalah berkaitan pindaan untuk memperuntukkan mengenai pangkat pegawai bomba dalam Jadual Kedua dan penambahan seksyen baru mengenai kuasa Ketua Pengarah untuk mengeluarkan perintah untuk sesuatu kegiatan dihentikan dalam kes-kes mendesak.

Cadangan pindaan kepada Akta 341 pada kali ini adalah melibatkan perkara-perkara yang berikut:

- (i) peruntukan bagi membolehkan pendaftaran dan kawal selia pengurusan pasukan bomba sukarela (PBS) diletakkan di bawah Akta 341. Pada masa ini, pendaftaran PBS adalah tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335];
- (ii) peruntukan bagi membolehkan organisasi keselamatan kebakaran (OKK) ditubuhkan di premis ditetapkan bertujuan untuk menggalakkan penglibatan orang awam dalam mengambil langkah-langkah pencegahan kebakaran peringkat awal di premis masing-masing; dan
- (iii) menambah baik serta menjelaskan tugas dan kuasa pegawai bomba dan pegawai bomba bantuan (PBB) dalam menyampaikan perkhidmatan kebombaanan kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, secara dasarnya, penubuhan pasukan bomba sukarela (PBS) akan memberi faedah kepada rakyat, kerajaan dan PBS itu sendiri. Untuk rakyat, ia dapat memastikan penyampaian perkhidmatan dapat diberikan dengan lebih baik. Ini kerana pasukan bomba sukarela akan ditubuhkan di kawasan-kawasan terpencil yang jauh daripada balai bomba dan penyelamat mengikut kawasan jagaan atau dengan izin, *fire cover* seperti mana yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat.

Dengan penetapan kawasan jagaan bagi setiap pasukan bomba sukarela, tindakan kepada insiden kebakaran di kawasan setempat dapat diambil dengan cepat. Bagi kerajaan pula, ia dapat membantu mengurangkan kos pengoperasian dan kos pembinaan balai-balai baru di kawasan tersebut. Bagi pasukan bomba sukarela itu sendiri, menerusi peralihan pendaftaran yang dicadangkan, pengurusan dan kawal selia PBS akan menjadi lebih tersusun dan berkesan. PBS yang didaftarkan di bawah Akta 341 kelak akan membawa identiti sebagai satu pasukan penyelamat dan pemadaman kebakaran.

Selain dari itu, bagi memastikan kecekapan dan kemahiran PBS, latihan berterusan akan diadakan. Di samping itu, kerajaan akan membantu PBS dalam pembinaan balai; pengurusan kewangan; peralatan perlindungan diri atau dengan izin, *personal protective equipment* (PPE); dan kelengkapan lain. Kenderaan, balai dan kelengkapan sedia ada akan kekal menjadi hak milik pasukan PBS tersebut. Dari segi sumber kewangan, PBS boleh mendapatkan peruntukan bagi tujuan menguruskan pasukan dan akan dipantau dari semasa ke semasa oleh JBPM.

Perenggan 62(1)(d) Akta 341 memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan mengenai organisasi keselamatan kebakaran (OKK). Dengan cadangan pindaan Akta 341 dan penubuhan OKK dalam rang undang-undang ini, peraturan-peraturan akan dibuat dengan kadar yang segera supaya OKK dapat memberi perkhidmatan mencegah dan memadam kebakaran di premis ditetapkan. Pada masa ini, terdapat 8,154 buah premis ditetapkan atau dengan izin, *designated premises* di seluruh negara menurut seksyen 27 akta.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan 22 fasal. Rang undang-undang ini mencadangkan dua fasal berkaitan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa serta peruntukan peralihan. Manakala 20 fasal lagi merupakan cadangan pindaan kepada peruntukan dalam Akta 341 seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 adalah berkenaan pindaan tajuk panjang dan Akta Ibu agar perkhidmatan kebombaan ini dapat dijelaskan dengan lebih komprehensif. Selain itu, penyelarasan dan penambahbaikan juga dibuat terhadap tafsiran sedia ada.

Fasal 3 adalah berkenaan pindaan seksyen 2 Akta 341 untuk meminda beberapa takrif sedia ada dan memasukkan takrif yang baru.

Fasal 4 adalah berkenaan pindaan seksyen 3 Akta 341 untuk menstruktur semula perjawatan dalam JBPM dan seterusnya dengan menambah pangkat bagi PBS dalam



Jadual Kedua serta Menteri diberi kuasa untuk meminda Jadual Kedua tersebut melalui perintah yang diwartakan.

Fasal 5 adalah dengan meminda seksyen 4 Akta 341 bagi membolehkan Ketua Pengarah JBPM menaikkan pangkat dan menamatkan pelantikan PBB.

■1640

Fasal 6 adalah dengan menambah seksyen baharu seperti berikut:

- (i) seksyen 4A mengenai pelantikan, kenaikan pangkat dan pembatalan pelantikan PBS;
- (ii) seksyen 4B mengenai penubuhan pasukan bomba sukarela di kawasan jagaan atau dengan izin, *fire cover*;
- (iii) seksyen 4C mengenai tugas pendaftar, pelantikan Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar; dan
- (iv) seksyen 4D menyentuh tentang mekanisme rayuan oleh pegawai bomba bantuan dan pasukan bomba sukarela yang ditamatkan perkhidmatan.

Fasal 7 adalah pindaan kepada seksyen 6 Akta 341 untuk menyeragam dan menyediakan pakaian serta tanda pangkat pasukan bomba sukarela.

Fasal 8 adalah dengan menambah seksyen baru seperti berikut:

- (i) seksyen 7A mengenai pengurniaan pingat dan pangkat kehormat kepada mana-mana orang yang berkeelayakan; dan
- (ii) seksyen 7B mengenai Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat boleh mengeluarkan suatu perintah tetap untuk kawalan am arahan dan maklumat bagi tujuan pelaksanaan kuasa dan tugas pegawai bomba di bawah akta ini.

Fasal 9 adalah pindaan kepada seksyen 18 Akta 341 dengan membolehkan pegawai bomba bantuan menjalankan kuasa pegawai bomba semasa sesuatu kebakaran. Selain daripada itu, pindaan ini memasukkan kuasa-kuasa tambahan seperti berikut:

- (i) perenggan (f) mengeluarkan atau mengarahkan perpindahan bahan mudah terbakar, meletup atau bahan yang berbahaya yang terdapat di dalam dan di sekitar premis semasa kebakaran;
- (ii) perenggan (g) menutup atau memutus atau memberi arahan untuk memutuskan bekalan gas, bahan api, bekalan elektrik atau mana-mana sumber bekalan tenaga yang terdapat di dalam atau berdekatan premis semasa kebakaran; dan

- (iii) perenggan (h) memindahkan mana-mana kenderaan atau objek yang menghalang operasi semasa kebakaran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Fasal 10 adalah dengan menambah seksyen baru iaitu 18A mengenai kuasa Pegawai Bomba untuk meminta maklumat semasa menjalankan siasatan tentang kebakaran di bawah perenggan 5(1)(b) Akta 341.

Fasal 11 adalah pindaan kepada seksyen 20 Akta 341 untuk meluaskan perlindungan kepada pasukan bomba sukarela atas apa-apa tindakan menuntut ganti rugi berkaitan dengan tugas-tugasnya di bawah Akta 341.

Fasal 12 adalah dengan menambah seksyen baharu iaitu seksyen 27A mengenai penubuhan keselamatan organisasi di premis yang ditetapkan atau dengan izin, *is emitted premises*.

Fasal 13 adalah pindaan kepada subseksyen 29(4) Akta 341 dengan menggantikan perkataan "*kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran yang mencakupi, mengikut mana-mana berkenaan*" kepada perkataan "*kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran*", selaras dengan tafsiran dalam Akta 341.

Fasal 14 adalah pindaan kepada subseksyen 32(1) Akta 341 dengan menggantikan perkataan "*kemudahan keselamatan diri, pencegahan kebakaran, perlindungan kebakaran dan menentang kebakaran*" kepada perkataan "*kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran*" selaras dengan tafsiran dalam Akta 341. Pindaan juga dibuat pada seksyen 33 Akta 341 untuk menetapkan hukuman secara spesifik kepada kesalahan di bawah peruntukan tersebut.

Fasal 15 adalah pindaan kepada seksyen 33 Akta 341 untuk mengenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Fasal 16 adalah pindaan kepada seksyen 45 Akta 341 iaitu dengan menamakan orang yang dilantik oleh Menteri untuk menjalankan inkuiri sebagai satu suruhanjaya siasatan kebakaran dan bagi menjelaskan maksud sebenar seksyen tersebut.

Fasal 17 adalah pindaan kepada seksyen 51 Akta 341 yang berbangkit daripada pengenalan PBS ke dalam Akta 341. Cadangan pindaan juga bertujuan untuk memperuntukkan hukuman yang spesifik bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen tersebut.

Fasal 18 adalah pindaan kepada seksyen 56 Akta 341 dengan menetapkan secara spesifik hukuman bagi kesalahan memberikan atau menyebarkan maklumat palsu mengenai kebakaran atau kecemasan yang boleh menimbulkan panik kepada orang

awam. Pindaan ini bertujuan supaya pihak yang tidak bertanggungjawab tentang sesuatu kebakaran atau kecemasan tidak menyampaikan maklumat yang boleh menjurus kepada penyampaian maklumat yang tidak tepat sehingga boleh membawa kepada timbulnya panik terhadap orang awam.

Fasal 19 adalah untuk memasukkan seksyen baru 61A ke dalam Akta 341 berkenaan kewajipan untuk memaklumkan jika berlakunya kebakaran ke atas premis, kenderaan atau *vessel*, pemunya atau penghuni premis itu atau pemunya atau penghuni kenderaan atau *vessel* hendaklah serta-merta memberitahu balai bomba yang berdekatan. Peruntukan ini menetapkan supaya apa-apa kes kebakaran dapat dimaklumkan dengan segera kepada JBPM. Kegagalan memaklumkan kebakaran dengan segera boleh mengakibatkan kebakaran menjadi besar dan sukar dikawal.

Fasal 20 adalah pindaan kepada seksyen 62 Akta 341 dengan memberi kuasa kepada Menteri. Antara lainnya untuk menetapkan jumlah denda bagi kesalahan dalam peraturan sehingga RM10,000 dan tempoh pemenjaraan sehingga kepada tiga tahun.

Fasal 21 adalah penggantian Jadual Kedua Akta 341 bertujuan untuk menyusun semula pangkat Pegawai Bomba, Pegawai Bomba Bantuan dan Pasukan Bomba Sukarela.

Fasal 22 adalah bagi mengadakan peruntukan kecualian dan peralihan kepada akta yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya, cadangan pindaan-pindaan yang saya terangkan dan bentangkan tadi adalah bertujuan untuk membolehkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berfungsi dengan berkesan dan cekap bagi melindungi nyawa dan harta daripada risiko kebakaran, kecemasan dan tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong.

**4.48 ptg.**

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya. Kita boleh— Yang Berhormat, boleh hadkan masa Yang Berhormat ya.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ya. Saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bolehlah sepuluh minit seorang Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ya. Saya menyokong cadangan pindaan yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi dalam usaha menjadikan peruntukan akta ini lebih komprehensif dan untuk memasukkan peruntukan baharu yang berhubungan dengan Pegawai Bomba Sukarela, penubuhan pasukan bomba sukarela, organisasi keselamatan kebakaran di premis yang ditetapkan dan perkara-perkara lain yang berkaitan. Sebab saya melihat bahawa penubuhan ini juga dapat mewujudkan satu *task force* di premis yang tertentu dalam kalangan orang awam atau pekerja dalam memastikan apabila terdapat ataupun berlaku bencana di premis yang berkenaan, langkah pencegahan boleh dilakukan dengan segera oleh *task force* yang tersebut.

Pelaksanaan tersebut memang saya lihat sangat penting kerana tempat-tempat ataupun premis yang berisiko tinggi ini contohnya bangunan tinggi seperti hotel, hospital dan juga pusat membeli-belah antara lain yang boleh dikatakan sebagai berisiko. Jadinya, penubuhan OKK ini memang sangat penting dalam memastikan sesetengah kawasan belum dapat perlindungan bomba yang sewajarnya mempunyai langkah pencegahan asas yang mencukupi sekiranya berlaku sebarang bencana.

**■1650**

Buat masa sekarang ini, masih ada lagi kawasan yang tidak mendapat akses. Ada akses tetapi mungkin jauh daripada perlindungan bomba itu secara menyeluruh. Contohnya, seperti di pulau-pulau, kepulauan ataupun daerah-daerah yang terpencil, termasuklah saya bagi contoh di kawasan Parlimen saya pun. Kalau berlaku kebakaran, ia akan mengambil masa dalam lebih kurang 30 hingga 45 minit ke satu *area* di kawasan Parlimen saya, disebabkan kekangan tidak mempunyai bomba di sana. Akan tetapi kalau kita bagi contoh di kawasan kepulauan yang kalau kita tengok memang pesat dengan industri pelancongan dan menjadi tumpuan orang ramai, terutamanya pelancong. Saya tengok tempat macam ini memang perlu ada perlindungan asas yang sepatutnya dalam usaha untuk mencegah bencana kebakaran. Oleh sebab itulah saya tengok perubahan

ini sangat perlu dilaksanakan dengan segera untuk menjaga, terutamanya keselamatan orang ramai.

Ia ada data purata tahunan yang JBPM ada menerima 90,000 panggilan kecemasan sepanjang tahun. Akan tetapi saya dimaklumkan, mungkin data ini Yang Berhormat Menteri boleh sahkan kemudian. Ada terdapat lebih kurang hanya 287 balai bomba di seluruh negara pada masa ini. Jadinya, pada saya sudah tiba waktunya pindaan ini perlu dilaksanakan dalam memastikan bahawa tindakan awal itu dapat dilaksanakan.

Dalam keupayaan, selain daripada itu keupayaan JPBM pada masa ini saya tengok, kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju yang lain, kalau negara maju yang lain kadar *response timenya* selalunya yang diamalkan adalah 10 minit untuk pergi ke premis yang terlibat. Kadar ini mestilah memenuhi 80 peratus daripada kadar panggilan kecemasan yang diterima. Akan tetapi di Malaysia, kalau Yang Berhormat Menteri boleh maklumkan juga ini untuk rekod mengenai— hanya mencapai 45 hingga 80 peratus yang sepatutnya. Jadi, sebab itulah saya percaya bahawa perlunya perkara ini berlaku.

Cuma saya hendak menanyakan sedikit, adakah respons ini lewat mungkin disebabkan kekurangan staf di JPBH ataupun masih kurang lagi balai bomba itu sendiri? Jadi Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya saya menyokong apa juga pindaan yang telah dinyatakan tadi, yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Saya menyokong inisiatif kerajaan ini. Ini secara tidak langsung adalah merakyatkan perkhidmatan agar ia dapat dilaksanakan dengan sewajarnya, selari dengan agenda negara dan juga menggalakkan penglibatan orang awam terhadap perkhidmatan kesukarelawan. Dengan itu, saya menyokong pindaan ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepong.

#### **4.53 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya saya berharap dengan rang undang-undang ini kita dapat meningkatkan kecekapan dan juga keberkesanan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi di dalam mencegah kebakaran di Malaysia. Di sini saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan berkenaan pasukan bomba sukarela. Oleh sebab itulah maksud salah satu pindaan utamanya, hendak menubuhkan, mengawal, menguruskan pasukan bomba sukarela.

Di sini kita nampak ada tiga jenis, bomba biasa, bomba bantuan dan bomba sukarela. Bolehkah Yang Berhormat Menteri terangkan apakah perbezaannya dan bilangan? Misalnya, bilangan bomba biasa, bomba bantuan dan juga bomba sukarela. Di

sini Tuan Yang di-Pertua, yang menimbulkan syak wasangka saya sebelum ini kerana sekolah-sekolah tahfiz, misalnya di Kuala Lumpur banyak nyawa terkorban. Saya diberitahu bahawa pihak Kerajaan Persekutuan sudah memperuntukkan wang untuk memperbaiki keadaan. Saya berharap ini dilakukan.

Akan tetapi walau bagaimanapun, misalnya pada 13 Februari, Bangunan KWSP. Saya pun tidak nampak laporan mengenai kejadian itu. Oleh sebab bagi saya, satu perkara yang tidak semestinya dibenarkan berlaku. Oleh kerana tahun lepas, berapa bulan sahaja, di London berlaku kerana kebakaran di dalam satu pangsapuri *Knightsbridge*. Di situ lebih 70 orang terkorban. Di situ kita nampak punca-punca kebakaran seperti di Bangunan KWSP yang balutan bangunan itu terbakar.

Walaupun dikatakan ada ikut peraturan dan sebagainya tetapi di Malaysia, saya nampak Yang Berhormat Menteri, saya berharap kawalan itu walaupun kita ada pasukan. Saya nampak pasukan bomba kita di dalam kejadian kebakaran ini ada menjalankan tugas, mereka memang menjalankan tugas. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Menteri, saya berharap dapat meningkatkan kawalan bagi bangunan-bangunan seperti pangsapuri, banyak yang dibina sekarang di sekitar Kuala Lumpur, di bandar-bandar Malaysia, bangunan yang tinggi.

Di sini saya hendak menekankan bahawa perlulah kita mengadakan kawalan yang lebih ketat ke atas semua bangunan yang tinggi ini. Kadangkala saya ada naik, nampak misalnya di bangunan tinggi itu untuk orang-orang berpendapatan rendah di Taman Fadason. Saya ada naik, nampak kelengkapan, kemudahan untuk bomba. Kadangkala tidak dikawal, ada yang hilang dan sebagainya. Di sinilah sebelum berlaku kebakaran seperti di *Knightsbridge* di London, kita mengambil tindakan yang berkesan yang disebutkan itu keberkesanan untuk mencegah di seluruh Malaysia supaya tidak berlaku masalah kebakaran yang serius, yang mengorbankan nyawa. Di sini saya berharap dengan ucapan yang singkat ini, Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian supaya yang saya sebutkan sekali lagi, kawalan dipertingkatkan di seluruh Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi.

**4.58 ptg.**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, beri peluang saya berbahas. Saya cuba secepat mungkin. Nombor satunya, saya ucapkan tahniah kerana rang undang-undang ini dapat kita-membantu kita melengkapkan negara untuk membuat persiapan-persiapan yang perlu

sebab kita akan menjadi negara maju. Akan tetapi saya setuju macam Yang Berhormat Parit Sulong tadi kata, kalau 10 minit dan *response time* kita 48 peratus sahaja. Dibandingkan dengan negara-negara maju, lagi dua tahun hendak menjadi negara maju, mereka puratanya 80 peratus *response time, below 10 minutes*.

Jadi, saya rasa usaha ini amat baik kerana kita— kalau kita hendak 80 peratus dengan anggota bomba yang secara penuh, sudah tentu bajetnya akan melambung-lambung tinggi. Jadi, usaha ini untuk menggerakkan pasukan bomba bantuan dan yang paling baik sukarela. Kita juga ada organisasi OKK kawasan kebakaran, dengan ini kita akan mendapat *multiply* atau menggandakan kapasiti kita untuk memberi perkhidmatan bomba yang terbaik. Saya rasa ini perlu sebab apa, kita hendak kena ada bangunan tertinggi di dunia. Tidak lama lagi kita hendak siap *Signature Tower*, kita hendak ada terowong-terowong, macam-macam terowong. Kita ada terowong SMART, kita besok ada terowong— Pulau Pinang tidak tahu bila, tetapi terowong di ECRL pun ada terowong.

#### ■1700

Kita hendak ada *high speed train*. Kita ada infrastruktur bertaraf dunia, contoh di Rapid dan kawasan sekitarnya. Kita ada peluang-peluang besar. Jadi keupayaan kebombaannya mesti dipertingkatkan. Ini satu beban yang bukan mudah sebab kita kena melihat pencegahan ini adalah kos yang mahal, kalau kita tidak gunakan rang undang-undang ini untuk kita gerakkan bomba bantuan dan bomba sukarelawan.

Saya juga hendak sebut di sini, bomba sukarela ini di kawasan-kawasan kampung— negara kita ini yang maju di kawasan bandar tetapi kita juga ada kawasan-kawasan terdedah di kawasan-kawasan kampung yang perlu khidmat kebombaannya. Itu sebab kita ada sukarela dengan bantuan ini amat baik.

Saya hendak beritahu sedikit. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Jasin. Baru-baru ini rumah anak saudara saya terbakar. Dalam masa beberapa minit sahaja habis, Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua, habis. Salah satu sebabnya kerana litar pintas. Kita lihat akhir-akhir ini di kawasan saya banyak rumah berlaku kebakaran sebab kepekaan tentang kebakaran ini masih kurang lagi, Yang Berhormat Menteri. Kita lihat rumah-rumah contoh kita buat 30 tahun dahulu tiba-tiba rumah sudah tambah, sudah ada komputer, sudah ada peti ais, ada televisyen, televisyen sampai tiga, empat, ada komputer, jadi beban kepada *wiring* ini ataupun pendawaian ini tidak cukup. Jadi ini menyebabkan insiden litar pintas ini berlaku dengan begitu banyak.

Jadi kita kena ambil sesuatu supaya dengan adanya bomba sukarela ini atau organisasi kawasan kebakaran ini dapat kita pertingkatkan, maka budaya menjaga harta-harta ini dapat kita tingkatkan. Tahun lepas saya difahamkan bomba berjaya menyelamatkan RM2.8 bilion harta daripada terbakar. Potensi untuk kebakaran RM19

bilion. Jadi kalau kita tengok ini dan ditambah pula kehadiran banyak bangunan tinggi, kompleks-kompleks yang lebih besar, pelabuhan-pelabuhan, terowong-terowong, maka keperluan untuk mengadakan kapasiti kebombaannya ini dengan lebih efisien mesti kita utamakan.

Saya sokong kalau kita ada bomba sukarela ini, kita bagilah mereka elaan supaya mereka lebih *motivated*. Di samping itu, kita boleh gunakan mereka atau kita *employ* mereka menjadi ejen-ejen untuk membudayakan menjaga harta atau premis kita dan mencegah kebakaran sebelum ia berlaku.

Jadi ini adalah perkara-perkara yang saya rasa amat penting yang saya dapat lihat dalam rang undang-undang ini boleh kita realisasikan. Atas sebab itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Kalau boleh, kita juga beri perhatian sikit dan bajet untuk kita melibatkan masyarakat lebih peka, lebih faham dan mereka tahu bagaimana hendak bertindak apabila berlakunya potensi-potensi kebakaran ini.

Jadi, saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Langat.

### 5.03 ptg.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Saya menyokong penuh Akta Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018 ini dalam usaha menaik taraf pegawai-pegawai bomba terutama pegawai-pegawai bomba sukarela dan pegawai bomba bantuan yang sentiasa bertugas berkorban jiwa, tenaga dan masa bagi memberi perlindungan dan keselamatan nyawa masyarakat dan harta benda.

Perkhidmatan bomba dan penyelamat bukan sahaja tertumpu kepada pencegahan kebakaran semata-mata tetapi skopnya meluas kepada perlindungan dan keselamatan kendalian bahan kimia termasuk petrokimia, bahan biologi termasuk mikrob, bahan patologi, haiwan berbahaya, bahan radioaktif dan sinaran, elektrik dan mekanikal dan lain-lain lagi.

Soalan saya, adakah kementerian atau Jabatan Bomba dan Penyelamat memberi latihan yang lengkap mengikut fungsi perlindungan dan keselamatan di atas?

Tuan Yang di-Pertua, saya memang terlibat secara langsung dengan penubuhan bomba sukarela di kawasan saya sejak tahun 2008 lagi dan cukup berminat mengaktifkan



aktiviti kebombaan dalam membantu masyarakat secepat mungkin sebelum Jabatan Bomba dapat meneruskan pencegahannya.

Soalan saya, sejauh mana anggota bomba sukarela ini dan bomba bantuan ini boleh berperanan dalam membantu masyarakat dalam pencegahan kebakaran dan keselamatan-keselamatan lain yang saya sebut di atas tadi? Apakah persiapan awal latihan? Adakah mereka juga terlibat dengan pemeriksaan bangunan-bangunan yang berhampiran dengan kawasan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan, sejauh mana minat anak-anak muda dalam menjadi sukarelawan bomba bantuan ini termasuk mungkin pelajar-pelajar sekolah dan juga universiti dalam mengikuti kursus-kursus keselamatan yang ditawarkan oleh bomba dan juga mereka terlibat terus atau langsung dengan aktiviti pencegahan kebakaran dan keselamatan yang lain?

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju pindaan dalam seksyen 18 dengan menambah selepas subseksyen (2) dengan subseksyen (3) iaitu kemudahan menggunakan air oleh Jabatan Bomba tanpa bayaran. Ini memberi kebebasan yang luas kepada bomba kerana kadang-kadang bomba menghadapi kesukaran dalam membantu kebakaran kerana kekurangan air. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

#### **5.06 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih bagi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini.

Saya kira pindaan yang akan dibuat ini memberi nafas barulah terutamanya kepada bomba sukarela kerana setelah sekian lama orang-orang di kampung ataupun di taman-taman yang berminat dengan pertubuhan dan persatuan kumpulan sukarela ini tidak mendapat perhatian yang serius. Kadang-kadang semangat yang ada kuat itu jadi lemah sebab tidak ada kelengkapan yang cukup, tidak ada segala benda yang penting untuk membantu mengelakkan kebakaran.

Jadi saya kira akta ini pentinglah untuk merakyatkan perkhidmatan bomba dan untuk meningkatkan kecekapan dan juga menyelamatkan nyawa dan harta. Kita lihat pindaan undang-undang tahun 1988 ini, pindaan yang terakhir pada tahun 1994. Dengan pertumbuhan penduduk dan kepadatan penduduk, pertumbuhan bandar dan kampung dan sebagainya, sudah tentulah pindaan ini amat perlu supaya mengelakkan kerugian-kerugian yang berlaku. Kita lihat banyak kebakaran yang berlaku. Kadang-kadang kita

rasa macam kita tidak berapa serius sebab apabila berlaku kebakaran, riuh sekejap, kemudian kita terdiam semula dan perkara ini dilupakan.

Jadi kalau dilihat peruntukan yang membolehkan pendaftaran dan kawal selia PBS diletakkan di bawah Akta 341 ini sedangkan sekarang ini ia tertakluk di bawah Akta Pertubuhan, jadi dengan ini banyak latihan dapat dibuat dengan lebih istiqamah, dengan lebih tersusun lagi. Malah boleh tolong bantu lagi untuk menambahkan, seperti saya kata tadi, alatan dan PPE umpamanya. Juga boleh membantu lagi mungkin untuk membina balai baru umpamanya, untuk persatuan sukarela ini.

Apa yang saya dapat lihatlah terutama di kawasan saya di Parlimen Bagan Serai, kita ada dua PBS. Satu di Bandar Bagan Serai yang telah wujud sejak tahun 1991 dan mereka ini rata-ratanya masyarakat Cina di bandar. Ahlinya saya *check* sekarang ini seramai 330 orang. Permintaan mereka ialah mohon tapak yang sesuai. Ada satu tapak yang sesuai yang tidak digunakan di sebelah *basketball court* itu di Taman Bagan Serai. Sudah banyak kali cakap tetapi tidak mendapat kelulusan. Sekarang ini mereka bertapak di belakang restoran di bandar. Belakang restoran itu ada satu kampung, kawasan yang sempit, tidak sesuai. Sudah tentu tidak sesuai. Ini ramai. Kalau saya lihat, masyarakat Cina lebih sensitif dan lebih aktif dalam membentuk pasukan bomba sukarela ini.

Satu lagi ialah di Pekan Alor Pongsu. Ahli cuma 30 orang dan alatan memang tidak cukup. Pernah mereka cakap pada saya, duit hendak bubuh minyak, duit hendak jaga ini, duit jaga itu. Saya pun tidak faham struktur yang sebenarnya bagaimana masa itu. Jadi dengan adanya pindaan ini, sudah pasti ia duduk dalam Akta 341 ini, saya yakin ia akan lebih tersusun.

#### ■1710

Mereka-mereka ini akan menjadi lebih bersemangat lagi dan lebih serius lagi kerana ini melibatkan nyawa. Kita sudah elok semua sudah, belajar sudah pandai, makan sudah sihat, semua benda terbakar habis macam itu sahaja. Belajar sudah teruk-teruk, kerja sudah kuat-kuat sudah...

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Yang Berhormat Bagan Serai sedikit. Sedikita sahaja di belakang.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:**...hidup sudah elok sudah tiba-tiba rumah terbakar mati macam itu sahaja. Silakan.

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai, pada pandangan saya dengan adanya pindaan ini membolehkan lebih banyak lagi pasukan bomba sukarela ini ditubuhkan bagi membantu sekurang-kurangnya pada peringkat awal sebelum anggota bomba yang sebenarnya datang.

Jadi mereka juga boleh membantu kerja-kerja awal sekurang-kurangnya kerana bila ada kelonggaran yang macam ini, bila terus di bawah terus di bawah pasukan bomba tidak lagi mendaftar dengan ROS mungkin banyak halangan-halangan dan sebagainya dan ini secara tidak langsungnya memperbanyakkan pasukan-pasukan bomba sukarela ini dan kita harap bomba tidak ada halangan kalau sekiranya lebih banyak pasukan sukarelawan bomba ini ditubuhkan di setiap daerah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Jerantut memang betul sebab apa apabila ditubuhkan lebih banyak jadi keadaan akan lebih terkawal mereka dapat memberi bantuan awal sebelum pasukan bomba yang *full time* ini dapat datang.

Jadi kalau saya lihat...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sila.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tanya Yang Berhormat Bagan Serai – tiga perkara. Nombor satu organisasi kawasan kebakaran ini 8000 lebih, saya rasa tidak cukup, kena diperluaskan lagi.

Keduanya, Suruhanjaya Siasatan Kebakaran ini kalau boleh mesti diperkasakan sebab kita hendak tahu bila terbakar itu kita hendak cepat kita dengar-dengar dulu cerita ada orang kata bila dia bankrap sahaja tidak boleh itu dia bakar tetapi kesannya kepada orang lain. Jadi ini mesti dikuatkuasakan.

Ketiganya, baru-baru ini di London terbakar lepas itu di KWSP. Ramai mati sebab tidak sempat alat itu sendiri menyebabkan kebakaran itu marak. Jadi apakah peranan kementerian untuk kawal ini. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya dengar Menteri dengar dengan serius. Menteri akan jawab.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Semua ambil masa saya ini. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya,ya.

**Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sekejap sahaja. Ini sebab pasukan bomba sukarela juga tempat saya pun ada cumanya ia mati maksudnya ia tidak ada lagi. Jadinya mungkin hendak tanya jugalah, minta Yang Berhormat Bagan Serai tanyakan juga kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana kementerian atau bomba

tempatan itu boleh membantu dalam menggerakkan mereka ini sebab kalau tidak ada orang yang *guide* dia tidak bergerak. Jadi bila dia tidak bergerak lama-lama *die off just like that* dengan izin. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Parit Sulong sebab itu saya kata tadi hangat-hangat tahi ayam akhirnya sebab apa semangat makin lunturkan jadi akan mati begitu sahaja – rugi.

Macam contohnya dia Alor Pongsu ini mereka memohon *portable pump* sebab apa di kawasan-kawasan parit dan kampung jentera tidak dapat masuk adalah *pick up* kecil untuk bawa tetapi jentera tidak dapat masuk jadi *portable pump* tidak ada. Ini alatan yang saya sebut tadi.

Yang PBS yang di bandar di Pekan Bagan Serai itu mereka pernah saya tengok buat jamuan besar-besaran kutip duit untuk beli barang untuk beli alatan-alatan dan sebagainya. Jadi ini yang satu perkara yang saya kira amat penting.

Alangkah baiknya kalau dapat dibuat, contohnya untuk bagi motivasi insentif bagi elaunlah bukan lah kita hendak bayar, bukan mereka minta bayaran pun tetapi kadang-kadang kalau ada elaun ini adalah kekuatan, adalah semangat lagi, ramai lagi hendak masuk sebab ini melibatkan nyawa sebenarnya.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang tentang organisasi keselamatan kebakaran...

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Bagan Serai sikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sila.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Bagan Serai ada menyebutkan tentang *allowance* dan sebagainya cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai adakah juga akan dimasukkan unsur-unsur insurans bagi tujuan kebajikan kepada anggota-anggota bomba sukarela ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tasek Gelugor itu tentu Menteri bersedia sangat hendak jawab itu nanti.

Saya hendak masuk kepada OKK ini. Organisasi keselamatan kebakaran yang diwujudkan untuk premis yang telah ditetapkan. Mungkin kita hendak tahulah kriteria

bangunan yang macam mana, setinggi mana, sebesar mana, sebahaya mana risiko kebakaran ini baru ditetapkan. Bagaimana juga kalau mereka-mereka yang sangat sensitif ada tetapi tidak sampai tahap yang ditetapkan tetapi bersedia hendak buat. Bagaimana pula adakah peruntukan.

Satu lagi saya hendak tanyalah kalau kita sudah ada contohnya dalam OSHA pun ada juga pun ada juga bahagian-bahagian kebakaran ini. Adakah mereka pegawai-pegawai ini terpaksa melalui kursus kali yang kedua dan melibatkan penambahan kos yang lebih tinggi lagi. Adakah kerajaan bersedia untuk memberikan pensijilan dengan hanya satu kursus kepada dua-dua untuk OSHA dan juga untuk OKK ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila cakap tentang kebakaran ini yang pentinglah *response time* maknanya bila kita sampai. Dia macam juga dalam kesihatan kalau orang kena *cardiac arrest, sudden cardiac arrest* dia cepat. Kalau *you* lambat, empat minit *brain death*, tujuh minit *irreversible brain death*, dengan izin. Jadi kalau lambat memang tidak boleh.

Sama juga kebakaran sebab itu bila kata *time* kita panggil bomba, dia bagi tahu bomba dia panggil pukul berapa, bomba sampai pukul berapa. Dia mesti tahu benda itu. Sebab apa *response time*. Negara maju *80 percent* dapat *less than 10 minutes* tadi disebut tadi kita *42 percent*.

Jadi bermaknanya banyak lagi yang perlu dibuat dan dengan pindaan ini saya rasa *insya-Allah* kita akan dapat pasukan bomba yang lebih baik, PBB lebih baik, PBS yang lebih baik hendak dapatkan menyelamatkan nyawa-nyawa, dapat menyelamatkan nyawa dan juga harta benda dan negara kita tidak akan kerugian. Hari itu bila sekolah tahfiz kebakaran kita lihat, kita hilang huffaz, bakal-bakal hafiz Al-Quran hilang dan juga banyak lagi harta benda yang lain-lain menjadi masalah.

Jadi saya Bagan Serai amat-amat *excited* teruja dengan pindaan yang akan dibuat ini dan berharap dia menjadi dan berharap dia menjadi satu kenyataan dan Bagan Serai sekali lagi menyatakan sokongan sepenuhnya kepada pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

### **5.16 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan mukadimah saya dengan memaklumkan sanjungan tinggi terhadap Jabatan Anggota Bomba dan Penyelamat. Syabas dan tahniah kepada setiap pengorbanan mereka. Kita sanjung setiap perkhidmatan mereka dan kementerian yang terlibat.

Pindaan rang undang-undang ini bertujuan menjadikan peruntukan akta ini lebih komprehensif untuk memasukkan peruntukan baru yang berhubung dengan penubuhan pegawai bomba sukarela, organisasi keselamatan kebakaran di premis ditetapkan dan beberapa perkara berbangkit yang lain.

Pertama sekali saya merujuk kepada pindaan kepada tajuk panjang di mana memasukkan dua elemen yang utama yang pertama sekali adalah kecemasan. Dulu kita ada perkataan seperti bahaya kepada nyawa, harta tetapi sekarang kita masukkan selain daripada kebakaran perkataan kecemasan. Saya minta Yang Berhormat Menteri menghuraikan sedikit tentang bagaimana kecemasan akan diguna pakai setakat akta perkhidmatan bomba ini.

Seterusnya kita juga dapat menikmati satu lagi pindaan kepada definisi iaitu definisi kelengkapan menentang kebakaran ataupun pemasangan keselamatan kebakaran. Dulu hanya (a) hingga (g) tapi kini kita masukkan (h), ini pun memang saya alu-alukan di mana kita meluaskan definisi dengan (h) iaitu mengawal asap merebak. Ini pun saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sedikit setakat mana definisi ini atau pentafsiran perkataan ini akan diguna pakai untuk akta ini.

Saya teruskan beberapa soalan spesifik Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali adalah setakat hari ini saya ingin Yang Berhormat Menteri menjelaskan tentang berapa ramai pegawai bomba sukarela yang telah berdaftar, itu yang pertama. Kedua, berapa banyak pasukan pegawai bomba sukarela yang telah didaftar.

Itu sebab saya mengakui sebelum ini memang ada masalah pendaftaran sebab dulu mereka terpaksa daftar dengan ROS di mana pendaftar pertubuhan banyak sangat elemen-elemen seperti mesyuarat bulanan, sumber kewangan perlu diurus dan sebagainya.

Jadi apabila pindaan ini dilakukan adalah sesuatu yang baik sebab mereka akan ditadbir oleh kementerian sendiri dan mereka boleh mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Jadi ini dua berkaitan dengan soalan yang saya bangkitkan tadi.

Soalan seterusnya iaitu Yang Berhormat Menteri ialah berkenaan bantuan kewangan dan kelengkapan yang perlu disalurkan kepada pasukan pegawai bomba dan sukarela. Kita menghadapi masalah di mana walaupun kita tubuhkan pasukan-pasukan begini tetapi jika tidak disalurkan dana kewangan untuk mereka membeli barang-barang kelengkapan banyak barang-barang kelengkapan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari dua-dua pihak.

Akan tetapi kalau dana tidak diagihkan kepada pasukan ini saya rasa hasrat mungkin akan terbantut walaupun hasrat ini adalah hasrat yang murni. Itu saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan.

■1720

Seterusnya Yang Berhormat Menteri saya perlukan penjelasan tentang apakah anggaran masa *response time* yang sewajarnya untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Oleh sebab ramai yang bangkitkan *response time*. Ada yang kita bandingkan dengan negara-negara luar tetapi balik kepada Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, apakah *response time* yang dikatakan sewajarnya oleh kementerian. Adakah ia selaras dengan permintaan antarabangsa?

Saya juga pada tahap yang sama ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang taburan balai bomba dan penyelamat di seluruh negara. Adakah taburan ini, maksud saya taburan adalah keluasan jarak daripada kawasan perumahan dengan bomba ini adakah ia memadai juga standard antarabangsa yang telah ditetapkan atau ada perlu penambahbaikan yang perlu dilakukan? Adakah dengan menyelitkan pasukan bantuan sukarela ini akan membantu untuk kita mencapai standard antarabangsa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin masuk kepada aspek-aspek keselamatan kebakaran khususnya kepada peralatan mencegah kebakaran seperti pemadam kebakaran, penggera kebakaran, perenjis air dan sebagainya. Kita mendapati banyak bangunan, sekolah, hotel mahupun hospital menghadapi masalah *basic* tentang aspek keselamatan kebakaran.

Jadi pada tahap ini, saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri, komitmen kerajaan mengenai aspek-aspek keselamatan yang agak terbantut atau ketinggalan daripada teknologi moden sekarang.

Saya juga ingin membangkitkan isu seterusnya iaitu berkenaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam yang dikenali sebagai UKBS 1984 berlaku pindaan pada tahun 2012, Ordinan Bangunan yang *actually* diguna pakai untuk mencegah kebakaran bangunan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia dan Tuan Yang di-Pertua, ordinan ini telah diluluskan lima tahun yang dahulu tetapi hanya empat buah negeri sahaja yang mengguna pakai iaitu Sabah, Selangor, Terengganu dan Pulau Pinang.

Kita dapati negeri-negeri lain tidak mengguna pakai ordinan ini tetapi ini adalah satu ordinan yang baik. Saya teliti satu persatu peraturan yang ada di sana. Ia sepatutnya mencegah kebakaran khususnya kepada bangunan. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat bagaimana kita mewajibkan negeri-negeri selain daripada empat buah negeri

yang saya sebutkan tadi mengguna pakai ordinan ini dan mengatasi masalah berbangkit daripada kebakaran.

Isu seterusnya yang saya ingin berkongsi dalam Dewan yang mulia ini adalah berkenaan dengan pendawaian semula elektrik di kawasan-kawasan perumahan, sekolah dan hospital. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, bukan baru tetapi kejadian ini berleluasa sekarang. Contoh kebakaran sekolah agama dan tahfiz, kita ada kebakaran Hospital Sultanah Aminah, kita ada kebakaran sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah asrama penuh. Ini menunjukkan bahawa semua dikaitkan ataupun kebanyakan dikaitkan balik dengan pendawaian semula.

Saya balik kepada kawasan saya kawasan Kapar di mana banyak berlaku litar pintas, kebakaran kerana adalah pendawaian elektrik. Saya minta kerajaan untuk datang dengan satu peruntukan undang-undang yang mewajibkan isi rumah-isi rumah untuk melakukan pendawaian semula elektrik. Oleh sebab itu boleh menyelamatkan bukan sahaja nyawa malahan juga harta benda. Pendawaian semula elektrik Tuan Yang di-Pertua mengambil kos RM3,000 hingga RM5,000, RM6,000 bergantung kepada keluasan rumah masing-masing. Akan tetapi apabila berlaku satu kebakaran, nyawa yang hilang, harta benda yang hilang berpuluh-puluh, beratus-ratus kali ganda daripada kos pendawaian semula elektrik.

Saya balik kepada dua isu. Satu kesedaran isi rumah, pengguna. Satu lagi adalah tidak ada peruntukan yang menekan orang ramai melakukan pendawaian semula. So, saya minta cadangan ini diperhalusi oleh kementerian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, pada 18 Februari 2018, berlaku satu kebakaran di Kampung Bagan Hailam di Parlimen Kapar di mana 13 buah rumah secara sepenuhnya, *total lost* mengalami kebakaran. Manakala satu buah rumah lagi mengalami kerosakan bumbung dan dinding. Ia mengakibatkan mangsa 70 orang, dengan 38 orang lelaki dan 32 orang perempuan. Tidak ada kehilangan nyawa yang terlibat. Saya mengambil kesempatan ini untuk menghulurkan rasa simpati saya kepada mangsa-mangsa tersebut.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan apabila saya berada di kawasan tersebut tiga pili air di Bagan Hailam tidak berfungsi. Ini bukan sahaja di Bagan Hailam ini, malahan di beberapa kawasan di Parlimen Kapar juga kita menghadapi masalah di mana pili air tidak berfungsi. Saya tidak berniat untuk meletakkan sepenuh tanggungjawab kepada pihak kementerian sebab kami pun faham ada kalanya air ini dicuri, ada kalanya paip-paip ini dirosakkan dan sebagainya. Akan tetapi pada waktu yang sama, saya menuntut pihak kementerian...



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya masa sudah habis. Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ada masa lagi. Saya menuntut pihak kementerian untuk mengawasi kawasan-kawasan ini supaya sekiranya berlaku malapetaka kebakaran ini, pihak bomba dan pasukan-pasukan penyelamat yang lain seperti pasukan sukarelawan ini mempunyai pili-pili yang berfungsi dan sebagainya. Tidak guna kita mereka badan-badan ini, tubuhkan pasukan-pasukan ini tetapi apabila sampai dekat sana, pili air tidak berfungsi, air tidak ada. Ada juga satu *problem* di mana tekanan air amat kurang.

So, ini semua perlu dipandang secara holistik baru saya secara peribadi boleh menghargai bahawa akta ini bersifat komprehensif. Saya setuju pada asasnya akta ini bersifat komprehensif tetapi dari sudut praktikalnya perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi perlu diperhalusi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor. Selepas itu Yang Berhormat Jelutong, kemudian Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 5.27 ptg.

**Dato' Sri Dr. Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negara ku Malaysia. Pertamanya saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Usul Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba (Pindaan) 2018.

Tuan Yang di-Pertua, bomba dan rakyat berpisah tiada. Inilah ungkapan yang ingin saya nyatakan tanda penghargaan saya kepada tugas anggota bomba di negara kita terutama sekali dalam operasi menyelamatkan dan juga memastikan keselamatan rakyat terjaga.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kementerian terutamanya Yang Berhormat Menteri KPKT Tan Sri Haji Noh bin Omar di atas tindakan beliau yang begitu komprehensif dan proaktif terutama sekali dalam melakukan transformasi dalam aspek memperkasakan benteng kedua pasukan keselamatan dan bencana negara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas pengumuman Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan sokongan Yang Berhormat Menteri terutamanya dalam pembinaan balai bomba baru di Bandar Puncak Alam, Parlimen Kuala Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, sejak ditubuhkan bomba sukarela ini pada tahun 1987, bomba sukarela telah memainkan peranan yang sungguh efektif dan memberikan manfaat yang amat bermakna kepada masyarakat tempatan. Bomba sukarela pada hemat saya dilihat telah berjaya membantu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sebagai *emergency response team* untuk memberikan bantuan awal tugas-tugas kebombaian termasuk pepadaman kebakaran, kemalangan dan keselamatan yang lebih berkesan.

Bukan itu sahaja, saya melihat pasukan bomba sukarela ini juga berperanan sebagai jambatan yang menghubungkan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia terutamanya dengan masyarakat dalam usaha untuk memupuk kesedaran kepada orang awam tentang pentingnya pengetahuan mencegah kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian terdapat batu penghalang di antara bomba sukarela dengan pihak JBPM apabila ketika ini mereka perlu didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS). Justeru itu pada hemat saya, usul bagi meminda Akta Perkhidmatan Bomba 1988, Akta 341 ini adalah sangat perlu dan bertepatan terutamanya bagi membolehkan pasukan bomba sukarela didaftarkan terus di bawah JBPM agar pengurusan, latihan, kawal selia ke atas bomba sukarela dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan efisien.

#### ■1730

Saya juga ingin mencadangkan agar pasukan bomba sukarela ini dapat diperluaskan bukan hanya dalam konteks taman perumahan tetapi juga di sekolah mahupun di universiti-universiti supaya semangat terutama sekali ilmu mengenai langkah-langkah pencegahan kebakaran ini dapat diterapkan sehingga ke peringkat akar umbi.

Selain daripada itu, kualiti perkhidmatan pihak bomba adalah saling berkaitan dengan *response team* dengan izin, iaitu tempoh yang diambil oleh pasukan bomba dan penyelamat untuk sampai ke destinasi sebaik sahaja menerima panggilan kecemasan. Amalan terbaik di peringkat antarabangsa di bawah 10 minit dan bagi berkawasan berisiko tinggi dan juga sederhana. Hari ini pencapaian pasukan bomba dan penyelamat adalah 48 peratus daripada kawasan yang berisiko tinggi dan sederhana dalam tempoh bawah 10 minit berbanding pencapaian lebih lapan peratus di kebanyakan negara-negara maju. Antara faktor yang menyumbang kepada pencapaian ke kawasan kemalangan adalah kerana mendapat kerjasama daripada pasukan bomba sukarela dan pasukan bomba bantuan daripada penduduk setempat.

Sehubungan dengan itu, saya yakin dan percaya dengan pemerkasaan bomba sukarela ini ianya pasti akan mampu untuk mempertingkatkan pencapaian pihak bomba dan penyelamat kepada kawasan-kawasan kemalangan. Saya juga melihat kerjasama

NBOS antara bomba dan nelayan juga. Dengan wujudnya Kumpulan Keselamatan Nelayan (KUKENAL) di bawah LKIM yang dibantu oleh pihak bomba adalah bertepatan apabila akta ini pindaan-pindaan ini diluluskan kelak.

Saya juga melihat dengan adanya Suruhanjaya Siasatan Kebakaran yang dinyatakan dalam pindaan seksyen 45 itu, ia sudah tentu memungkinan bahawa kepentingan bagaimana Suruhanjaya Siasatan Kebakaran ini boleh diaktifkan terutama sekali dalam memastikan soal-soal menangani dan pencegahan kebakaran ini dapat dilakukan awal menerusi pendidikan-pendidikan mahupun dengan mewujudkan juga daripada suruhanjaya ini satu tabung terutama sekali apabila rumah-rumah yang terbakar disebabkan litar pintas dan sebagainya. Mungkin dengan adanya suruhanjaya ini boleh memastikan bahawa wujud langkah-langkah preventif atau pun langkah-langkah untuk membantu mangsa-mangsa khususnya bagi rumah-rumah yang terbakar khususnya apabila berlaku masalah kebakaran.

Saya juga amat berharap memohon kerjasama daripada pihak kementerian terutamanya mengenai balai bomba di Bestari Jaya, Ijok, Kuala Selangor yang pada hemat saya memerlukan sedikit sebanyak suntikan dan juga pemerhatian khususnya apabila keadaan kemudahan di balai bomba tersebut dalam keadaan yang memerlukan perhatian daripada pihak kementerian sama ada dari segi kemudahan anggota bomba mahupun dari segi kereta bomba yang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga untuk menjawab tuduhan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab bahawa tujuan pindaan rang undang-undang ini dibuat adalah bertujuan untuk membolehkan pihak kerajaan mengambil alih peranan kemudahan serta kelengkapan yang dimiliki oleh bomba sukarela sekiranya pertubuhan itu berdaftar dengan JBPM. Pada hemat saya jika difahami dengan mengetepikan unsur-unsur politik sebaliknya memberikan penekanan kepada kebajikan dan keperluan pindaan ini dibuat, saya amat yakin dan percaya jika bomba sukarela ini didaftarkan di bawah ROS mereka tidak akan ada akses kepada latihan-latihan menyelamat yang sebenar atau tatacara kerja yang sistematik sekiranya berhadapan dengan sesebuah bencana.

Sehubungan dengan itu dengan adanya pindaan ini sudah tentu bagi hemat saya yang mana hari ini kerjasama NBOS di antara pihak nelayan dan juga pihak bomba sedikit sebanyak boleh merencanakan lagi pertambahan anggota bomba sukarela terutama sekali di kalangan nelayan terutamanya kerana pada hemat saya bila berlakunya masalah banjir besar sama ada berlaku baru-baru ini di Pantai Timur, dengan adanya tunjuk ajar dan latihan oleh pihak bomba, golongan nelayan ini boleh ke hadapan untuk melakukan operasi menyelamat dan sebagainya.

Di samping itu juga pada hemat saya dengan adanya pindaan akta ini, sudah tentu pihak kementerian dan bomba bukan hanya daripada konteks kerajaan dan bomba tetapi juga menggalakkan aktiviti kesukarelawan terutama sekali di kalangan generasi muda terutamanya. Lebih-lebih lagi saya lihat ini boleh merancakkan lagi semangat keharmonian khususnya dalam menggerakkan pemikiran untuk mencegah kebakaran.

Di samping itu juga bomba sukarela ini juga boleh menjadi mata dan telinga khususnya bagi anggota bomba atau PBPM ini iaitu dalam konteks pasukan bomba dan penyelamat ini kerana ia setidaknya boleh memberikan satu galakan terutama sekali khususnya dalam kepadatan penduduk. Sebagai contohnya di kawasan saya Kuala Selangor kepada penduduk-penduduk yang semakin meningkat. Sudah tentunya dengan adanya bomba sukarela ini memberikan satu nafas baru kepada aktiviti kemasyarakatan bersama dengan persatuan penduduk yang mana saya lihat inisiatif yang digerakkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang hari ini terutama sekali di bawah KPKT memberikan satu gambaran bahawa semangat NBOS di kalangan penduduk, pasukan bomba sukarela, pasukan bomba bantuan begitu juga dengan pihak kementerian akan dapat diperkasakan untuk mewujudkan kesejahteraan dan juga keamanan di kalangan rakyat jelata.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua pada hemat saya pindaan ini adalah sangat perlu berdasarkan asas-asas yang telah saya kemukakan sebentar tadi. Oleh itu, Kuala Selangor menyokong pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelutong.

**5.37 ptg.**

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya, saya tertarik sekali dengan empat ciri-ciri penting yang ingin ditampilkan menerusi pindaan akta ini. Yang pertamanya ialah begitu mustahak sekali untuk kita mewujudkan organisasi keselamatan kebakaran (OKK). Yang kedua ialah untuk mewujudkan Suruhanjaya Siasatan Kebakaran. Yang ketiga membangunkan keseragaman pakaian dan juga tanda bagi semua peringkat pasukan bomba sama ada pasukan bomba sukarela, bantuan atau pun pasukan bomba yang sedia ada. Keempat ialah dari segi pengiktirafan pangkat bagi pegawai bomba bagi pasukan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini lah merupakan kalau tidak silap saya julung kali jasa dan khidmat pasukan bomba sukarelawan itu diberi pengiktirafan yang setimpal di mana saya datang daripada kawasan kota, bandar di Jelutong, Pulau Pinang di mana terdapat begitu banyak sekali pasukan bomba sukarelawan yang termasuk antaranya

ialah PBS Paya Terubong, PBS Jalan Perak, Jelutong, PBS Ayer Hitam, PBS Bagan, Butterworth dan sebagainya.

Selalunya saya mengikut siaran berita apabila berlakunya sesuatu kejadian kebakaran sering kali pasukan bomba sukarela ini yang merupakan *first on the scene and first on sight* dan mereka bukan berlumba-lumba untuk sampai ke tempat kejadian kebakaran tetapi saya rasa hasrat mereka ialah untuk membantu pasukan bomba kita ini dalam kerja-kerja menyelamatkan nyawa dan juga menyelamatkan harta.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terdapat juga syak wasangka yang telah pun disiarkan menerusi akhbar-akhbar tempatan apabila ura-ura akta ini akan dipinda dan di mana pasukan bomba sukarela itu akan dibawa ke dalam cakupan akta ini. Jadi, apa yang ditugaskan kepada saya sebagai wakil rakyat daripada Pulau Pinang ialah mereka hendak tanya kepada Menteri sama ada pindaan ini merupakan satu tindakan yang begitu— satu cubaan untuk mengambil alih dari segi semangat berkhidmat secara sukarelawan ini daripada apa yang mereka sedia melangsungkan selama ini sebab mereka merasakan yang pertama dari segi kelengkapan, mereka mendapatkan semua perolehan itu menerusi sama ada sumbangan daripada orang awam atau pun kutipan daripada malam jamuan amal dan sebagainya supaya dapat mereka melengkapkan segala fasiliti yang perlu dalam menjalankan kerja melawan kebakaran dan sebagainya.

■1740

Jadi, kalaulah mereka diletak di bawah cakupan Akta Perkhidmatan Bomba, pertanyaan mereka ialah sama ada organisasi mereka, kelengkapan mereka dan juga pertubuhan mereka sebagai satu badan amal itu akan terganggu gugat. Jadi, saya mintalah Menteri berikan sedikit keyakinan, sedikit insentif supaya rasa keraguan itu dapat dihakiskan.

Keduanya, yang ingin saya tampilkan dalam Dewan ini ialah daripada segi bahan bantuan dan juga kelengkapan yang barangkali kementerian dan juga kerajaan dapat fikirkan supaya dapat dihulurkan kepada pasukan-pasukan bomba sukarela ini. Ramai daripada pasukan bomba sukarela di Pulau Pinang amat memerlukan bantuan daripada segi kelengkapan. Daripada segi latihan, sudah terjalin pun kerjasama yang begitu erat antara bomba negara dan juga pasukan bomba sukarela, di mana mereka diberi akses kepada latihan dan juga *joint exercise* berkali-kali.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)*  
***mempengerusikan Mesyuarat]***

Daripada segi satu yang disebut dalam pindaan ini iaitu mengenai seksyen baru 4A, 4B, 4C dan 4D. Di mana ada disebut Bahagian IV, pegawai bomba sukarela tidak boleh dibayar apa-apa saraan selain apa-apa elaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. Jadi, saya mintalah menerusi Dewan yang mulia ini supaya Menteri dapat memberi lagi keterangan lanjut, di mana rangsangan dan juga motivasi yang lebih kukuh dapat diberikan kepada pasukan bomba sukarela. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### **4.42 ptg.**

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan daripada Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kuala Selangor dan Yang Berhormat Jelutong. Ada lapan Ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan-pandangan yang cukup bernas dalam menyokong pindaan akta ini dengan harapan kita bersama bahawa untuk mendapatkan perkhidmatan pasukan bomba yang lebih baik.

Seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa pasukan bomba ini yang bukan sahaja memadam kebakaran tetapi yang lebih penting ialah langkah-langkah awal mencegah kebakaran. Oleh itu, sesuai dengan soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Kepong tadi yang bertanya beza di antara bomba-bomba ini supaya kita lebih jelas, di mana ditanya tiga jenis bomba. Bomba biasa, bomba bantuan dan bomba sukarela. Bomba biasa, kita sedia maklum bahawa bertugas di seluruh balai. Melakukan kerja pemadaman kebakaran dan kerja-kerja penyelamat, pegawai bomba biasa. Ini kakitangan penuh Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Kedua ialah bomba bantuan. Bomba bantuan ini kita letak di balai-balai bomba dan dia bertugas secara *standby* atau *on call*. Peranan mereka sama seperti bomba sepenuh masa dan satu lagi golongan ialah bomba sukarela yang kita sedang bincang pada hari ini iaitu bomba sukarela ini ialah berada di balai bomba yang dibina oleh pasukan sendiri. Berfungsi sebagai pasukan awal memadam kebakaran di kawasan jagaan sebelum bomba sepenuh masa tiba.

Jadi, di samping itu ada juga satu lagi dipanggil bomba komuniti. Pun ada juga tetapi sekarang ini ia memang berdaftar di bawah penyeliaan bomba. Jadi dengan penerangan tadi, saya harap jelaslah mengenai tiga bomba dan tiga peranan ini. Kita juga

ucapkan terima kasih kepada perhatian kerajaanlah, memberikan perhatian. Kalau sebelum ini, elaun khas pasukan bomba selalu dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

*Alhamdulillah*, kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah memberikan elaun khas RM200 yang dulu hanya polis, tentera sahaja dapat, sekarang ini bomba pun sudah dapat. Begitu juga dengan elaun pasukan bomba bantuan. Ini pun telah pun diumumkan iaitu kenaikannya naik juga RM2 satu jam kepada anggota dan juga pegawai sebagaimana yang telah pun diumumkan yang elaun telah diberi kepada pasukan RELA dan APMM.

Jadi, kita harap dengan penambahan ini, maka akan memberikan semangat kepada pasukan bomba kita. Hal ini ialah tugas kita yang ketigalah untuk kita nak mengambil, kita nak meletak pasukan bomba sukarela ini di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat. Juga Yang Berhormat Kepong ada tanya mengenai UBBL. Ada undang-undang berkenaan kawalan *facade* bangunan. Peraturan berhubung kawalan binaan, termasuk *facade* dinyatakan dalam UBBL. Bahagian VI dan juga Bahagian VII UBBL, Undang-undang Kecil 142 dan 144 ada.

Tadi Yang Berhormat Kapar pun saya dah sentuh UBBL ini. Saya ingat saya sentuh sikit. Memang benar baru sekarang ada empat negerilah yang mewartakannya. Akan tetapi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dalam mesyuarat Majlis Tindakan Kerajaan Tempatan peringkat negara yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Pada masa itu arahan telah pun diberikan kepada semua negeri hendaklah mewartakan undang-undang seperti mana Yang Berhormat nyatakan. Ini saya yakin dalam proses kerana undang-undang ini memang untuk kebaikan kita bersama.

Ahli Yang Berhormat Parit Sulong. Kenapa respons lewat di kawasan terpencil? Ini kita tak nafikanlah bahawa ramai yang bercakap mengenai *response time*. *Response time* ini memang standard kita ini memang 10 minitlah sepatutnya, 10 minit. Ada juga tindakan-tindakan yang kita ambil kurang daripada lima minit. Ia bergantung sejauh mana balai-balai bomba ini berada.

Kita tidak nafikan bahawa kadang-kadang ada tempat-tempat yang di pedalaman seperti yang banyak Ahli Yang Berhormat bangkitkan bahawa kita kadang-kadang agak lewat sampai kerana jarak perjalanan yang agak jauh. Oleh kerana itulah kerajaan berusaha untuk menambah balai-balai bomba. Setakat ini ada 29 balai bomba baru yang telah pun siap dibina, termasuklah ada di Kapar satu, ada di Kuala Selangor satu. Apabila kita tambah 29 balai bomba baru, tentu kita memerlukan anggota-anggota tambahan,

pegawai-pegawainya. Ini pun kita telah dapat memastikan bahawa kita mempunyai pegawai-pegawai yang cukup.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** *[Bangun]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang pembinaan balai bomba baru. Saya ingin tahu, adakah dalam perancangan pihak kementerian bercadang untuk membaik dan menaik taraf balai bomba yang memang berada di kawasan yang tak selamat? Terutama di musim banjir, terutama di Rantau Panjang memang setiap tahun berlaku banjir besar, memang balai bomba ini adalah kawasan yang berisiko. Memang tahun 2014, paras air di balai bomba sahaja paras pinggang. Oleh sebab saya pergi untuk mendapat pertolongan di balai bomba, pegawai-pegawai dan staf yang bekerja pun kata kami pun dalam keadaan habis peralatan pun tenggelam.

■1750

Jadi, apakah suasana macam ini menjadi keutamaan dalam menaik taraf balai-balai bomba yang seumpama ini? Minta penjelasan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya sambung sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berkaitan dengan balai bomba di Kapar. Saya difahamkan sudah selesai tetapi belum dioperasikan lagi. Ada apa-apa halangan yang dihadapi oleh kementerian? Kalau ada ruang, boleh jelaskan. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Yang Berhormat Rantau Panjang, kita tidak nafikan ada balai bomba baru ini, kita memang buat baru. Ada balai bomba yang kita tengok patut dinaiktarafkan, kita naik taraf. Ada balai bomba macam di Kuala Selangor, balai bomba ini dah terlalu lama, kita buat yang baru, tinggalkan yang lama. Jadi saya ambil perhatianlah mengenai Yang Berhormat di Rantau Panjang. Balai bomba terutamanya di Kelantan, di Rantau Panjang ini selalu, saya setuju, kalau dah bomba pun sibuk dengan hendak menyelamatkan harta benda sendiri, bagaimana mereka hendak membantu rakyat dan saya akan ambil perhatian.

Begitu juga dengan Yang Berhormat Kapar, balai bomba ini kita dah siap, kita akan rasmikan nanti. Mungkin dalam masa terdekatlah.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Senyuman itu menunjukkan semasa pilihan rayalah. *[Ketawa]* Janganlah. Janganlah, Yang Berhormat Menteri. Kebakaran di sana...



**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Apa pun, Yang Berhormat Kapar kena mempertahankan di Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Baling. Jadi saya rasa tidak perlu politikkan. Kalau boleh cepatkan sikit pun, boleh menyelamatkan banyak harta benda dan nyawa, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ia begini. Bila kita hendak buka yang baru, mesti ada pegawainya, mesti ada peralatan, mesti ada kereta bomba. Nanti kalau buka saja balai bomba, pegawai tidak ada, peralatan tidak ada, Yang Berhormat Kapar marah pula. Jadi sebelum Yang Berhormat Kapar hendak marah, biar kita *ready* dulu. Kita lengkapkan. Ingat dalam dua minggu lagi saya akan pergi rasmi setelah kita lengkap dengan peralatan kita cukup. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jangan lupa nak jemput ya.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Ya, kita jemput tapi itulah...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh?

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Tapi kalau saya hendak jemput Yang Berhormat, okey, bolehlah jemput sebagai rakyat Kapar. Hendak jemput sebagai Ahli Parlimen, kalau Parlimen dah bubar, Yang Berhormat bukan Ahli Parlimen lagi. Saya masih Menteri lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mantan.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri jemput Yang Berhormat Kapar sebagai adik sayalah. Jemputlah, jangan tinggalkan dia.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Jemput mantan. Saya akan jemput mantan Ahli Parlimen Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Baling akan memastikan saya kekal. Terima kasih. *[Dewan ketawa]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Akan tetapi baguslah, Yang Berhormat Kapar tengok saya senyum itu dia faham itu. Terima kasihlah.

Yang Berhormat Hulu Langat bertanyakan adakah KPKT, Jabatan Bomba dan Penyelamat memberi latihan mengikut fungsi perundangan dan keselamatan. Sememangnya kita menyediakan latihan yang bersesuaian mengikut keperluan. Latihan-latihan ini telah pun kita sedang jalankan.

Bagaimana minat anak muda dalam menjadi sukarela bomba dan mengikuti kursus keselamatan yang ditawarkan oleh bomba? Saya hendak maklumkan, ini juga tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Kuala Selangor tadi, menggalakkan bomba sukarela di kalangan pelajar dan juga pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi.

Saya yakin bahawa dengan pindaan ini, ia akan menjadi satu pasukan penyelamat dan pemadam kebakaran. Kerajaan komited untuk menyediakan beberapa faedah atau insentif seperti berikut— kita akan sediakan iaitu pertama, insentif perlindungan insurans berkelompok untuk melindungi kecederaan dan kematian kepada anggota pasukan bomba sukarela. Ia telah pun bermula sejak tahun 2013. Tadi ada dua tiga orang Ahli Parlimen tanya bagaimana kadar. Dahlah elaun tidak dapat, takkanlah insurans pun tidak dapat. Yang ini saya hendak nyatakan bahawa elaun ini sudah pun ada.

Kita juga ada memberikan geran bantuan kewangan tahunan sejumlah RM3,000 setiap pasukan bomba sukarela, pemberian jentera dan juga kelengkapan serta peralatan, membekalkan, dengan izin, *personal protective equipment*, elaun semasa bertugas dan menjalankan latihan, penyelenggaraan balai dan juga peralatan PVS.

Ini yang kita akan laksana dan saya yakin apabila sekarang ini pasukan bomba sukarela ini berada terus di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat dan di bawah kementerian, maka peruntukan-peruntukan tertentu mudah kita dapat. Seperti tahun ini, walaupun pada peruntukan asal kita lihat tidak ada peruntukan khusus untuk pasukan bomba sukarela tetapi kita telah pun dapat mencari peruntukan dalaman dan kita peruntukkan RM10 juta khusus untuk kita memberikan untuk membeli peralatan untuk kita bantu pasukan bomba sukarela.

Begitu juga dengan elaun. Tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai elaun. Memang di dalam undang-undang ini tentunya ada banyak elaun tetapi oleh kerana ianya baru di bawah kementerian KPKT, jadi mengenai elaun kepada persatuan bomba sukarela ini, kita akan laksanakan dan beberapa kaedahnya akan kita bincangkan di peringkat kementerian.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada latihan tadi, adakah pihak bomba bekerjasama dengan pihak universiti, institusi pendidikan untuk memberi pendedahan yang lebih lengkap mengenai aspek-aspek keselamatan yang lain? Itu maksudnya.

Keduanya, saya difahamkan bomba mengadakan kempen untuk mengajak anak-anak muda ini datang untuk mendaftar mengikuti kursus. Kalau nanti ada tugas, maka mereka akan diberi elaun. Jadi itu soalan yang saya tanya. Ada statistik tak? Ramai tak anak-anak muda kita yang berminat ataupun masih hambar lagi, masih tidak berminat? Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yang sukarela ini tidak ada pada saya tetapi saya kata tadi kalau pasukan bomba bantuan, ada 2,500 orang dan dalam pasukan bomba bantuan ini saya lihat bahawa memang ramai di kalangan anak-anak muda kita berminat. Kerana apa mereka minat jadi pasukan bomba bantuan? Jadi kalau mereka sebagai

pasukan bomba bantuan, dia macam pasukan bomba penuh dan selalunya kalau ada peluang kekosongan jawatan, selalunya kita akan memberi keutamaan kepada pasukan bomba bantuan.

Memang kita mengadakan kerjasama dengan IPTA. Kita ada kerjasama dengan USM, UKM dan juga UPM. Kita juga ada menubuhkan pasukan bomba bantuan di universiti. Jadi saya yakin bila pasukan bomba sukarela ini berdaftar di bawah Jabatan Bomba, kita lebih mudah untuk kita bergerak kerana selama ini seperti yang kita sedia maklum, ia di bawah ROS. Jadi di bawah kita, kita akan lebih boleh bagi pangkat dan sebagainya, uniform yang selaras. Jadi ini menunjukkan kita nak *move forward*, kita nak lebih membesarkan lagi anggota dan mungkin nanti sampai masa tiap-tiap Ahli Parlimen pun kita bagi pangkat yang agak tinggi, pesuruhjaya bomba kah— sukarela ini. Jadi ini kita akan menuju ke arah itu sebab hendak menggalakkan Pasukan Bomba Sukarela kerana masing-masing kita kena bersedia untuk menghadapi segala bencana ini.

Yang Berhormat Jerantut tadi dia ada membangkitkan tadi— atau dia mencelah tadi ini— adakah dengan pindaan ini akan dapat menubuhkan lebih banyak bomba sukarela bagi membantu pasukan bomba. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa pindaan akta ini akan memberi lebih banyak ruang untuk menambah bilangan pasukan bomba sukarela seluruh negara dalam usaha untuk kita memendekkan *response time* kita.

Yang Berhormat Bagan Serai membangkitkan apakah yang dimaksudkan dengan premis yang diwartakan. Untuk makluman Yang Berhormat, premis yang diwartakan adalah premis yang ditetapkan di bawah Perintah Perkhidmatan Bomba P.U.(A) 276/1998 yang mempunyai risiko kebakaran tinggi disebabkan oleh saiz bangunan yang besar, kompleksiti yang tinggi, bangunan yang tinggi, memproses atau menyimpan bahan berbahaya dan mempunyai risiko *sleeping risk* seperti *megamall*, hotel, bangunan tinggi, kilang yang berisiko tinggi, hospital, gudang dan sebagainya yang saya telah sebut tadi 2,000 lebih setakat ini dan kini ia akan ditambah daripada semasa ke semasa.

#### ■1800

Yang Berhormat Kapar, apakah bantuan peralatan dan kewangan oleh kerajaan kepada setiap PBS. Sebentar tadi saya telah pun sebutkan keseluruhannya. Kerajaan telah memperuntukkan RM1 juta untuk membantu PBS manakala bantuan jentera dan peralatan kepada PBS telah pun diberikan. Pada masa ini sebanyak 200 *volunteer fire response vehicle* telah disalurkan kepada PBS dalam masa terdekat sebanyak 50 lagi. Ini yang saya kata 50 kita peruntukkan lagi *another* RM10 juta yang saya sebutkan tadi kita peruntukkan RM10 juta untuk kita menambah lagi 50 buah VFRV. *Insyaa-Allah* kita akan memberikan dalam masa yang terdekat.

Sebentar tadi huraian mengenai kecemasan. Kecemasan yang dimaksudkan dalam pindaan ini adalah selaras dengan fungsi Jabatan Bomba dan Penyelamat. Sebagai contoh penyelamatan mangsa kemalangan atau mangsa runtuh bangunan. Ertinya erti kecemasan. Mengenai *response time* dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar pun tadi saya sudah jawab bahawa *response time* kita lebih kurang 10 minit. UBBL tadi pun saya sudah pun nyatakan dan tempat Yang Berhormat bangkitkan tadi betul tetapi hanya empat negeri dan ia perlu diwartakan di dalam Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Yang Berhormat Jelutong, peralatan sukarela jentera dan balai di miliki...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, dua isu sebelum masuk Jelutong. Berkenaan dengan pendawaian semula elektrik dan juga tentang kejadian di Bagan Hailam itu. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Betul, pendawaian buat masa ini untuk makluman Yang Berhormat apabila berlaku kebakaran di tahfiz hari itu, kerajaan telah memperuntukkan tidak silap saya RM50 juta untuk kita melihat pendawaian-pendawaian ini di mana untuk yang tahfiz ini dibuat oleh GIATMARA. Setakat ini saya dimaklumkan kita sudah habis sudah kita buat. Akan tetapi bila Yang Berhormat kata bangunan-bangunan ini, yang ini satu pandangan dan kita akan melihatlah pandangan Yang Berhormat sama ada perlu satu undang-undang baru untuk memaksalah.

Apabila dibuat undang-undang ini kalau rakyat tidak ikut kita boleh ambil tindakanlah. Ini satu pandangan yang positif. Saya bersetuju, biar kita buat undang-undang demi keselamatan mereka. Orang kata kalau sudah terbakar sudah terlewat kerana banyak tempat kita lihat. Sekolah pun kita dapati waktu dia mula-mula bekalan elektrik itu dibuat dia tidak ada dewan, sekarang ini dewan sudah ada, tambah dewan lagi. Dulu pakai kipas sekarang sudah pakai *aircond*. Banyaklah bangunan-bangunan tersebut dan ini selalunya kita akan bekerja dengan pihak TNB dan anggaran. Saya bagi contoh di Sekolah Menengah Dato' Harun, memang kita tengok kena buat pendawaian semula tetapi kosnya memang tinggi, kosnya memang tinggilah.

Walau bagaimanapun, pandangan Yang Berhormat saya ambil kira supaya pentingkan keselamatan. Mengenai bangunan yang Bagan Hailam ini di Kapar, Yang Berhormat pergi tengok ya? Saya tidak sempat pergi tetapi pegawai saya pergi tengok sudah. Perkara ini saya telah pun bawa di dalam Kabinet yang dibawa juga oleh Yang Berhormat daripada Ayer Hitam supaya kerajaan memberi bantuan segera. Kabinet telah pun meluluskan, saya sudah lupa, kalau tidak silap saya RM40,000 satu rumah, kalau tidak silap RM40,000 satu rumah. Perkara ini telah pun diluluskan tetapi kita akan bagi

jugalah mungkin minggu depan kah kita akan bagilah. Kalau Yang Berhormat- ini peruntukan memang sudah diluluskan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kerajaan Negeri Selangor pun melalui Exconya telah memberi bantuan. Akan tetapi persoalan saya adalah kepada tiga pili air yang tidak berfungsi. Itu perlu diutamakan. Di samping itu kawasan-kawasan perairan macam Pulau Ketam, pulau-pulau di Pulau Carey dan sebagainya yang agak jauh daripada balai bomba yang ada bomba sukarelawan. Saya rasa kadang-kadang pili-pili air tidak berfungsi.

Saya bangkitkan beberapa isu tadi contoh pili air yang rosak, pili air yang tidak berfungsi, ada air tetapi tekanan air tidak cukup. Ini bukan sahaja di kawasan kepulauan tetapi di kawasan taman dan sebagainya. Itu juga perlu kementerian pandang secara halusi dan bawa beberapa cadangan untuk memperbaiki ini dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Benar Yang Berhormat cakap pili air. Kita dulu pun ada satu program Rakan Pili tidak silap saya. Saya sendiri tengok kadang-kadang dengan kepala pili pun sudah habis, tetapi itu memang kita tidak nafikan. Sebentar tadi juga ada rakan membangkitkan mengenai rumah-rumah flat yang saya pergi ke rumah flat, segala peralatan bomba, hos dan sebagainya habis semua. Jadi kita bagi juga peruntukan, *but now* untuk kita hendak menjamin.

Sekarang ini secara dasarnya saya telah minta Jabatan Bomba dan kementerian kalau kita hendak bagi apa-apa bantuan untuk membaiki dan sebagainya pertama sekali kita hendak minta bantuan daripada penduduk setempat supaya tubuhkan bomba sukarela ataupun bomba komuniti kerana sekurang-kurangnya kita dapatlah orang yang bertanggungjawab untuk melihat perkara yang kita bagi. Pulau-pulau memang betul, sebab itu kita hendak cadang pasukan bomba sukarela ini biar banyak di pulau. Saya juga pergi ke Pulau Ketam dalam Parlimen Kaparlah. Saya pergi, saya tengok perlu bantuan. Saya sudah luluskan tidak silap saya cakap RM200,000 saya bagi, tolong Ahli Parlimen Kaparlah untuk pastikan rakyat di Pulau Ketam itu walaupun Ahli Parlimennya bukan BN tetapi demi untuk rakyat BN bagi jugalah bantuan kepada Pulau Ketam ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bila hal nyawa kita tidak boleh memperlihatkan politik. Di Selangor pun kita bantu walaupun mereka tidak mengundi kita so saya rasa bila bab-bab nyawa, keselamatan harta benda dia merentasi persempadanan politik.

Pada waktu yang sama Yang Berhormat Menteri, saya ingin membawa satu cadangan di mana bomba-bomba ataupun anggota-anggota bomba ini memantau, melakukan rondaan kepada pili-pili air mengikut satu kerangka mungkin tiga bulan sekali

atau enam bulan sekali untuk memastikan pili-pili bomba ini ataupun air di sana semua mempunyai tekanan dalam keadaan yang baik dan sebagainya. Ini perlu dilakukan sebagai satu pemantauan, sebab tiba-tiba berlaku dan tiba-tiba tidak berfungsi itu mengakibatkan kerugian nyawa dan harta benda. Itu pandangan saya Yang Berhormat, terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih. Kalau ikut laporan yang saya dapat daripada bomba, dia kata untuk pili ini memang ada bajet katanya. Kalau ada rosak kita akan baiki. Itulah yang saya kata tadi, kalau setakat baiki tetapi tidak ada orang berkawal, tidak ada orang tengok dia akan rosak lagi. jadi yang ini kita ada program sehingga kita tubuhkan satu program dinamakan Program Teman Pili Bomba. Kalau kata dekat Kapar ada pili-pili bomba yang rosak ini Yang Berhormat bagi tahu sayalah.

Walaupun Yang Berhormat tulis saya akan bantu. Saya bersetuju kerana untuk nyawa kita kena ketepikan fahaman politik. Saya sudah buktikan Pulau Ketam saya bagi RM200,000 untuk pasukan bomba sukarela di Pulau Ketam.

Yang Berhormat Jelutong dia bangkit adakah peralatan seperti jentera dan balai dimiliki pasukan bomba akan diambil alih oleh kerajaan setelah berdaftar dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat berdasarkan pindaan akta.

Terima kasih banyak Yang Berhormat bangkitkan soalan ini. Memang kita pun ada dapat maklumat balas seolah-olah apabila kita pinda akta ini kononnya kita hendak mengambil segala aset-aset mereka dan sebagainya kerana kita faham bahawa pada hari ini kebanyakan bomba-bomba sukarela ini mereka mencari punca kewangan mereka sendiri, mereka buat balai sendiri, mereka beli kereta sendiri, ada yang mereka ada aset mereka sendiri. Saya hendak memberikan jaminan kepada Yang Berhormat bahawa apabila PBS berdaftar di bawah Pendaftar Jabatan Bomba dan Penyelamat semua peralatan jentera dan balai yang dimiliki oleh mereka sebelum ini akan kekal menjadi hak milik mereka.

#### ■1810

Kita tidak akan ambil, kita tambah lagi ada. Bagi memastikan kecekapan dan kemahiran pasukan bomba sukarela, latihan secara berterusan akan diadakan kepada setiap PBS. Kerajaan juga akan membantu pasukan bomba sukarela dalam pembinaan balai, pengurusan kewangan, peralatan-peralatan perlindungan dan juga kelengkapan-kelengkapan lain. Jadi ini amat pentinglah untuk Yang Berhormat tolong saya sampaikan di bawah, janganlah terpengaruh dengan diayah-diayah yang mengatakan kami hendak ambil alih, kita tolong lagi.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Menteri, amat lega hati apabila kedengaran jawapan sedemikian. Memang saya cedok daripada siaran berita di

akhbar-akhbar tempatan apabila timbul isu tentang pindaan akta ini. Cuma saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanya untuk mencapai penjelasan dan hari ini saya dah dapat penjelasan daripada Menteri. Terima kasih banyak Menteri, terima kasih banyak. *[Tepuk]*

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Terima kasih banyak, saya pun ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana membangkitkan perkara supaya jangan ada kekeliruan di bawah. Jangan esok ada pula demonstrasi pula kata KPKT hendak ambil bomba, tidak. Kita akan bantu bomba yang sedia ada.

Akhir ialah Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Selangor. Saya hendak ucapkan, pertama hendak ucapkan terima kasih di atas inisiatif yang dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Selangor sebagai pengerusi LKIM di mana kadang-kadang kita terlupa, kita cakap bomba ini kita ingat asyik kebakaran saja tetapi untuk keselamatan di air. Jadi sebab itu baru-baru ini kita tubuhkan Majlis Aktiviti Air Negara kerana kita lihat mangsa kebakaran dengan mangsa mati lemas ini kalau saya tidak silap, lebih ramai yang mati lemas daripada yang jadi mangsa kebakaran. Jadi kerana itu kita tidak boleh pandang rendah, kita jangan pandang remeh mengenai mangsa-mangsa air, kerana itu kita tubuhkan majlis ini dengan harapan kita hendak memberikan kesedaran kepada rakyat apabila berada di air kena berhati-hati.

Terima kasih di atas proaktif yang dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. LKIM telah pun mengadakan kerjasama dengan jabatan bomba untuk aktiviti-aktiviti menyelamatkan di laut. Jadi kalau nelayan, kapalnya tenggelam atau botnya tenggelam, nak menyelamatkan dalam air, jadi ini satu NBOS yang cukup baik. Terima kasihlah kepada Yang Berhormat di atas balasan kebijaksanaan Yang Berhormat dan juga kerjasama Yang Berhormat, maka permohonan Yang Berhormat untuk mewujudkan satu balai bomba di Puncak Alam yang telah dipohon telah pun kita luluskan untuk dilaksanakan untuk tahun hadapan.

Jadi saya ingat itu sahajalah yang saya telah bangkitkan. Jadi saya ucapkan terima kasih banyak kepada rakan-rakan. Saya hendak rakamkan di sini Tuan Yang di-Pertua, ini usaha-usaha dalam pembaharuan kepada bomba ini adalah di atas usaha Ketua Pengarah Bomba Malaysia, Datuk Seri Wan Md. Nor Ibrahim. *[Tepuk]* Beliau akan bersara dalam April ini. Jadi perjuangan bomba seperti elaun khas yang RM200 telah pun dapat, kenaikan elaun untuk pasukan bomba bantuan juga telah diluluskan dan hari ini hasrat beliau nak letakkan pasukan bomba sukarela di bawah Jabatan Bomba dan Penyelamat telah menjadi kenyataan. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi

diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

***[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]***

***[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]***

### **Fasal-fasal 1 hingga 22 –**

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kapar, lepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

#### **6.15 ptg.**

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus masuk kepada fasal 6 seksyen 4A yang memberi kewujudan pegawai bomba sukarela. Tadi Yang Berhormat Menteri dalam peringkat dasar telah menerangkan bahawa pegawai bomba sukarela ini akan diberikan latihan dan sebagainya. Ini bersangkutan-paut sebab mereka akan, mengikut akta ini mempunyai tanggungjawab yang sama seperti pegawai bomba biasa, hanya di beberapa peringkat sahaja yang tidak diletakkan tanggungjawab yang sedemikian.

Oleh sebab itu saya menghendaki Yang Berhormat Menteri menjelaskan kelayakan terperinci dan latihan terperinci yang akan diberikan kepada pegawai bomba sukarela sebelum mereka menepati fasal 6 ini.

Seterusnya saya masukkan kepada seksyen 4C di mana daftar telah diberi penerangan di mana daftar itu perlu mengandungi nama dan apa-apa butir lain. Di sini di sebelah huraian pun saya tidak mendapati apa-apa huraian tentang dokumen-dokumen lain atau butiran-butiran lain. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahagian itu.

Seterusnya yang ketiga adalah berkenaan dengan pindaan seksyen 6 bersamaan dengan fasal 7. Di mana pindaan seksyen 6 sebenarnya menetapkan pegawai bomba dan pegawai bomba bantuan dibekalkan dengan pakaian seragam dan tanda pangkat serta kad pengenalan diri. Manakala pembaharuan kepada pegawai bomba bantuan dan pegawai bomba sukarela hanya dibekalkan dengan tanda seragam, tanda pangkat dan tiada kad pengenalan diri. Jadi saya kluatir bahawa tiada kad pengenalan diri ini akan



menyukarkan pegawai bomba sukarela ini berfungsi dengan secara efektif khususnya sebelum ketibaan bomba yang sepatutnya, mereka adalah anggota-anggota yang akan berada di kawasan itu dalam masa yang serta-merta. Tanpa kad pengenalan diri, ini akan merumitkan tugas mereka. Saya mencadangkan bahawa mereka juga perlu diberikan kad pengenalan diri. Saya minta Yang Berhormat beri ulasan sebentar nanti.

Seterusnya fasal 8, ini adalah berkenaan dengan pengurniaan pingat atau pangkat kehormat. Saya meminta Yang Berhormat Menteri juga menjelaskan sebab yang ini akan dilakukan oleh ketua pengarah. Saya sebenarnya menerima baik fasal 8 seksyen 7A kerana saya rasa pangkat dan pingat perlu diberikan kepada mana-mana anggota yang berjasa tetapi kadang-kadang kita selalunya dikaitkan dengan nepotisme, kronisme di mana orang yang sepatutnya, insan yang sepatutnya diberi pengurniaan pingat atau pangkat kehormat tidak memperoleh. Jadi saya menuntut dan menasihati kementerian perlu ada satu garis panduan ataupun mekanisme. Walaupun ketua pengarah boleh tetapi kita tetapkan satu garis panduan atau mekanisme untuk ketua pengarah itu mengikuti apabila dia membuat keputusan untuk memilih sesiapa untuk memberi pingat atau pangkat kehormat.

Seterusnya saya masuk kepada fasal 9. Saya nampak satu bahagian (3)(iii) di mana, sebelum itu ia berkenaan dengan subseksyen 3 di mana tiada bayaran boleh dikenakan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi penggunaan air. Ini berkaitan dengan seksyen 18 sub (1)(e) yang tidak ada di sini sebenarnya, ada dalam akta ibu berkenaan dengan menggunakan mana-mana bekalan air yang sesuai. Ini gabungan dengan seksyen 3 ini adalah sesuatu pindaan yang baik. Saya rasa ini perlu diperkasakan sebab bomba perlu dibekalkan dengan mana-mana bekalan air tanpa apa-apa caj.

Akan tetapi yang menarik juga, (h) ini pun adalah satu pindaan yang baik di mana *“mengeluarkan dengan paksa jika perlu mana-mana kenderaan atau objek yang menghalang kerja Jabatan Bomba dan Penyelamat”*.

#### ■1820

Ini saya berasakan adalah satu pindaan yang baik kerana khususnya di kawasan-kawasan *flat* apabila bomba hendak masuk, tak boleh masuk ada kenderaan-kenderaan kiri kanan. Ini melambatkan mereka, melambatkan nyawa diselamatkan mahupun harta benda. Jadi ini satu pindaan yang saya rasa baik tetapi untuk makluman Dewan ini saya rasa Yang Berhormat Menteri wajar menjelaskan sekiranya apabila kita alihkan kenderaan-kenderaan ini dan kalau hasil daripada mengalih-alih ini kenderaan itu mengalami kerosakan. Adakah apa-apa pampasan yang akan diwujudkan oleh kementerian?

Seterusnya saya masuk kepada fasal 10 ini hanya kepada pegawai bomba di mana mereka boleh mendapatkan maklumat, kuasa untuk mendapatkan maklumat, ia tidak dipanjangkan kepada Pegawai Bomba Bantuan ataupun sukarela. Saya minta rasional daripada pihak kementerian mengapa situasinya begitu.

Terakhir sekali Tuan Pengerusi ialah berkenaan dengan organisasi keselamatan kebakaran di premis ditetapkan. Saya difahamkan di premis ditetapkan adalah premis-premis yang diwartakan oleh Ketua Pengarah. Tetapi apabila kita baca seksyen 27A di mana ia berbunyi, "*Pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis ditetapkan hendaklah menubuhkan suatu organisasi keselamatan kebakaran*".

Mana-mana pemunya, penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis yang ditetapkan tidak mematuhi melakukan satu kesilapan yang boleh dihukum penjara. Persoalan saya adalah apabila kita mengatakan bahawa pemunya penghuni atau orang mempunyai pengurusan yang sepenuhnya ke atas premis, apakah premis-premis yang tertakluk di bawah kategori ini. Itu perlu dihuraikan supaya interpretasi akta ini dan fasal ini boleh diguna pakai pada masa depan.

Minta maaf Tuan Pengerusi, terakhir sekali ialah fasal 19. Ini adalah kewajipan untuk memberitahu jika berlakunya kebakaran. Ini pun adalah satu pindaan yang baik tetapi perlu penerangan kerana jika berlaku kebakaran ke atas mana-mana premis, kenderaan atau vesel, pemunya premis kenderaan atau vesel atau penghuni atau orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis itu hendaklah serta-merta memberitahu berlakunya kebakaran kepada balai bomba yang terdekat. Ini pindaan yang bagus tapi dari sudut *practicality* bagaimana kita hendak gunakan itu sebab kita letak contoh pemunya premis itu sekiranya tidak ada di kawasan itu, bagaimana dia hendak maklumkan serta-merta. Untuk saya mungkin perlu tambahkan satu perkataan di mana bila dia ketahui, bila *it comes to hid knowledge*. Bila dia ada *knowledge* tentang benda itu, dia kena melaporkan serta-merta. Itu sewajarnya perlu dimasukkan dalam fasal 19 iaitu seksyen 61A. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

**6.23 ptg.**

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tan Sri Haji Noh bin Omar]:** Terima kasih Yang Berhormat menyentuh beberapa pindaan. Jadi mengenai yang mula-mula tafsiran tadi ya ialah yang pengenalan diri untuk dia hendak kena berdaftar 4C tadi ya. Dia kena daftar untuk dia punya nama apa-apa butiran lain

sebagaimana ini untuk kita hendak pastikan untuk dia betul-betul daftar dan saya ingat sekarang ini pun apabila kita, walaupun kita sudah ada nama-nama yang sedia ada tetapi untuk kita hendak ke depan kita kena dapat pendaftaran yang lebih terperinci.

Ini kerana mereka ini nanti akan diberi latihan. Ertinya sebelum dia lantik menjadi pasukan bomba sukarela ini kalau sekarang ini mungkin dia buat sendiri. Makna bila kita ada akta ini kita akan dia hendak mohon pasukan bomba sukarela, di mana tempat hendak buat dan kita akan bagi latihan dulu. Kita akan beri latihan. Pasukan bomba sukarela, tadi Yang Berhormat kata mengapa tidak diberikan kad pengenalan. Kad pengenalan kerana pasukan bomba sukarela ini dia tidak boleh menjalankan tugas penguat kuasa.

Mereka hanya membuat aktiviti-aktiviti menyelamatkan sebelum berlaku kebakaran. Jadi ada dua tetapi saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Mungkin kita boleh buat peraturan dia hanya sebagai kad pengenalanlah tetapi bukannya kad kuasa seperti mana yang diberi kepada Pegawai Bomba. *That one* saya ingat kita boleh letak di bawah peraturan untuk mengenalkan dirilah. Kalau dia hendak tolong dia kena jawab *you* siapa. Jadi *at least* ada kad itu dia ada macam kad RELA macam itulah, yang itu saya ingat kita boleh letakkan di bawah peraturan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya bersetuju yang amat sangat Yang Berhormat sebab selalunya apabila pandang isu itu kita pandang isu kebakaran bagaimana pula menyelamatkan.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Yes.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Mesti dia tunjuk dia wakil Jabatan Bomba dan Penyelamat. Itu pandangan saya. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Betul itu kita boleh, saya setuju. Itu kita akan masukkan di bawah peraturan kita. Kemudian Yang Berhormat tanya tadi apakah kerosakan atau kerugian kerana disebabkan kita tindakan Pegawai Bomba dianggap sebagai kerugian disebabkan kebakaran. Jadi maksudnya apa-apa kerosakan yang berlaku ini, ini mungkin boleh dianggap sebagai kerugian disebabkan kebakaran. Ini dia menyamar diri dan seperti biasalah kalau kata pihak sesiapa pun yang tak puas hati dengan kerugian yang mereka alami ialah tentu mereka boleh ambil tindakan undang-undanglah kepada pihak bomba.

Mengenai pingat tadi Yang Berhormat bangkit tadi betullah. Kita akan melihat bahawa pengurniaan pingat ataupun pangkat kehormat ini sebenarnya yang saya nyatakan tadi bahawa kalau kita diberikan kuasa ini, tentulah kita lantik mereka yang berminat saya tahu ada rakan-rakan sebelah sana pun tadi Yang Berhormat Hulu Langat ada sebut, Yang Berhormat Jelutong pun ada sebut. Mereka juga terlibat dalam pasukan-

pasukan bomba sukarela. Jadi pasukan bomba sukarela ini saya bersetujulah kita kena faham dan ketepikan fahaman politik kita tapi kita kena berikan kepentingan rakyat. Jadi kalau siapa yang terutama Ahli-ahli Parlimen yang berminat, memang saya bersetuju untuk kita hendak buat satu— Ketua Pengarah untuk menentukan pingat dan pangkat kehormat ini.

Seterusnya, Yang Berhormat bangkit tadi mengenai kuasa mendapatkan maklumat di mana untuk bagi maksud Yang Berhormat kita 18A tadi kan? Iaitu seorang Pegawai Bomba boleh melalui notis tatatertib disampaikan kepada seorang kepada seseorang orang itu. Ini ialah peruntukan untuk kita memberikan kuasa kepada pihak bomba untuk mendapatkan maklumat-maklumat daripada— sekarang ini pun ada tetapi kita hendak perkuatkan lagi undang-undang ini jadi kita juga sudah ada NBOS dengan pihak polis. Kita ada NBOS pihak polis sekarang ini kalau kita dapat maklumat daripada bomba punca apa. Macam dulu katalah KWSP. Bila polis tengok, bila bomba dapat maklumat bukannya sebab-sebab jenayah, jadi dia tak sampai ke polis. Akan tetapi kalau ada jenayah, kita serahkan kepada polis untuk meneruskan penyiasatan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri. Di mana dekat sini kuasa untuk mendapatkan maklumat kejadian kebakaran dan sebagainya adalah terletak pada Pegawai Bomba. Soalan saya tadi ialah mengapa ia tidak dipanjangkan kepada Pegawai Bomba Bantuan. Saya balik kepada apa yang dibangkitkan semasa perbincangan jawatankuasa tadi di kawasan-kawasan seperti Pulau Ketam, Bagan 'Ailang', atau kawasan-kawasan terpinggir di mana tidak ada balai bomba, kita guna bantuan Pegawai Bomba Bantuan. Mengapa mereka tak diberi kuasa untuk mendapatkan maklumat padahal mereka adalah orang yang paling terdekat memerhati atau mungkin cepat sampai dan sebagainya.

Maksud saya ialah kuasa untuk mendapatkan maklumat ini tertakluk kepada Pegawai Bomba sahaja. Mengapa ia tidak diperluaskan kepada Pegawai Bomba Bantuan? Sebab ada di beberapa tempat Pegawai Bomba Bantuan ada bukan balai bomba. Itu pandangan saya Yang Berhormat. Terima kasih.

■1830

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Saya katakan tadi bahawa ia ada dua yang bersama dengan isu yang *kad*, yang Yang Berhormat kata *kad* kuasa tadi. Jadi, yang bab ini ialah untuk mendapatkan maklumat menyiasat. Pasukan Bomba Sukarela ini, dia mengambil langkah-langkah awal untuk mencegah daripada kebakaran. Jadi, kuasa ini kita hanya cuma berikan kepada pegawai tertentu iaitu pegawai penyiasat. Ertinya, forensik

kebakaranlah. Ini kita tekankan di dalam kes untuk penyiasatan yang hanya diberikan kuasa kepada pegawai bomba forensik ini. Itu maksudnya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya bangkitkan isu ini sebab sebelum ini tiada. Akan tetapi di bawah fasal 10, seksyen 18A, sub (1)(b), sekiranya mereka tidak hadir di hadapan pegawai bomba, mereka melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi RM1,000. So, saya nampak ada isu denda di sini dan sebagainya. Maka, untuk menyenangkan mereka, saya rasa kuasa ini juga boleh dipanjangkan kepada Pegawai Bomba Bantuan, khususnya di kawasan-kawasan yang saya tafsirkan tadi. Itu pandangan saya Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tan Sri Haji Noh bin Omar:** Akan tetapi tidak apa Yang Berhormat, sebab kita kena beza. Ada kuasa menyiasat ialah pegawai bomba, yang sukarela ini dia tidak ada kuasa untuk menyiasat, dia hanya membantu. Ia dua isu yang berbeza. Jadi kerana itu, kita berikan kuasa ini ialah kepada pegawai bomba yang sepenuh masa. Pegawai bomba sepenuh masa ini pun Yang Berhormat, tidak semua pegawai bomba diberikan dengan ada kuasa ini. Ia selalunya kita beri kepada pegawai penyiasat atau forensik kebakaran. Ini yang ditekankan.

Kemudian yang mengenai mana-mana pemunya premis. Jika pemunya premis tiada penghuni atau mana-mana pemunya pengurusan di premis tidak perlu *knowledge*. Itu maksud yang Yang Berhormat kata tadi, mesti ada pengetahuan tetapi dalam peraturan kita ini kita kata iaitu pemunya, penghuni atau orang-orang yang mempunyai pengurusan sepenuhnya ke atas premis hendaklah menubuhkan Organisasi Keselamatan Kebakaran. Ini sebenarnya sebelum ini, yang dimaksudkan ini ialah premis-premis yang dahulu yang di bawah OKK ini, yang telah pun diwartakan. Jadi sebelum ini, OKK ini yang saya sebut tadi, ia ini di bawah peraturan. Apabila di bawah peraturan, memang ada. *Now* kita jadikan ia sebagai akta dan bila jadi akta, kalau mereka yang tidak menubuhkan pasukan seperti yang kita sebut, maka ia boleh dikenakan tindakan. Jadi, segala pandangan Yang Berhormat, kalau kita lihat tidak cukup dalam undang-undang ini, kita boleh letakkan sebagai peraturan-peraturan untuk kita menghasilkan Pasukan Bomba Sukarela dan apa juga ialah untuk menjaga, mencegah kebakaran dan juga untuk menyelamatkan nyawa rakyat. Terima kasih.

**[Fasal-fasal 1 hingga 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]**

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tiada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Wira Razali bin Ibrahim) dan diluluskan]*

### USUL

#### **MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 62**

**6.36 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Wira Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, DR 3/2018, Rang Undang-undang Sivil (Pindaan) 2018 seperti yang tertera di nombor 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditarik balik”.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 5 April 2018.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.36 petang]***